

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---



---

<b>Bil. 35</b>	<b>Isnin</b>	<b>26 Jun 2006</b>
----------------	--------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- |                                   |             |
|-----------------------------------|-------------|
| - Memperkenankan Akta-akta        | (Halaman 1) |
| - Perutusan Daripada Dewan Negara | (Halaman 1) |

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 27)

- |   |              |
|---|--------------|
| Rang Undang-undang Lembaga Lada Negara 2006                   | (Halaman 27) |
| Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005 | (Halaman 96) |

**USUL:**

- |  |               |
|--|---------------|
| Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3) | (Halaman 100) |
|--|---------------|

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

- |  |               |
|--|---------------|
| <b>Keingkaran, Ketidakdisiplinan Serta Cabaran Polis Terhadap Kabinet Kerajaan dan Demokrasi Berparlimen</b> |               |
| - Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)   | (Halaman 101) |

- |  |               |
|--|---------------|
| <b>Daya Saing Malaysia dan Cabaran Kerenah Birokrasi</b> |               |
| - Y.B. Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu)        | (Halaman 103) |

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 26 Jun 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

- (i) Akta Perbekalan Tambahan (2005) 2006;
- (ii) Akta Paten (Pindaan) 2006;
- (iii) Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2006;
- (iv) Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006;
- (v) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006;
- (vi) Akta Makanan (Pindaan) 2006; dan
- (vii) Akta Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan perutusan]*

"1 Jun 2006

**Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

- (i) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006;
- (ii) Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006;
- (iii) Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006;
- (iv) Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2006;
- (v) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2006;
- (vi) Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006;
- (vii) Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006;
- (viii) Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2005; dan
- (ix) Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006.

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan bagaimanakah kerajaan akan mengatasi masalah kekurangan pegawai dan Pembantu Pertanian di peringkat daerah (kawasan Parlimen) dalam usaha memperkasa pertanian dalam RMK-9 ini.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pandai berpantun.

Dalam usaha untuk memperkasa sektor pertanian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun mengambil beberapa usaha dan tindakan bagi menambahkan bilangan anggota pegawai dan pembantu pertanian di peringkat daerah, di kawasan Parlimen supaya usaha-usaha untuk membangunkan sektor pertanian lebih berdaya maju.

Langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) mengisi dengan segera kekosongan jawatan yang sedia ada dan memperakukan kepada pihak berkuasa untuk melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia;
- (ii) mengkaji dari masa ke semasa keperluan tambahan anggota di jabatan mengikut keperluan sekiranya berlaku perubahan fungsi dan tanggungjawab;
- (iii) memperakukan ke agensi pusat yang bertanggungjawab mengenai perjawatan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bagi cadangan mewujudkan jawatan-jawatan baru mengikut keperluan berserta dengan justifikasi;

- (iv) penyusunan semula struktur organisasi Jabatan Pertanian telah pun dibuat. Penyusunan ini melibatkan peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah. Penyusunan semula struktur Jabatan Pertanian ini juga telah pun melibatkan penambahan jawatan pegawai, pegawai pengembangan di peringkat daerah;
- (v) memberi pelbagai latihan bimbingan, motivasi serta kemahiran kepada pegawai dan pembantu pertanian yang sedia ada di daerah untuk membimbing petani dengan memberikan khidmat nasihat supaya dapat melahirkan petani-petani yang produktif bagi menentukan sektor pertanian maju ke hadapan dan menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai dan pembantu pertanian di peringkat daerah, Jabatan Pertanian sedang menguruskan pengambilan pegawai baru untuk mengisi kekosongan jawatan pegawai di seluruh Semenanjung Malaysia. Jabatan Pertanian bersama pihak JPA dan SPA kini sedang dalam proses menemu duga calon untuk mengisi kekosongan jawatan pegawai pertanian yakni jawatan Persekutuan seramai 107 orang.

Sementara itu pengisian jawatan Pembantu Pertanian Jawatan Persekutuan seramai 54 orang di seluruh Semenanjung Malaysia kini masih dalam tindakan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Pada masa yang sama penempatan pegawai dan Pembantu Pertanian yakni jawatan negeri akan diuruskan oleh pihak Setiausaha Kerajaan Negeri bagi mengisi kekosongan jawatan di seluruh Semenanjung Malaysia.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang sedang dijawab tadi haruslah dilaksanakan dengan segera dan saya tidak pasti 107 orang pegawai dan 54 orang pembantu itu sesuatu yang mencukupi. Kita dalam era memperkasakan pertanian dan Ahli-ahli Parlimen semua sememangnya bersama dengan kerajaan untuk membangunkan pertanian.

Yang menjadi masalahnya ialah di peringkat daerah itu masih dalam keadaan yang sedia ada. Saya takut setahun berlalu dengan tidak ada apa-apa tindakan. Pertanyaan saya yang kedua ialah bagaimana pula keadaannya Kolej-kolej Pertanian yang ada di seluruh negara yang sesetengahnya dikatakan ditutup. Apakah ini juga harus mengambil suatu tindakan yang drastik untuk memberi ilmu-ilmu baru kepada pembantu-pembantu pertanian ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kalau dikira dari segi keperluan penambahan seluruh perjawatan dengan susunan semula Jabatan Pertanian termasuklah di peringkat pengembangan (*extention service*), kita telah mengemukakan pada tahun 2004 permohonan tambahan sebanyak 3,000 jawatan-jawatan baru yang kita perlukan tetapi pihak kerajaan sudah hanya meluluskan setakat 320 perjawatan sahaja. Ini bermakna dari segi keperluan itu jauh lebih tinggi daripada yang telah diluluskan.

Memanglah benar kita akan menyegerakan pelaksanaan program penyusunan semula dan kita harap pihak yang berkuasa, SPA menyegerakan pelantikan pegawai-pegawai ini. Dari segi latihan, kita telah pun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan mengenal pasti 14 institut latihan pertanian yang kita akan kembangkan dan kurikulum pembelajaran ataupun latihan di situ sedang pun disusun semula untuk memenuhi keperluan dari segi latihan pembantu dan juga petani-petani kita yang kita kira sesuai untuk dihantar untuk latihan mengikut rancangan pembangunan pertanian yang sudah kita susunkan sekarang ini. Memang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sudah pun diperuntukkan sejumlah wang yang saya fikir agak besar juga untuk melaksanakan program ini.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin pergi kepada masalah di peringkat akar umbi. Saya kira Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani cukup banyak menggunakan istilah-istilah semasa dengan izin, *fashionable and trendy, agro technology, biotechnology, nanotechnology, pico technology*, tetapi kita hendak lihat dari segi manakah, sejauh manakah segala konsep ini benar-benar meresap sampai ke bawah, difahami dan dilaksanakan. Sebab saya lihat di sini di antara harapan dan realiti itu ada satu daerah yang lompong di sini. Apakah masalah kewangannya, sumbernya, mohon penjelasan.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi betul. Memang dalam keadaan sekarang ini kita belum lagi berupaya untuk menyerap sampai ke peringkat akar umbi dasar-dasar baru yang telah ditekan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meningkatkan dan mentransformasikan sektor pertanian termasuklah bidang-bidang baru seperti *agro biotechnology, nanotechnology* dan bidang-bidang yang melibatkan apa yang dikatakan *high technology*, yang begitu tinggi.

Tetapi walau pun begitu, peringkat permulaan sudah pun kita lakukan, umpamanya kita memperkasakan agensi kita iaitu apa yang kita sebut MARDI, pusat penyelidikan yang telah pun diadakan di MARDI sekarang ini sudah pun kita pertingkatkan dengan jumlah pegawai-pegawai, penyelidik-penyelidik, para pakar *scientist* yang kita fikir sesuai kerana sebelum kita hendak bawa ke bawah dan hendak menerangkan berbagai-bagai bidang baru ini adalah wajar bagi kita untuk meningkatkan *human capital* atau modal insan.

Ini memang mengambil masa yang agaknya lama sedikit. Namun begitu, rancangan yang telah pun kita laksanakan sekarang ini untuk memperkenalkan beberapa teknologi-teknologi baru sudah pun kita mulakan walau pun tidaklah sepesat sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat, sudah pun kita laksanakan seberapa yang mampu di peringkat akar umbi ataupun di bawah.

2. **Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]** minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan kajian Peguam Negara terhadap cadangan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan sama ada kerajaan masih berpegang kepada janjinya untuk menubuhkan IPCMC bagi membentuk polis bertaraf dunia.

**Perdana Menteri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Jabatan Peguam Negara masih mengkaji tentang konsep dan struktur IPCMC yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia. Kajian yang dibuat menyentuh implikasi penubuhan IPCMC itu kepada negara, orang ramai dan juga Jabatan Polis Malaysia sendiri dan sama ada penubuhan badan itu sudah praktik atau sebaliknya ataupun perlu apa-apa pindaan kepada cadangan itu.

Maka dengan itu, wajarlah Jabatan Peguam Negara juga memberi perhatian kepada peranan beberapa agensi yang lain yang juga ada hubung kait dengan tugas-tugas yang berkaitan dengan polis iaitu peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis, Badan Pencegah Rasuah, Biro Pengaduan Awam, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sendiri.

Sehubungan dengan ini, Jabatan Peguam Negara sedang mengadakan suatu siri mesyuarat dengan agensi-agensi penguatkuasaan termasuk PDRM dan kementerian-kementerian yang berkaitan untuk mendapatkan pandangan dan maklumat. Jabatan Peguam Negara juga mengambil kira pandangan badan bukan kerajaan dan orang ramai yang juga menghantar cadangan-cadangan dan pandangan mereka mengenai perkara ini.

Jabatan Peguam Negara telah hampir selesai dengan kajian yang dijalankan dan dalam peringkat akhir untuk menasihatkan kerajaan mengenai perkara ini. Memanglah kerajaan serius untuk membaiki lagi PDRM supaya kedudukan PDRM itu akan menjadi satu-satunya badan penguat kuasa undang-undang yang berwibawa, yang berkesan, dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan dapat memenuhi hasrat rakyat untuk menjaga keamanan dan keselamatan dalam negara. Maka dengan itu apa juga mekanisme yang perlu ditubuhkan untuk tujuan itu, kita akan laksanakan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Soalan tambahan, *dead line* Suruhanjaya Diraja mengenai polis untuk menubuhkan IPCMC ialah bulan Mei sudah lepas. Tetapi sekarang Yang Amat Berhormat kata bahawa struktur, konsep masih ditimbang kaji oleh Jabatan Peguam Negara.

Adakah ini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah *past the park* nampak mengenai sama ada mahu menubuhkan IPCMC ialah satu soalan dasar kepada Jabatan Peguam Negara apabila Jabatan Peguam Negara ialah satu cabang eksekutif sahaja dan adakah ini pun menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah kata bahawa IPCMC akan ditubuhkan sudah *back off* daripada pendirian itu, oleh kerana ada

*insubordination* daripada pihak polis, Ahli-ahli Parlimen walhal menteri-menteri dalam kabinet....  
[Disorak] [Dewan riuh]

Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa inilah suatu perkara yang menjadi, *as a test* sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tegas, ada *political will* untuk melakukan, mengotakan janji *reform* polis dan kerajaan. Bolehkah tegas dalam perkara ini?

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Yang Berhormat, apabila kita telah menerima laporan daripada suruhanjaya yang telah ditubuhkan itu, banyak antara cadangan-cadangan yang dijalankan untuk menambahbaikkan polis telah pun dicadangkan, IPCMC hanya satu daripada cadangan yang dikemukakan.

Saya memahami kerana *deadline* itu telah pun melewati daripada tarikh yang telah ditentukan tetapi ini adalah suatu perkara yang penting dan saya tahu yang saya bertanggungjawab kepada polis untuk menjaga untuk memastikan polis berjalan dengan baik, *the commitment is to improve the police*, IPCMC itu adalah antara cara-cara yang boleh dijalankan, tidak semestinya secara terperinci segala yang dicadangkan oleh IPCMC itu boleh dilaksanakan.

Maka perlulah dengan itu diambil kira dan sebaik-baik pegawai saya, sebaik-baik pegawai yang membincangkan perkara ini kerana ini ada hubung kait dengan undang-undang dan ada pula hubung kait dengan peranan-peranan agensi-agensi yang tadi saya telah sebutkan. Maka dengan itu bukanlah menjadi satu perkara yang merupakan tidak tegas dalam hal ini. Ketegasan kita itu ialah menubuhkan sesuatu yang adil, yang membolehkan polis menjalankan kerja di satu pihak juga ada pengawasan supaya kerja polis itu berjalan dengan baik demi kepentingan rakyat. Itulah ketegasan yang diambil dalam hal ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *Asssamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita menerima baik jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perkara IPCMC. Tidak IPCMC pun Pasukan Polis di Raja kita 5 terbaik di dunia. Tidak perlu soal IPCMC ini pembangkang melihat di sudut yang sempit mencari kesalahan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sepatutnya..., saya hendak memberi sokongan kepada.... Pembangkang hendak mempolitikkan sahaja isu ini Yang Berhormat Tan Sri. Yang paling penting kepada kerajaan Suruhanjaya penambah baik ini sudah buat 125 cadangan. Kebanyakan sudah pun dilaksanakan cuma antaranya IPCMC ini sahaja yang masih dipertimbangkan. Soal yang penting saya ingat ialah kerajaan patut menimbangkan ialah hal-hal kebajikan polis. Soal kebajikan, soal gaji, elaun, perumahan, pendidikan dan kesihatan, itu yang lebih penting. Saya harap kerajaan tidak terpengaruh dengan apa sahaja hasutan daripada pihak pembangkang yang hendak mengharu birukan polis kita yang terbaik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup. Apa soalnya Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Maknanya kerajaan kena beri tumpuan kepada kebajikan, gaji dan elaun. Bukan IPCMC hendak ikut apa yang disandiwarkan oleh parti pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Memang mahu jadi Setiausaha Parlimen lah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak tanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setuju atau tidak saya punya cadangan? Itu sahajalah.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kalau kita baca Laporan Suruhanjaya, memanglah usaha-usaha untuk menambahbaikkan polis itu melibatkan banyak perkara yang lain bukan hanya berkaitan dengan disiplin. Yang lain-lain lagi yang perlu diambil kira dan memang betul kalau Yang Berhormat Sri Gading kata tadi kita memberi perhatian kepada pegawai itu. Dan perkara ini pun kita ambil perhatian kepada peringkat yang perlu dipertimbangkan atas alasan-alasan yang telah saya sebutkan tadi.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor minta soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita beralih .....

**Cik Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat membenarkan tiga, lebih dari 3 soalan ya Tuan Yang di-Pertua

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hey, *mo!*

**Cik Fong Po Kuan:** Bukit Gelugor minta soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat bagi Ketereh, sila.

3. **Datuk Haji Md. Alwi bin Haji Che Ahmad [Ketereh]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah Malaysia mempunyai kekuatan tentera darat, udara dan laut yang cukup kuat untuk mempertahankan kedaulatan kita dan menghadapi sebarang kemungkinan, memandangkan selalu sangat kita mendengar kapal terbang kita terhempas dan skuadron helikopter yang telah usang dan terlalu lama. Nyatakan langkah-langkah pemodenan ini.

**Timbalan Perdana Menteri [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia diwujudkan untuk mendukung strategi ketenteraan yang diguna pakai bagi mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara supaya tidak dicerobohi atau dicemari oleh musuh negara. Justeru, pembangunan ATM telah difokuskan untuk menentukan bahawa ATM mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk menjadikannya satu angkatan tentera yang lebih kredibiliti dan berkesan dalam melaksanakan tugasnya serta mampu menyekat sebarang ancaman terhadap negara dan segala kepentingannya sama ada dari darat, laut atau udara.

Sejajar dengan keperluan ini, Rancangan Pembangunan ATM jangka panjang telah digubal dan dirumuskan dengan matlamat keupayaan yang dihasratkan akan dapat direalisasikan. Antara projek pemodenan ATM yang telah dirancang dan disusun adalah seperti berikut:

- a) meningkatkan kuasa tembakan dan mobiliti Pasukan Tentera Darat dengan kelengkapan rejimen kereta kebal artileri pertahanan jarak dekat dan sederhana, kelengkapan kenderaan dan lain-lain lagi;
- b) meningkatkan rangkaian perisikan pengawasan dan pengesanan melalui aset-aset seperti peralatan peperangan elektronik, *unman area vehicle* atau UAV dan pesawat *long range maritime patrol* serta perolehan kapal selam;
- c) meningkatkan kuasa pertahanan udara melalui perolehan pesawat-pesawat canggih pelbagai peranan atau *multirole combat aircraft helicopters* serang dan angkut berat serta pesawat-pesawat pengangkutan jarak sederhana.

Sejajar dengan perolehan peralatan dan kelengkapan yang serba canggih dan moden, ATM juga mempertingkatkan tahap profesionalisme anggota-anggotanya dengan memberikan pendedahan seberapa luas yang boleh melalui latihan ketenteraan (*on the job training*), kursus-kursus dan pengajian di Pusat Institusi Latihan di dalam dan di luar negara.

Di samping itu, penekanan terhadap pengajian sains dan teknologi terutama sekali di bidang ICT juga telah dan terus diberi keutamaan. Persediaan juga dibuat untuk membentuk ATM menjadi satu pasukan pertahanan yang padu dan *credible* berkonsepkan *future soldiers* di bawah program berbentuk penyelidikan dan pembangunan teknologi pengkajian semula doktrin pertempuran latihan berasaskan simulasi berkomputer dan penyelidikan operasi ketenteraan.

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri. Sebagai orang yang pernah bercita-cita hendak menjadi pegawai tentera, saya cukup rasa selamat apabila mendengar program pemodenan kita dan saya yakin rakyat juga akan terasa amat selamat dengan program tersebut. Tetapi Yang Amat Berhormat Dato' Seri, ada sesetengah orang mendakwa dan sesetengah orang ini adalah orang yang biasanya dahulu berkhidmat dengan kerajaan, kemudian saya tidak tahu macam mana boleh hilang kasih sayangnya kepada kerajaan menyatakan bahawa sebahagian daripada pembelian kelengkapan angkatan tentera kita terutamanya daripada *United States of America*, daripada US macam F18, kononnya kita beli kapal terbang ini tetapi ada syarat bahawasanya kapal terbang ini tidak boleh digunakan untuk perang. Ia hanya boleh dibeli untuk tujuan latihan dan simpan sahaja. Dakwaan seperti ini sebenarnya menyebabkan saya sendiri rasa marah dan sesetengah rakyat hilang keyakinan terhadap pembelian-pembelian besar yang kita lakukan.

Soalan tambahan saya ialah apakah dakwaan seperti ini benar atau hanya ialah merupakan satu perkara yang hanya sengaja hendak memburuk-burukkan kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan dengan sekeras-kerasnya dakwaan tersebut. Pembelian pesawat F18D ini

merupakan sebuah pesawat yang canggih dan berkeupayaan tinggi dan mampu menjadi sumber kekuatan untuk pertahanan udara negara kita.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Senarionya begini, Leftenan Muda S. Tulasiram meninggal di Pendang September 1984. Leftenan Muda Faizal Muhamad di Sintok, Kedah September 1990. Kapten Suhaimi Md Sahid di Kepala Batas Oktober 1991. Leftenan Hamir Fizar Yusof di Chukai, Terengganu Januari 1992. Leftenan Muda Nazri Amran di Ambong Tulang, Perlis 1993 dan sekali lagi di Pendang Leftenan Muda Faizal Ismail, April 2001. Soalan saya apabila pesawat *hawk* baru-baru ini gagal untuk melakukan pendaratan cemas, *pilot* mengatakan rodanya gagal berfungsi tetapi apabila *pilot* ini meninggal, kajian yang dijalankan menunjukkan kesalahan manusia. Apakah sebenarnya berlaku kepada pesawat-pesawat pejuang kita? Apakah kesalahan itu sebenarnya kepada pesawat ataupun kepada *pilot* itu sendiri? Minta jawapan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, dalam sesuatu kemalangan yang berlaku, kita perlu menyiasat apa punca kemalangan itu. Sebahagian besar daripada kemalangan yang berlaku oleh kerana dalam latihan angkatan tentera, kita perlu menentukan supaya juruterbang-juruterbang kita ini melakukan latihan dalam keadaan yang cukup ekstrem. Ini berbeza dengan latihan penerbangan awam di mana kita terpaksa menentukan dalam apa jua keadaan juruterbang kita mampu mengendalikan pesawat-pesawat kita, sebab dalam keadaan pertempuran kita tidak boleh menentukan keadaan yang sebenarnya.

Mungkin dalam cuaca yang buruk, mungkin kita terpaksa serang melalui *low level attack* dengan izin, mungkin terpaksa kita serang waktu malam. Jadi bila kita melatih anggota tentera kita juruterbang-juruterbang kita, dia mesti dilatih dalam keadaan yang menghampiri keadaan kalau berlaku sesuatu pertempuran. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang berlaku kemalangan dan sebagainya kerana mereka berada dalam keadaan yang sangat ekstrem. Umpamanya mereka terpaksa diuji dengan apa yang dikatakan 9G punya tarikan (*9G gravity pull*) manusia biasa tidak boleh tahan kalau ada keadaan sedemikian. Tetapi ini semua terpaksa dilalui oleh juruterbang-juruterbang kita.

4. **Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan merancang mewujudkan '*Ombudsman*' supaya tuduhan oleh orang awam terhadap tindakan pentadbiran yang tidak adil boleh disiasat oleh satu badan yang bebas dan tindakan seterusnya dapat diambil dengan berkesan

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan nombor 56 oleh Yang Berhormat Ir. Dr. Wee Kaya Siong, Air Hitam pada 26 hari bulan Jun Tahun 2006 dan soalan nombor 38 oleh Yang Berhormat dari Cheras

pada 4 hari bulan Julai Tahun 2006 secara serentak memandangkan ketiga-tiga soalan adalah saling berkaitan iaitu berhubung penubuhan 'Ombudsman' di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 hari bulan Mac Tahun 2006 telah membuat keputusan bahawa institusi 'Ombudsman' sepenuhnya seperti mana yang terdapat di kebanyakan negara lain pada masa ini dilihat masih tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat konsep-konsep lain yang berasaskan 'Ombudsman' yang sedang dikaji dan dipertimbangkan untuk disesuaikan dengan sistem pentadbiran negara ini untuk diguna pakai oleh Biro Pengaduan Awam menjadikannya sebagai sebuah organisasi pengurusan pengaduan yang berkesan dan dipercayai.

**Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan dan Tuan Yang di-Pertua, kini tuduhan oleh orang awam terhadap tindakan pentadbiran yang tidak adil boleh membawa perkara ke satu Biro Pengaduan Awam atau ke mahkamah untuk *judicial review*. Tetapi proses *judicial review* ini mengambil masa yang lama dan melibatkan kos yang tinggi. Manakala Biro Pengaduan Awam tidak mempunyai kuasa penghakiman atau *judicial power*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat soalan.

**Tuan Shim Paw Fatt:** ...atau tiada gigi? Jadi banyak, kebanyakan aduan tidak dapat disiasat dengan berkesan dan cekap..

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, beri soalan Yang Berhormat.

**Tuan Shim Paw Fatt:** ....ataupun kes-kes disapu di bawah *carpet* sahaja...

**Seorang Ahli:** Adakah?.

**Tuan Shim Paw Fatt:** ...Ya, ada...[Ketawa] Negara kita harus, haruslah mengadakan satu sistem serupa 'Ombudsman' yang mempunyai *semi-judicial power* di mana tuduhan berkenaan boleh disiasat dengan cepat dan menyeluruh dan pada keadaan ketelusan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Shim Paw Fatt:** Ya, sikit lagi. Sistem ini juga akan meningkat sistem penyampaian kerajaan. Jadi, saya ingin tahu apakah pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengatakan bahawa kerajaan sedang mengkaji konsep-konsep yang berasaskan 'Ombudsman' untuk diguna pakai di Malaysia ini supaya apa yang dikendalikan oleh Biro Pengaduan Awam ini bertambah kesannya.

Kalau kita lihat dalam negara-negara yang lain di mana 'Ombudsman' ini diamalkan seperti di Filipina dan Indonesia. Saya tidak lihat dia dapat membantu dalam penyelesaian masalah-masalah yang telah dihadapi oleh kerajaan. Jadi, apa yang saya katakan tadi ialah kita sedang mengkaji apa dia sebenar yang kita perlu di Malaysia ini yang berasaskan sistem 'Ombudsman'.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya kurang faham dengan jawapan yang diberikan tadi. Apakah sebabnya sebab-sebab menyebabkan pihak kerajaan memikirkan konsep '*Ombudsman*' ini tidak masih tidak sesuai lagi dalam negara kita. Apakah sebenarnya sebab-sebab ataupun ciri-ciri dalam negara kita yang membezakan negara kita daripada negara-negara lain yang menyebabkan konsep '*Ombudsman*' ini tidak sesuai dan saya ingin tahulah apakah sebabnya. Terima kasih.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam negara-negara yang lain yang menggunakan pakaikan konsep '*Ombudsman*' ini seperti negara jiran kita. Saya tidak lihat apa yang kebaikan besar yang didapati daripada sistem ini untuk dilaksanakan sepenuhnya mengikut konsep seperti yang diamalkan di negara Sweden, negara Sweden ini telah pun mengamalkan konsep '*Ombudsman*' sejak tahun 1809 dan ini adalah mengikut sejarah negara itu yang berlainan daripada Malaysia. Kalau kita lihat dalam negara-negara yang lain pula, dia memerlukan satu pengubahsuaian untuk disesuaikan dengan pentadbiran dan sejarah negara itu dan saya ingat inilah yang kita perlu kaji sekarang Tuan Yang di-Pertua.

5. **Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]** minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa polarisasi kaum berlaku di antara murid di sekolah kebangsaan sejak akhir-akhir ini dan adakah polarisasi kaum ini dibendung oleh guru-guru mereka. Sila jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh guru dan adakah langkah-langkah tersebut berjaya mengurangkan polarisasi kaum tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem pendidikan negara sekolah kebangsaan adalah merupakan sekolah aliran perdana yang menyediakan pendidikan untuk semua kaum bagi memupuk perpaduan. Namun demikian terdapat kecenderungan sekolah kebangsaan tidak lagi menjadi pilihan berbagai kaum dan fenomena ini boleh menghalang hasrat kerajaan untuk memupuk integrasi nasional bermula dari peringkat persekolahan rendah.

Sehubungan itu, kerajaan telah menjadikan agenda memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai agenda utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama masyarakat pelbagai kaum. Kementerian Pelajaran berusaha untuk memupuk integrasi kaum di semua peringkat persekolahan dan guru sememangnya berperanan penting bagi memastikan nilai-nilai perpaduan dipupuk melalui proses pengajian dan pembelajaran dan juga aktiviti kokurikulum. Kokurikulum kebangsaan di semua peringkat persekolahan sememangnya telah menekankan aspek-aspek perpaduan, toleransi, kerjasama serta nilai-nilai murni. Melalui aktiviti kokurikulum pula penyertaan murid berbagai kaum diberi penekanan bagi memupuk bersefahaman di samping melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga mengasah bakat kepimpinan.

Kementerian Pelajaran juga telah melaksanakan rancangan integrasi murid untuk perpaduan iaitu Student Integration Programme for Unity (RIMUP) bagi memupuk perpaduan kaum di kalangan murid-murid sekolah. Selain itu, pihak sekolah dan guru akan memastikan tidak wujud pemisahan atau pengasingan murid mengikut kaum sama ada dalam bilik darjah mahu pun dalam semua bentuk aktiviti di luar bilik darjah. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran pula, guru sentiasa menerapkan nilai-nilai bekerjasama secara merentas kurikulum dan menggalakkan daripada menimbulkan isu-isu yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama.

Dalam hubungan ini guru memainkan peranan sebagai *role model* khususnya dalam interaksi dan perlakuan yang boleh diteladani oleh anak muridnya. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa peranan guru amat penting dalam usaha mengatasi polarisasi kaum di sekolah. Namun demikian, Kementerian Pelajaran percaya bahawa usaha-usaha ini akan lebih berjaya dengan adanya kerjasama daripada semua pihak termasuk ibu bapa, komuniti setempat, pertubuhan masyarakat, badan-badan bukan kerajaan dan sebagainya kerana usaha memupuk integrasi melibatkan semua pihak. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Terima kasih, timbalan Menteri atas penjelasan yang begitu jelas mengenai dasar. Tapi, saya masih tidak berpuas hati mengenai pelaksanaan dasar ini. Saya ingin merujuk kepada kes tindakan guru besar sekolah kebangsaan yang telah menghalang anak muridnya daripada bermain bola jaring tanpa memakai tudung beberapa bulan yang lepas. Soalan tambahan saya, apakah tindakan disiplin yang telah diambil oleh kementerian guru besar tersebut atas perbuatan yang jelas boleh menggalakkan polarisasi agama dan kaum di sekolah kebangsaan ini. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih, saya minta Yang Berhormat kalau tidak dapat bukti yang jelas memberikan kepada menteri Pelajaran dan kita akan siasat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Sekolah-sekolah kita akan siasat kalau dapat jelas membuktikan bahawa Guru Besar telah melakukan sesuatu, jadi kita akan mengambil tindakan dan juga menasihatkan kepada Guru Besar supaya jangan melakukan sesuatu yang akan menjejaskan perpaduan antara murid berbilang kaum. Terima Kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Soalan apa? [*Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Ketereh*] Masalah polarisasi di Ketereh... [*Ketawa*]

**Datuk Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Soalan Kepong, soalan..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang ada soalan itu...Arau tu humbankan kereta ke atas..ke dalam laut... [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, memang saya nampak jawapan mengenai kokurikulum dan kurikulum semua itu elok belaka. Apakah badan pemantauan untuk memastikan semua guru semua kaum itu tidak mempunyai unsur-unsur perkauman? Ini memang saya dari semasa ke semasa termasuk ke Putrajaya saya dari semasa ada dengar kaum Tionghoa, kaum Melayu,

kaum India pun kadangkala akan sentimen sangat perkaumanlah tu. Kalau itu masalah macam mana murid dapat mengikuti. Sebagai contoh peranannya bolehkah Yang Berhormat sebutkan dari masa sekarang macam mana kita dapat memperkembangkan badan-badan kawal selia dan juga mungkin kita wujudkan kaedah yang lain untuk memantau termasuklah di Jerai....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Apa kena mengena dengan saya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** .....Semangat perkauman sangat tinggi di situ.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan berbilang-bersang terima kasih. Memanglah Kementerian Pelajaran mempunyai kawalan melalui pegawai-pegawai di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah supaya dasar Kementerian Pelajaran tidak dapat diabaikan. Saya bagi pihak Kementerian memberi jaminan bahawa pihak kita akan sentiasa usaha supaya sekolah akan dijadikan satu tempat di mana rakyat berbilang kaum dapat mewujudkan semangat perpaduan di peringkat sekolah.

**6. Dr Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat]:** Minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan secara terperinci mengenai pengaruh program hiburan realiti TV terhadap dasar dan konsep Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:**

Tuan Yang di-Pertua program hiburan realiti hiburan TV yang disiarkan di negara ini terdiri dari program-program luar negara dan terbitan tempatan. Antara program realiti tempatan ialah *Akademi Fantasia, Mentor, Malaysian Idol, Bersamamu, Mencari Cinta, Malaysian Top Host, Audition, My Team, Inspirasiku, Misi Suara Hati* dan *Explorace*. Manakala program realiti antarabangsa seperti *American Idol, The Apprentice, Survivor, Amazing Race, American Next Top Model* dan *Men Hunt*.

Program realiti TV yang disiarkan ini memberi pengetahuan kepada penonton seperti dalam aspek nyanyian, persembahan dan pengendalian acara yang baik, strategi menjadi pengurus yang baik, memupuk semangat kesukanan dan sebagainya. Namun begitu tidak dinafikan mungkin terdapat program realiti TV yang tidak sesuai dengan cara hidup masyarakat Malaysia seperti dari segi budaya, tatasusila, adat dan agama yang boleh mempengaruhi dan melemahkan pemikiran rakyat terutamanya golongan remaja.

Program-program realiti TV yang memberi kesan negatif seperti ini perlu disekat dan dipantau dengan sewajarnya. Kerajaan melalui Jawatan kuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran Televisyen dan Radio Awam dan Swasta sentiasa menilai kandungan dan kesan hasil siaran program TV agar tidak bertentangan dengan semangat dan matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu DKK seperti yang telah digariskan. Langkah terbaru ialah melalui penubuhan sebuah Jawatan kuasa bagi mengkaji dan menyediakan garis panduan siaran televisyen dari aspek seni dan budaya. Tugas ini sudah diluluskan oleh Kabinet pada 24 Mei 2006. Bagi memastikan DKK tidak tergugat kerajaan akan meneruskan aktiviti-aktiviti memantapkan jati diri,

penerapan nilai-nilai murni, dan apresiasi seni mengikut acuan kita dengan lebih jitu di dalam diri semua rakyat Malaysia. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Batu Pahat.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua, kita maklum bahawa antara dasar kementerian adalah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tangga Batu ke Batu Pahat?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua sebut Tangga Batu ke Batu Pahat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua, menurut Timbalan Perdana Menteri dalam cabaran globalisasi, rakyat perlu bijak mengadunkan antara nilai tradisional dan kontemporari dalam usaha memajukan negara dan memartabatkan bangsa.

Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, apakah usaha kementerian bagi memajukan negara dan memartabatkan bangsa seperti yang dihasratkan oleh Timbalan Perdana Menteri dalam usaha meletakkan negara sebaris dengan negara-negara maju lain di peringkat antarabangsa tanpa membelakangkan akar budaya dalam erti kata realiti TV tadi?. Terima Kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu, program realiti TV ini bukan semuanya beri kesan negatif, seperti program-program apa ni.. *My Team* dan sebagainya, mereka adalah kaedah untuk mencungkil iaitu remaja-remaja yang berbakat dalam kesukanan dan sebagainya. Memang ada sikit kalau kita ikut kesemua acuannya, kalau ikut program-program dari Barat ini mungkin kita mesti mencungkil dalam program ini iaitu budaya ketimuran. Jadi kementerian kita untuk memastikan program-program ini tidak keluar daripada DKK ini maka kita ada satu garis panduan di mana merangkumi semua aspek budaya ketimuran iaitu kita memastikan budaya yang bersopan santun tentang adat-istiadat, adat resam, nilai-nilai murni, kandungan kesenian tarian, muzik dan sebagainya. Dan ini dipengerusikan oleh Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi dan terdiri daripada anggota ada 12 lagi kementerian dan agensi-agensi kerajaan. Sekian terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Alhamdulillah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya berasa celaru dengan kementerian ini di satu sudut berbudi bahasa, lemah-lembut, bersopan-santun di satu sudut melepaskan satu filem-filem yang tidak sesuai dengan cita rasa yang dibentuk oleh kerajaan rakyat Malaysia yang lemah-lembut, berbudi bahasa dan sebagainya. Cuma kalau bolehlah pihak kementerian ikut Rukun Negara. Gunakan Rukun Negara sebagai *guideline* kepada kita untuk nak bawa masuk apa jua jenis filem ke dalam negara kita ini atau apa jenis bentuk hiburan.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya pada hari ini, rakyat Malaysia telah dilalaikan dengan hiburan. Rakyat Malaysia telah dilalaikan dengan keseronokan, menyebabkan kita sudah lupa budaya kita ketimuran ini.

**Tuan Yang di-Pertua :** Baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita hidup dalam alam yang fantasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Fantasia...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita hidup dalam alam yang berpura-pura. Jadi apakah kementerian Yang Berhormat akan mengambil tindakan.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]:** Sri Gading, betul tak Sri Gading?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sri Gading, betul tak ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Akan mengambil tindakan supaya filem-filem, apa sahaja yang diimport ke dalam negara kita ini, jangan terkeluar daripada lunas-lunas Rukun Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat dengar tak ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*. Saya rasa, saya bertanya, Yang Berhormat duduk bersebang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tak sembanglah. Hanya saya dengar dengan baik-baik, apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat, iaitu tentang ini, filem-filem yang diimport ialah penapisan di bawah Lembaga Penapisan Filem iaitu di bawah kementerian lain. Hanya FINAS di bawah iaitu kementerian saya. Jadi, kementerian kami pun ada garis panduan untuk filem-filem. Tetapi saya rasa Yang Berhormat mesti faham iaitu untuk mengeluarkan satu filem, mereka juga mendapat sambutan yang baik juga daripada iaitu penonton- penonton dari segi komersial dan sebagainya. Sebab itu, kita pun ada satu garis panduan untuk filem-filem dan persembahan dan sebagainya supaya ada satu keseimbangan. Jangan terlalu jauh kita ikut, iaitu budaya-budaya barat dan semata-mata kita melupakan iaitu budaya-budaya ketimuran.

Jadi, garis panduan yang saya sebut tadi adalah ketat. Hanya agensi-agensi seperti TV, radio dan sebagainya, kementerian kami tidak ada kuasa untuk menguatkuasakan semasa persembahan ini dipersembahkan. Maka saya haraplah, agensi-agensi lain dan kementerian-kementerian lain juga meneliti kandungan-kandungan yang dipersembahkan, yang tidak bersesuaian dengan seni budaya negara kita. Sekian, terima kasih.

7. **Brig. Gen (B) Datuk Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [ Parit Buntar ]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah neraca keseimbangan yang digunakan kepada syarikat berkaitan dengan Kerajaan (GLC), di antara harapan pelabur untuk mencatatkan keuntungan dan dalam masa yang sama hasrat Kerajaan yang menuntut supaya GLC turut menunaikan tanggungjawab sosial kepada rakyat

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, melalui program transformasi GLC, prestasi syarikat-syarikat GLC akan diukur melalui dua kriteria yang berasingan, iaitu kriteria korporat dan yang merangkumi faktor-faktor seperti keuntungan, pulangan pelaburan dan pembinaan aset. Manakala kriteria yang lain adalah kriteria sosioekonomi yang merangkumi faktor-faktor seperti peluang pekerjaan, latihan serta membesarkan pemilikan saham bumiputera. Program transformasi GLC untuk memantapkan GLC telah dilancarkan pada 29 Julai 2005, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui satu manual yang mengandungi 10 inisiatif bagi memberi gambaran terperinci atau langkah-langkah yang perlu diambil oleh GLC untuk mempertingkatkan pencapaian mereka dari segi penawaran khidmat pelanggan dan meningkatkan budaya saing serta pada masa yang sama tidak mengabaikan tanggung jawab sosial kepada rakyat.

Di bawah program transformasi ini, syarikat-syarikat GLC diperkenalkan kepada pelaksanaan sistem Indeks Prestasi Utama ataupun *Key Performance Indicators Index* dan Ganjaran Berasas Prestasi ataupun *Performance Link Compensation*, di samping menitik beratkan tanggungjawab sosial. Tumpuan utama kaedah KPI adalah kepada penetapan arah strategik serta sasaran pencapaian dan proses pengurusan dan pengetahuan bagi meningkatkan lagi prestasi GLC. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa bagi membolehkan GLC memainkan peranan sosioekonomi, dengan lebih berkesan, ia perlu mendapat pulangan keuntungan yang melebihi kadar modal.

Hanya dengan menjana pulangan pendapatan yang baik sahaja, maka GLC dapat mengumpul sumber kewangan yang mencukupi untuk menunaikan tanggung jawab sosial mereka.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa kepentingan KPI yang telah ditetapkan kerajaan kepada semua syarikat GLC dan kita sedia maklum bahawa GLC memainkan peranan yang sangat-sangat penting dalam peningkatan aktiviti ekonomi negara. Sebagai contoh, 36% daripada *Market Cap*. Di Kuala Lumpur ini adalah dipegang oleh GLC. So, soalan tambahan saya mengenai, KPI-KPI yang elok, molek, cantik, tetapi kalau kita tidak mencapai KPI-KPI yang telah ditetapkan yang sebanyak lima belas yang ada dekat GLC ini, apakah tindakan kerajaan melalui Kementerian Kewangan, bahawa bagaimana kita boleh memantau atau memperkukuhkan lagi pencapaian KPI

ini kepada setiap GLC supaya setiap aktiviti ekonomi dan juga tanggungjawab sosial kita dapat dipertingkatkan di dalam masyarakat kita ini? Apakah tindakan selanjutnya? Saya ingin mendapat sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, pernah saya menjawab dahulu di dalam Dewan ini, bahawa syarikat-syarikat GLC adalah terletak di bawah pengawasan satu Jawatankuasa yang disebut sebagai dengan izin, *Putrajaya Committee On GLC High Performance*, yang diletak di bawah Menteri Kewangan Kedua. Jawatankuasa ini memang, dia memantau semua syarikat-syarikat GLC tentang prestasi mereka dalam hal perolehan dan juga hal *Corporate Governance* dengan izin. Satu lagi yang sedang diteliti oleh Jawatankuasa ini yang saya sebut tadi ialah mengadakan satu buku *Silver*, "*Silver Book*" ataupun "Buku Perak".

Ini berkenaan dengan *social responsibility*, tanggungjawab sosial oleh syarikat-syarikat GLC. Panduan sudah pun ada dan sekarang sedang diadakan satu *pilot project* lah, meliputi dua syarikat dan dijangka kalau *pilot project* ini berjaya, maka buku ini akan di *introduce* dengan izin, dijangka pada hujung tahun ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan asal daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, disebut tentang perlunya GLC-GLC ini melakukan tanggungjawab sosial. Untuk tujuan ini, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengarahkan syarikat-syarikat GLC ini, melabur di negeri-negeri yang mundur di tanah air kita, seperti negeri Sarawak, Sabah, Terengganu, Perlis, Kedah, Kelantan dan sebagainya. Supaya manfaat sosial ini akan dapat dirasakan oleh masyarakat kita sebagai salah satu tanggungjawab GLC yang diakui oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Keduanya, Yang Berhormat ada melaporkan dan mengumumkan beberapa minggu yang lalu bahawa CEO-CEO GLC yang gagal mencapai keuntungan akan dipecat daripada jawatan-jawatan mereka. Bolehkah Yang Berhormat menyebut CEO-CEO tersebut dan memberitahu Dewan, bilakah mereka ini akan diberhentikan daripada jawatan mereka? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang... [*Disampuk*] Tumpat, ya Tumpat. Dah pindah kawasan. Tentang, tadi saya sebut bahawa syarikat-syarikat GLC adalah di bawah pengawasan Jawatankuasa di Putrajaya tadi. Tanggungjawab sosial mereka adalah sebenarnya luas. Selain, banyakkah tentang, termasuklah juga mendapatkan keuntungan kepada kerajaan, mereka juga menunjukkan vendor-vendor Tuan Yang di-Pertua, dan saya boleh sebut contohnya, macam TNB, Telekom Malaysia, Proton, mereka menunjukkan vendor di mana syarikat-syarikat khasnya bumiputera diwujudkan untuk membantu untuk membekalkan segala peralatan kepada syarikat-syarikat induk. Ini berlaku dan kalau lihat rekodnya, memang adalah. Kalau saya nak sebut banyak. Yang kedua, mereka juga memberi biasiswa. Biasiswa dan juga mewujudkan universiti-universiti seperti TNB, mewujudkan universiti dekat Bangi, UNITEN di Bangi. Telekom, MMU di Cyberjaya dan juga di Melaka dan Petronas, ada universiti di Tronoh dan berbagai-bagai lagi.

Biasiswa memang sudah lama telah pun diberikan oleh syarikat-syarikat kerajaan. Saya masih ingat TNB tahun 60-an lagi sudah mengeluarkan biasiswa untuk ke luar negara. Setakat ini aktiviti mereka seperti yang dikehendaki, seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi untuk mengadakan projek-projek di negeri-negeri tertentu. Ini terpulang kepada GLC dan bolehlah kita cadangkan kepada pihak GLC supaya melihat negeri-negeri yang agak kurang maju sedikit untuk syarikat-syarikat GLC membuat *investment* di sana.

Tuan Yang di-Pertua, tentang apa yang dikaitkan dengan *statement* yang dikeluarkan oleh saya kononnya di Pulau Pinang, sebenarnya mungkin disalah... disebut *out of contact* sebenarnya. Saya di situ pada hari itu menyatakan... saya kata cuma saya sudah sebutkan tentang GLC sebagainya dalam Parlimen, itu sahaja jawapan saya tetapi saya tidak tahu macam mana disebut bahawa GLC ini, CEO-CEO GLC akan dipecat kalau tidak berprestasi tinggi. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, prestasi mereka sedang diperhatikan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Kedua tadi iaitu Putrajaya *Committee on GLC High Performance*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa tempoh masa untuk soalan dan jawapan lisan telah pun dilanjutkan iaitu ditambah daripada satu jam kepada satu setengah jam, tiap-tiap hari. Soalan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

8. **Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk menjadikan Tok Bali sebagai pelabuhan pendaratan ikan laut dalam.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah pun membangunkan pembinaan pelabuhan pendaratan ikan laut dalam di Tok Bali, kawasan seluas 55 ekar iaitu bersebelahan dengan Terusan Kemasin Semerak. Pelabuhan perikanan ini akan dilengkapi dengan jeti pendaratan, berserta peralatan yang terkini dan selesa bagi kemudahan nelayan-nelayan untuk melakukan aktiviti harian serta memasarkan hasil tangkapan mereka. Pelabuhan perikanan ini akan dibina bagi keperluan pendaratan dan bot yang berkapasiti sehingga 500 grt ke atas.

Bagi mencapai hasrat ini, pihak kementerian saya telah pun memperuntukkan sebanyak RM56.5 juta untuk menyediakan kemudahan pelabuhan perikanan laut dalam yang terdiri daripada tiga fasa seperti berikut. Fasa pertama tahun 2003 hingga 2004, kos projek ialah RM7.640 juta, kerja-kerja tanah dan kerja-kerja awalan telah pun dilaksanakan pada tahun 2003 dan 2004. Fasa kedua tahun 2004 hingga 2006, kos projek ialah RM19,836, kerja-kerja pembinaan sedang pun berjalan meliputi komponen "craywall" dengan izin, pejabat pemborong,

dewan pemasaran, kantin, rumah kedai, tandas awam, pondok pengawal dan lain-lain infrastruktur.

Prestasi fizikal pada masa ini adalah sebanyak 64% dan dijangka siap pada Oktober 2006. Fasa ketiga ialah tahun 2006 hingga 2008, kos projek ialah RM29 juta. Kerja-kerja pembinaan meliputi jeti pendaratan, jeti pendaratan bot kecil, pejabat pengurusan, bilik sejuk kapasiti 40 tan, stor simpanan kotak ikan, ruangan membaiki pukut, bekalan input dan lain-lain infrastruktur. Bagi fasa ketiga, tapak untuk industri hiliran termasuk pemprosesan dan bilik sejuk akan disediakan. Kerja-kerja pembinaan fasa ketiga dijangka akan dimulakan pada akhir tahun 2006 ini. Apabila ketiga-tiga fasa ini siap sepenuhnya pada tahun 2008, ia akan memenuhi keperluan industri perikanan laut dalam, bukan sahaja bot tempatan tetapi juga bot-bot laut dalam daripada luar negara dan pada masa yang sama industri pemprosesan yang bertaraf antarabangsa dengan penglibatan sektor swasta akan terlibat dalam industri hiliran di Pelabuhan Perikanan Tok Bali ini.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke Sydney, di sana ada satu pasar ikan borong, pasar borong perikanan di mana pasar ini di bawah satu lembaga, semua hasil tangkapan nilai ini dibeli kemudian dipasar semula dengan harga-harga yang telah ditetapkan. Adakah komponen ini akan ada di Tok Bali? Yang kedua, bilakah KASTAM hendak ditubuhkan di Tok Bali untuk menyelesaikan masalah-masalah pendaratan ikan daripada bot-bot asing. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua memang dalam rancangan kita akan ada pasar borong di situ dan mungkin kalau boleh kita akan cuba laksanakan sistem lelong yang banyak diamalkan di banyak negara supaya pihak nelayan boleh memperolehi harga yang lebih baik. Sekarang ini akan kita mulakan secara percubaan di beberapa buah tempat tetapi kerana Tok Bali ini belum lengkap jadi kita akan laksanakan apabila ianya siap. Soal kemudahan-kemudahan di bawah agensi lain itu saya akan susurlah, kita kurang pasti kerana peringkat ini belum lagi orang kata sepenuhnya kita bangunkan. Apabila esok sudah dibuka untuk pelabur-pelabur asing mendarat di situ dan ada kemudahan seperti Imigrasi atau KASTAM maka jabatan yang agensi yang berkenaan akan kita minta untuk menyediakan kemudahan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apa nasib yang dialami oleh nelayan-nelayan di tempat-tempat ataupun di pangkalan-pangkalan kecil sebagai contoh. Banyak berlaku dalam negara kita yang saya perhatikan ikan-ikan yang mereka daratkan ini masih lagi dibeli oleh orang tengah. Ini majoriti yang masih berlaku dalam negara kita. Jadi apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh kementerian yang berkenaan tentang puluhan tahun nasib mereka ini dibelenggu. Pukat mereka, bot mereka, kadang-kadang diberikan pinjaman oleh orang-orang tengah ini yang menyebabkan tahap kehidupan mereka tidak berubah. Jadi minta penjelasan.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedari bahawa masalah yang disebutkan Yang Berhormat tadi dihadapi oleh banyak nelayan-nelayan kita sebab itu usaha untuk memperkasakan generasi nelayan sekarang ini mungkin perlu kita tingkatkan lagi. Ini sudah pun kita mulakan dalam beberapa peringkat di bawah agensi kita seperti Lembaga Kemajuan Ikan dan sebagainya. Yang keduanya ialah peranan pertubuhan-pertubuhan nelayan. Yang Berhormat pun sedar bahawa sebahagian besarnya tidak mempunyai keupayaan untuk menguruskan nasib ahli mereka dan sebab itu kita berpendapat badan induk mereka seperti nikmat ini perlu kita perkukuhkan, kita bagi mereka berbagai-bagai bentuk khidmat sokongan dan bantuan dan sebagainya.

Ketiganya soal pemasaran hasil tangkapan mereka. Kita akan mulakan pada tahun ini supaya tempat-tempat jeti pendaratan yang telah dibangunkan oleh LKIM ini dijadikan sebagai pasar nelayan iaitu nelayan-nelayan boleh memasarkan produk mereka di situ tanpa kita kenakan apa-apa bayaran. Jadi kalau umpama di Muar, ada jeti-jeti pendaratan yang telah pun dibina oleh LKIM kita boleh bangunkan kawasan itu dan di situlah mungkin di Parit Jawa sebagai contoh, untuk kita bangunkan, ini sebut pasal orang Muar lah, untuk kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi. Jadi kalau ada kemudahan sebegitu jadi nelayan mungkin tidak perlu lagi pergi ke pihak orang tengah, kalau bolehlah cara mereka mengurus niaga di tempat-tempat yang disediakan oleh LKIM, ini akan membantu mereka untuk menambah pendapatan mereka.

9. **Datuk Astaman Bin Abdul Aziz [Titiwangsa]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah status terkini langkah-langkah untuk mengembalikan kecemerlangan universiti tempatan, khususnya Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia semenjak penurunan mendadak kedua-dua institusi tersebut di dalam senarai universiti terbaik dunia tahun 2005.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sememangnya sedang melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan kecemerlangan universiti tempatan termasuk Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia. Antara langkah-langkah utama yang saya maksudkan itu adalah seperti berikut, pertamanya, mengemas kini dan menambah baik perakuan-perakuan dalam laporan hala tuju pengajian tinggi negara yang telah dirangka melalui jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Tan Sri Wan Zahid. Kementerian telah mengedarkan laporan ini kepada semua pihak termasuk Ahli-ahli Parlimen dan juga telah pun dimasukkan dalam laman web kementerian;

Beberapa maklum balas mengenainya telah pun diterima oleh kementerian dan mengharapkan agar lebih banyak lagi maklum balas dapat diterima untuk membantu Kementerian dalam usaha menambah baik laporan ini menjelang bulan September tahun ini. Untuk tujuan penambahbaikan ini, kementerian telah pun menubuhkan tujuh *focus group*, dengan izin yang akan mengkaji perkara yang berkaitan dengan strategi, menyokong lima teras utama

RMK-9, jaringan dan pautan pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan pendidikan *tertiary*, pengantarabangsaan, pengajian teknikal dan sepanjang hayat. Memperkasakan IPTS dan pembangunan modal insan. Usaha ini merupakan titik tolak untuk menjadikan laporan hala tuju pengajian tinggi negara ini sebahagian daripada penggubalan dasar pengajian tinggi negara.

Yang keduanya, kementerian juga sedang menyemak semula semua peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan pengajian tinggi untuk tujuan penambahbaikan bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang produktif, kreatif dan inovatif. Di antara peraturan tersebut termasuklah AUKU 1971, Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan sebagainya. Di samping itu, kementerian juga sedang dalam peringkat akhir penyediaan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui Jawatankuasa Pemandu yang telah selesai membuat 13 siri *consultancy* dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Yang ketiganya, berusaha untuk menambah jumlah tenaga akademik berkelayakan Ph.D kepada 75% menjelang tahun 2015 ataupun 60% iaitu seramai 7,000 orang menjelang tahun 2010 dengan peruntukan RM1.2 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Dasar ini adalah bagi membolehkan lebih ramai tenaga akademik universiti terlibat secara serius dalam pengajaran dan penyelidikan serta pembangunan ilmu baru.

Yang keempat, memperkasakan aktiviti R&D&C dengan menyediakan kemudahan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM200 juta untuk penyelidikan fundamental dan RM1.2 bilion untuk penyelidikan sains dan teknologi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Yang kelima, membangun dan mempertingkatkan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan pengajian tinggi dengan menyediakan kemudahan peruntukan pembangunan di bawah RMK-9 sebanyak RM18.2 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kementerian sedang berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan pengajian tinggi negara dengan mewujudkan universiti berinsentif penyelidikan dan ini termasuklah Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia. Kedua-dua universiti ini sudah membangunkan beberapa pusat kecemerlangan dengan penghasilan penemuan penyelidikan yang telah dikomersialkan. Ini termasuk dalam bidang perubatan dengan penghasilan *typhoid re-combine protein* dengan izin, '*prankcrofti*' *re-combine protein* dan '*tuberkilosis*' PCR yang dihasilkan oleh USM, dan *monoclonal antibodies hippodrome technology*. Manakala dalam bidang pertanian penyelidikan, bio teknologi UM telah menghasilkan a *process for producing flexible polyurethane foam from palm oil base*, dengan izin.

Kementerian berkeyakinan langkah-langkah yang sedang dilaksanakan ini akan dapat memperkukuhkan lagi kedudukan IPT tempatan kita di arena di antarabangsa dan seterusnya merealisasikan matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan serantau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh duduk sebentar Yang Berhormat, ada satu pengumuman. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang Terutama

Mohammad Goumi iaitu Pengerusi Iran Malaysia Parliamentary Friendship Group dan rombongan beliau. Moga-moga kehadiran dan rombongan beliau dalam Dewan ini akan mengeratkan lagi perhubungan di antara Malaysia dan Iran. *[Tepuk]*

Baiklah, Titiwangsa.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, saya nak tahu sama ada langkah-langkah yang telah diumumkan tadi termasuk universiti swasta? Dan kedua, sekiranya digunakan kriteria-kriteria yang menentukan senarai universiti terbaik di dunia diguna pakai untuk tempatan, bolehkah kementerian mengeluarkan senarai universiti-universiti terbaik di Malaysia sendiri?

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Titiwangsa. Sebenarnya apa yang digariskan itu adalah untuk semua IPT termasuk juga IPTS tetapi kita sedia maklum bahawa IPTS ini berbeza-beza kategorinya dari segi keupayaannya masing-masing. Walaupun demikian dalam penarafan antarabangsa ataupun *international ranking* dengan izin, suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa dari kalangan lebih kurang 30 ribu institusi pengajian tinggi ataupun universiti di seluruh dunia, hanya 500 sahaja yang dipilih untuk penarafan. Dan antara 500 yang dimaksudkan itu hanya 200 sahaja yang dirangkumkan dalam kategori *the top 200*, dengan izin. Dan di kalangan IPT kita di Malaysia setakat ini hanya tiga IPTA yang telah pun diperakukan untuk penarafan yang berkenaan iaitu UM, UKM dan USM. Mungkin IPTS kita kenalah terus berusaha untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa dengan lebih gigih lagi.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu bahawa salah satu yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang menentukan kecemerlangan sesebuah universiti yang mana kita semua tahu ialah tahap penyelidikan sesebuah universiti. Saya banyak mendapat rungutan daripada pensyarah-pensyarah di universiti dan juga profesor-profesor di universiti, kebanyakan wang peruntukan yang diberikan untuk penyelidikan itu tidak cukup.

Yang kedua, tidak ada pemantauan daripada Kementerian Pengajian Tinggi terhadap penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan oleh universiti. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah *distribusi* wang penyelidikan ini diberi kepada IPTA-IPTA tersebut? Dan adakah satu badan daripada Kementerian memantau penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan supaya kadar penyelidikan-penyelidikan ini memberi manfaat dan penyelidikan-penyelidikan ini dijalankan sehingga selesai dan tamat?

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gombak atas keprihatinan beliau tentang usaha kita dalam bidang R&D&C, C ini cukup penting iaitu *commercialization*, dengan izin. Saya suka juga maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa sememangnya kementerian ini mempunyai mekanisme untuk memantau.

Memantau segala usaha kita dalam bidang R&D&C ini, walaupun setakat ini masih lagi terdapat ruang untuk menambah baik lagi, ini saya kena jelaskan.

Dan bersabit dengan soalan Yang Berhormat tadi iaitu bagaimana ianya dapat diagihkan itu, saya nak maklumkan bahawa pengagihan itu sebenarnya banyak bergantung kepada apa yang dicadangkan atau yang dikemukakan oleh IPTA yang berkenaan. Dan juga penekanan pihak kementerian sekarang ini adalah lebih kepada keberkesanan, *effectiveness*, dengan izin, keberkesanan suatu penghasilan, *research and development* ataupun penyelidikan kita. Dan untuk menjurus ke arah ini, pihak Kementerian telah pun mengaturkan satu platform di mana pihak industri kita khususnya sektor swasta kita, korporat kita dengan mereka yang terlibat dalam IPTA kita dapat sentiasa berinteraksi supaya kemahuan ataupun keperluan pasaran semasa dapat diinsafi, boleh menyelidik-penyelidik kita di IPTA dan bukannya kita membuat penyelidikan itu semata-mata untuk *research* sahaja. Sekian.

10. **Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan :-

- (a) langkah-langkah kerajaan dalam usaha menghapuskan jurang pendapatan masyarakat luar bandar dan bandar dengan tumpuan kepada aktiviti ekonomi khasnya di daerah Kinabatangan; dan
- (b) fungsi dan mekanisme pewujudan Lembaga Pembangunan Wilayah Sabah ke arah memastikan pembangunan menyeluruh kawasan luar bandar.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Laje]:**

Mudah-mudahan kali ini ada peluang untuk menanya soalan tambahanlah. Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sentiasa berusaha mengurangkan jurang pendapatan antara masyarakat bandar dan luar bandar, melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan pihak swasta. Jadi di antara langkah-langkah yang diambil adalah bagi mengenal pasti kelompok-kelompok masyarakat yang miskin dan juga yang miskin tegar.

Yang kedua, adalah mengenal pasti aktiviti-aktiviti ekonomi sedia ada yang boleh diguna pakai dalam usaha meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar khasnya mereka yang miskin.

Dan setiap usaha diambil melibatkan pelbagai kementerian, agensi dan juga pihak swasta dengan tumpuan peningkatan hasil aktiviti ekonomi luar bandar khasnya hasil pendapatan daripada pertanian. Jadi, di antara kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah kemudahan tanam semula, khasnya ada kaitan dengan getah dan juga kelapa sawit, seterusnya pembekalan benih tanaman, pembekalan baja, latihan pengembangan dan juga kegiatan

ekonomi tambahan yang meliputi tanaman kontan, ternakan, perikanan, perniagaan dan juga industri kecil dan sederhana.

Jadi, seterusnya di samping itu juga, usaha diambil adalah melalui pembangunan tanah berkelompok, mini *estate*, ladang rakyat dan Projek Ternakan Integrasi. Khidmat sokongan juga dilaksanakan melalui kemudahan pemasaran hasil pertanian, bantuan kredit, latihan kemahiran, kemudahan prasarana serta kemudahan teknologi pertanian.

Jadi pembangunan ekonomi penduduk di kawasan Kinabatangan juga diberi tumpuan dengan sewajarnya berdasarkan keperluan dan juga kegiatan ekonomi yang sedia ada. Projek Pembangunan Rakyat Termiskin telah dilaksanakan dan pembangunan tanah pertanian akan dimajukan dengan tanaman kelapa sawit serta aktiviti ekonomi tambahan. Begitu juga dengan kegiatan ekonomi bukan perniagaan seperti industri desa dan pelancongan desa adalah berpotensi dilaksanakan dengan penglibatan agensi, kementerian khususnya FELCRA dan juga pelbagai agensi yang lain.

Bagi menjawab bahagian kedua, soalan Yang Berhormat jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara fungsi Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah adalah untuk memajukan dan meningkatkan pembangunan prasarana dan kemudahan awam di kawasan bandar atau kawasan luar bandar melalui kemudahan jalan, bekalan air, bekalan elektrik, telekomunikasi, sekolah, klinik, perpustakaan awam dan sebagainya.

Kedua, untuk membangunkan kawasan-kawasan tanah pertanian dan penempatan penduduk-penduduk luar bandar supaya menjadi lebih tersusun, dilengkapi dengan kemudahan asas yang selesa dan mencapai kualiti hidup yang lebih baik, seterusnya untuk mengerak, mengusaha dan mempercepatkan pembangunan pusat-pusat penumbuhan baru perindustrian, perdagangan dan keusahawanan.

Seterusnya untuk mengintegrasikan pusat-pusat pertumbuhan baru dengan pusat-pusat pertumbuhan dan bandar-bandar sedia ada, jadi Tuan Yang di-Pertua pewujudan Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah ini, terlebih dahulu memerlukan penelitian dan kajian yang lebih menyeluruh dengan melibatkan pihak kerajaan negeri, agensi-agensi pusat, dan Kerajaan Persekutuan. Sebarang keputusan dan persetujuan mengenainya akan melalui proses perbincangan dengan semua pihak yang berkaitan dan perlu mendapat kelulusan Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri Sabah. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan bunyi sedap Tuan Yang di-Pertua. Memang kita faham bahawa antara lain matlamat kementerian ini diwujudkan iaitu untuk mengurangkan jurang kemiskinan antara bandar dan luar bandar, dari segi kemiskinan tegar dan sebagainya. Walau bagaimanapun memang saya tidak menafikan, memang ada yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dilaksanakan, tetapi kalau kira peratusannya Tuan Yang di-Pertua, memang mendukacitakan.

Jadi, yang kita hendakkan ini, rakyat hendakkan ini, bagaimana cara kementerian ini memproaktifkan lagi tindakan-tindakan komprehensif ke arah melihat, sebab negara maju yang kita tuju Wawasan 2020 tinggal 15 tahun Tuan Yang di-Pertua, kalau perancangan lima tahun hendak melaksana lima tahun, saya ingat hasrat kita tidak tercapai, dia macam program fantasia sahaja. Jadi, saya ingin tahu apa masalah yang dihadapi oleh kementerian, apakah kita kekurangan kewangan, kalau tidak ada duit, kerajaan carilah duit untuk membantu kekurangan rakyat.

Bagi perwujudan agensi Lembaga Wilayah Sabah, perkara ini telah lama diuar-uarkan tetapi berapa lama tindakan yang kita ambil, kenapa tidak dilantik sahaja Lembaga Pengarah dia dan berunding dengan kerajaan negeri di kalangan pemimpin-pemimpin negeri Sabah, selaras dengan tuntutan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengurangkan *little Napoleon* supaya tidak ada birokrasi dan sebagainya supaya *delivery system* kita berjalan dengan lancar, kenapa perlu menunggu bertahun-tahun? Ini tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Soalannya, bila perkara ini dapat dilaksanakan, apakah kena menunggu selepas Rancangan Malaysia Kesembilan atau pun tidak ada. Ketua Pembangkang pun keluar, dia memang tidak berminat tentang luar bandar.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Memang inilah bunyi suara daripada luar bandarlah, saya tidak nafikan. Jadi, saya nafikan yang kementerian ini tidak proaktif, oleh sebab untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak kebelakangan ini...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah cakap tidak proaktif, memproaktifkan lagi.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** *Okay*, diterima. Kementerian sejak beberapa tahun ini telah berusaha mengambil sebanyak mungkin pendekatan bagi mempertingkatkan lagi prestasi pelaksanaan semua program di kawasan luar bandar, dan satu di antaranya Tuan Yang di-Pertua, adalah melibatkan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, di mana kita mengadakan dialog dan sebagainya. Seterusnya kementerian juga melibatkan atau menggunakan semua agensi di bawah kementerian. Khasnya pihak KEMAS, FELCRA dan semua agensi yang lain yang berada di bawah kementerian ataupun agensi-agensi kerajaan negeri bagi menolong bukan sahaja mengenal pasti kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi, kawasan di mana masyarakat miskin dan miskin tegar masih ada, tetapi juga mengenal pasti kawasan-kawasan yang masih lagi kebelakangan dari segi prasarana kemudahan asas dan sebagainya.

Berkenaan dengan sama ada sumber kewangan jadi masalah atau tidak, kita sedia maklum, kerajaan kita tidak mempunyai masalah kewangan, tetapi tidak akanlah kita mendapat sumber kewangan sekali gus bagi kita melaksanakan semua projek, supaya dalam masa satu tahun, lima tahun ini semua boleh dibuat. Kita mempunyai perancangan, pelaksanaan di mana projek-projek yang telah kita rancang berasaskan permintaan daripada kerajaan-kerajaan negeri,

permintaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dilaksanakan mengikut fasa-fasa, *stages*.

Jadi seterusnya, berkenaan dengan Agensi Kemajuan Wilayah Sabah. Pihak Kerajaan Persekutuan khasnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mengambil tindakan proaktif di mana kita telah membuat perancangan yang rapi termasuklah perbincangan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah, dan..., Sarawak belum lagi, dan juga dengan Kerajaan Negeri. Tetapi malangnya, setakat ini kita belum lagi mendapat jawapan yang menggalakkan daripada pihak Kerajaan Negeri. Jadi kita sekali lagi, kalau tidak silap saya telah menjawab ini kali kedua, sekali lagi mohon kalau boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen daripada Sabah, mungkin boleh menolong dalam keadaan ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, draf surat Yang Berhormat Menteri kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah disediakan dan kita memang masih lagi berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri supaya program atau projek ini dapat kita laksanakan dengan secepat mungkin. Kita berharap, kita tidak perlu tunggu sampai penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan. Sekian. [*Dewan riuh seketika*]

**Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri, bilakah kementerian beliau boleh memberi taklimat kepada.... [*Dewan riuh seketika*]  
Pihak Kerajaan Negeri Sabah dengan secepat mungkin.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Taklimat termasuk kepada Wakil Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Inilah maklumat yang positif yang kita dapati daripada Kerajaan Negeri, oleh kerana Yang Berhormat yang menanya soalan merupakan Timbalan Ketua Menteri Negeri Sabah, jadi saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya akan bawa perkara ini kepada kementerian supaya dapat mempercepatkan lagi...

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan Menteri berubah-ubah la. Tadi dia bagi *impression* bahawa *state government* tidak setuju sekarang ini dia bagi tahu bahawa *State Government* bagi tahu tidak ada jemputan pun untuk memberi taklimat. Bagaimana jawapan Menteri macam ini?

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Bila agak-agak taklimat itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, duduk. Duduk.

**Datuk Ronald Kiandee:** *Information* tidak betul lah Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Saya menjawab berasaskan maklumat yang terkini. Saya boleh baca di sini Yang Berhormat bagi Beluran, draf surat kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah disediakan untuk memaklumkan bahawa kementerian sedang mengambil langkah-

langkah dan usaha bagi merancang penubuhan MKW di Sabah di mana ulasan pandangan dan juga persetujuan mengenai konsep pembangunan dan penubuhannya daripada Ketua Menteri Sabah adalah diperlukan. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua :** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah setakat itu soalan dan jawapan lisan untuk hari ini.

***[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]***

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 2006**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 1976: dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Azizi]; di baca kali yang pertama: dan akan di baca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL**

#### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LADA MALAYSIA 2006**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**10.35 pagi**

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Anifah bin Haji Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Lada Malaysia 2006 untuk membuat peruntukkan yang lebih baik berkenaan industri lada Malaysia untuk membubarkan Jemaah Pemasaran Lada Hitam dan untuk mengadakan peruntukkan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dengan dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Jemaah Pemasaran Lada Hitam atau JPLH telah dipindahkan dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ke Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi melalui perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan Nombor Dua 2004 pada 27 Mac 2004, PU(A) 2006/2004. di bawah perintah tersebut JPLH telah dipertanggungjawabkan untuk:

- (1) Menggalakkan, membangunkan dan memajukan industri lada hitam; dan

- (2) Menyediakan infrastruktur, asas pengeluaran, khidmat nasihat, pemindahan teknologi dan pemasaran lada hitam kepada pekebun.

JPLH telah diwujudkan melalui peraturan-peraturan Jemaah Pemasaran Lada Hitam 1971 PU(A) 447 pada 10 Disember 1971 oleh Menteri Pertanian Malaysia berdasarkan kepada kuasa yang termaktub dalam Seksyen Enam Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, FAMA 1965 Akta 141. Di bawah peraturan-peraturan tersebut, JPLH adalah merupakan sebuah perbadanan yang kekal turun menurun...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bangun]*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Peraturan Mesyuarat, dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya peraturan-peraturan mesyuarat yang telah dipinda berkuat kuasa hari ini tetapi apa yang jadi, apabila pindaan-pindaan itu ada dikemukakan dalam Dewan ini adalah diluluskan tanpa apa-apa perbahasan. Oleh itu, dalam fikiran saya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik...

**Tuan R. Karpal Singh:** ....Peraturan mesyuarat itu tidak sah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kerana ada satu *precedent* dalam tahun 2001, apabila apa yang jadi adalah sama dengan apa yang terjadi baru-baru ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik. Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam masa itu, Tuan Yang di-Pertua, perbahasan ada dibenarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan itu telah pun selesai diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua dan apabila dikemukakan kepada Majlis ketika itu, ianya telah mendapat persetujuan. Oleh yang demikian, perkara tersebut saya kira telah selesai dan sekiranya ada Ahli-ahli yang tidak berpuas hati, bolehlah mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 43.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat, kalau kita tengok *precedent* sebelum ini, bulan Ogos 2001, Peraturan Mesyuarat ada dibuka untuk dibahas. Dengan jelas *Hansard* menyatakan, dibuka untuk dibahas. Tetapi dalam kes bulan Mei yang lalu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sudahlah. Cukup, cukup..

**Cik Fong Po Kuan:** Tetapi dalam kes bulan Mei yang lalu, Tuan Yang di-Pertua terus mengatakan bahawa "Dikemukakan, diputuskan dan disetujui" Dan usul disetujui dan selepas itu Mesyuarat ditangguhkan. Jadi saya rasa kita mesti ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Baik. Cukup, cukup.

**Cik Fong Po Kuan:** Jadi saya rasa kita mesti ada konsistensi dan tidak boleh suka-suka Peraturan Mesyuarat dibuka, dibahas apabila ada pindaan dan di dalam kes yang lain, tidak dibuka untuk dibahas....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang terhormat, cukup lah, cukup

**Cik Fong Po Kuan:** ....dan saya telah mengemukakan usul mengikut Peraturan 43 dan sepatutnya usul ini dibangkitkan untuk dibahaskan dahulu berkenaan keputusan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah lah. Cukup Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, agar kita boleh pastikan perjalanan mesyuarat mengikut Peraturan Mesyuarat yang diluluskan mengikut prosedur yang betul. Itu yang paling asas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, baik, baik. Cukup. Sebenarnya semasa, kalau masa itu Yang Berhormat ada pandangan yang lain, semasa terserah untuk diputuskan, perkara ini boleh dibangkit tetapi sebenarnya tidak ada...

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, jelas..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah. Cukup.

**Cik Fong Po Kuan:** ....Tuan Yang di-Pertua, jelas Tuan Yang di-Pertua tidak menyatakan bahawa usul tersebut dibuka untuk dibahas. Tuan Yang di-Pertua hanya menyatakan usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui. Usul disetujui dan lepas itu..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah Yang Berhormat, perkara ini saya anggap telah selesai

**Cik Fong Po Kuan:** Terus urusan mesyuarat ini ditangguh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat telah selesai. Cukup. Duduk Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Kami membantah. Kami menunggu Tuan Yang di-Pertua menyatakan dibuka untuk dibahas di mana Tuan Yang di-Pertua tidak berbuat demikian. Dan ini bercanggah dengan *precedent* ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sila duduk. Baik, sila duduk.....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi, saya haraplah prosedur berkenaan pindaan Peraturan Mesyuarat ini mesti betul dan konsisten.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini keputusan dibuat mengikut Peraturan Mesyuarat. Semasa saya serahkan untuk diputuskan, kalau Yang Berhormat pada ketika masa ada pandangan lain, Yang Berhormat boleh kemukakan. Tetapi tidak ada, sehingga dipersetujui. Cukuplah, cukup, selesai.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambungkan?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak buka untuk di bahas.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Tuan Yang di-Pertua, JPLH telah diwujudkan melalui Peraturan-peraturan Jemaah Perusahaan Lada Hitam 1971 [ P.U. (A) 447 ] pada 10 Disember 1971 oleh Menteri Pertanian Malaysia berdasarkan kepada kuasa yang termaktub dalam seksyen 6 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan FAMA 1965, Akta 141. Di bawah peraturan-peraturan tersebut, JPLH adalah merupakan sebuah perbadanan yang kekal, turun menurun dan mempunyai kuasa dan tanggungjawab tertentu bagi mengawal, mengatur, merancang, mempromosi dan memasarkan ladang hitam termasuk terlibat secara langsung dalam pemasaran lada.

Akan tetapi, peraturan tersebut mempunyai skop yang terhad untuk memastikan perancangan pembangunan industri lada hitam yang menyeluruh. Pada 1 Julai 1973, seksyen 6 Akta 141 telah dibatalkan melalui Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1973, Akta A 200. Walaupun seksyen tersebut telah dibatalkan, seksyen 12 Akta A 200 telah memperuntukkan *saving clause* dengan izin, bahawa JPLH adalah masih berkuat kuasa sehingga dibubarkan atau dibatalkan di bawah seksyen 12 akta tersebut. Bagi mencapai matlamat yang ditetapkan oleh perintah Menteri-menteri, Kerajaan Persekutuan (2) 2004, adalah difikirkan wajar satu badan baru dengan kuasa dan skop tanggungjawab yang lebih luas diwujudkan untuk menggantikan JPLH.

Beberapa mesyuarat yang diterajui oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah diadakan dengan Jemaah Pemasaran Lada Hitam, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, FAMA, Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak dan Jabatan Pertanian Sarawak untuk mengenal pasti hala tuju industri lada Malaysia dan juga skop badan baru yang diwujudkan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, industri lada merupakan salah satu industri komoditi yang penting kepada negara, terutamanya kepada Sarawak. Secara purata, pendapatan dari eksport lada Malaysia untuk 10 tahun kebelakangan ini adalah sebanyak RM221.7 juta setahun dan melibatkan seramai 68,000 keluarga tani di mana 95% terdapat di Sarawak.

Lada adalah komoditi yang sesuai ditanam di Sarawak, bukan sahaja kerana kesesuaian tanah dan iklim tetapi juga kerana daya ketahanan yang berupaya disimpan sehingga lebih 10 tahun. Oleh itu, adalah penting bagi kerajaan untuk memastikan penggunaan industri lada diteruskan dan diperkasakan lagi dan diuruskan dengan lebih sempurna dan teratur, bukan hanya untuk mempertingkatkan pendapatan eksport tetapi menampung keperluan tempatan yang kian meningkat. Potensi ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai *hub* dengan izin, pengeluaran makanan halal.

Kecenderungan dan minat pengguna luar negara untuk lebih menggunakan ramuan perisa berasaskan hasil semula jadi dan bukannya perisa tiruan akan turut mencerahkan lagi

potensi lada. Potensi ini juga akan menjadi kukuh lagi sekiranya pengguna bukan berasaskan makanan seperti dalam bidang perubatan, kosmetik dan sebagainya diperhebatkan lagi. Tanaman lada adalah diusahakan oleh pekebun kecil di kawasan pendalaman di mana terdapat tanah yang diusahakan dengan tanaman lain. Purata pengeluaran bagi tempoh 1996, 2005 adalah sebanyak 21,000 tan metrik. Untuk mencapai pengeluaran, disasarkan sebanyak 30,000 tan metrik pada tahun 2010, usaha yang gigih perlu dipertingkatkan lagi.

Di peringkat antarabangsa, pengeluaran dunia adalah sebanyak 294,770 tan metrik pada tahun 2005. Manakala penggunaan adalah sebanyak 280,838 tan metrik. Penggunaan dunia dianggarkan meningkat sebanyak 4-5% setahun. Malaysia merupakan negara pengeluar kelima terbesar di dunia yang didahului oleh Vietnam, India, Brazil dan juga Indonesia. Pasaran lada utama adalah negara Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat. Sejak kebelakangan ini, pasaran tersebut telah mula mengenakan piawaian kesihatan yang lebih ketat terhadap pengimportan lada. Atas kesedaran ini, kementerian telah merancang pendekatan baru untuk industri lada iaitu:

- (a) meningkatkan penyelidikan dan pembangunan bagi tanaman yang termasuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos dan klon-klon yang lebih sesuai dan mempunyai keistimewaan sendiri;
- (b) menggalakkan pengeluaran produk tambah nilai dan produk khusus seperti lada putih kering;
- (c) merancang pendekatan baru dalam penanaman lada seperti penggunaan penanaman berkelompok yang terus dan terselia untuk menentukan produk yang dikeluarkan itu adalah mengikut kehendak pengguna melalui kaedah *good agriculture practice* dengan izin dan
- (d) penyelidikan ke atas penggunaan baru lada dan juga produk lada.

Oleh itu, industri ini memerlukan satu institusi yang mampu membantu kerajaan untuk melaksanakan pendekatan ini supaya industri lada mencapai satu tahap yang lebih tinggi dan membawa faedah sama ada dari segi tambah nilai dalam negara atau pendapatan eksport. Dengan tertubuhnya MPB Club, usaha ke arah tahap ini akan dapat diuruskan dengan lebih teratur dan berdaya maju setapak lagi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Lada Malaysia atau sebutan singkat dipanggil *Malaysia Pepper Board* (MPB) dan membubarkan JPLH bagi mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih baik berikutan dengan industri lada. Kandungan Rang Undang-undang Lada Malaysia ini terbahagi kepada lapan bahagian dan mengandungi 87 fasal.

- (a) Bahagian I mengandungi permulaan serta takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang ini;

- (b) Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penubuhan Lembaga Ladang Malaysia yang mengandungi fasal 3 hingga 18;
- (c) Bahagian III mengandungi peruntukan tentang Ketua Pengarah, pegawai dan pekhidmat lembaga. Ianya mengandungi fasal 19 hingga 22;
- (d) Bahagian IV mengandungi peruntukan kewangan yang mengandungi fasal 23 hingga 27;
- (e) Bahagian V memperkatakan tentang kuasa dan fungsi lain lembaga yang mengandungi fasal 28 hingga 33;
- (f) Bahagian VI mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penguatkuasaan, penyertaan, penangkapan dan sebagainya. Ianya mengandungi fasal 34 hingga 52;
- (g) Bahagian VII mengandungi peruntukan-peruntukan am yang terdiri daripada fasal 53 hingga fasal 74 dan
- (h) Bahagian VIII mengandungi peruntukan mengenai pemansuhan, kecualian dan peralihan yang terdiri daripada fasal 75 hingga fasal 87.

Peruntukan-peruntukan yang *substantive* yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Fasal 3 mengenai objektif-objektif penubuhan Lembaga Ladang Malaysia yang meliputi:

- (a) untuk menggalakkan penanaman lada;
- (b) untuk membangunkan dan menggalakkan industri lada;
- (c) untuk menggalakkan penyelidikan tentang lada, keluaran lada dan industri lada;
- (d) untuk membangunkan matlamat dasar dan keutamaan negara bagi membangunkan dan mentadbirkan industri lada di Malaysia yang teratur dan
- (e) untuk mengawal selia industri lada kecuali penanaman dan penyelidikan tentang lada.

Fungsi Lembaga Lada Malaysia. Fasal 4 berhubung dengan fungsi yang dikuatkuasakan oleh Akta Lembaga Lada Malaysia 2006 ialah:

- (a) untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan pertumbuhan dan daya maju industri lada Malaysia;
- (b) untuk terlibat dalam perdagangan lada, keluaran lada dan memperluaskan perdagangan kepada rempah-rempah yang lain;
- (c) untuk menggalakkan atau menjalankan penyelidikan dan pembangunan yang berhubung dengan industri lada dan memperdagangkan dapatan penyelidikan demi manfaat industri lada;
- (d) untuk menggalakkan, mengawal dan memantau langkah-langkah untuk mendapatkan lada, keluaran lada dan rempah-rempah lain yang berkualiti tinggi;
- (e) untuk memberi perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan termasuk latihan kepada industri lada;

- (f) untuk mengumpul, menguruskan dan menyebarkan maklumat dan menyenggarakan rekod semua perkara yang relevan dan berhubungan dengan industri lada;
- (g) untuk perhubungan dan membuat penyelarasan dengan kerajaan negeri yang berkenaan dan badan-badan lain termasuk menjadi anggota persatuan di dalam dan di luar Malaysia demi kepentingan industri lada; dan
- (h) Dan untuk melakukan apa-apa perkara yang lain yang didapatinya patut untuk membolehkan melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

Kuasa Lembaga Lada Malaysia Fasa 5 antara kuasa yang diberikan oleh akta kepada Lembaga Lada Malaysia ialah;

- (a) Untuk membuat kontrak.
- (b) Untuk memperoleh, membeli, memegang, dan menikmati tiap-tiap jenis harta alih dan harta tidak alih.
- (c) Untuk memindahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan janji, mengemis, menyerahkan semula, memindahkan hak milik atau selainnya, melupuskan atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tidak alih dan apa-apa kepentingan dalamnya yang terletak hak kepada lembaga.
- (d) Untuk mengusahakan dan menyelaraskan aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan pembangunan dalam penanaman, pengeluaran, penuaian, pengekstrakan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, pemakaian, penggunaan dan pemasaran lada dan keluaran lada termasuklah sisa lada dan perkhidmatan yang berhubung dengannya.
- (e) Untuk mengenakan fee atau apa-apa charge lain yang difikirkan patut bagi penggunaan apa-apa kemudahan yang berhubungan dengan penyelidikan, penyiasatan, pengujian, perkhidmatan nasihat, atau apa-apa perkhidmatan lain yang disediakan oleh lembaga.
- (f) Untuk mengutip dan menerima apa-apa wang berhubung dengan aktiviti perdagangannya dan penggunaan kemudahannya dan sebagai balasan perkhidmatan lain yang diberikan oleh lembaga.
- (g) Untuk membuat apa-apa rundingan dan perkiraan yang didapati patut bagi menunaikan fungsinya.
- (h) untuk memperolehi, memegang , melupuskan atau memberikan *help* berkaitan dengan hasil apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh atau

lembaga atau berkaitan dengan hasil-hasil apa-apa penyelidikan yang diusahakan mana-mana orang atau organisasi.

- (i) Untuk menyediakan dengan kelulusan Menteri bantuan kewangan atau bantuan lain kepada pekebun-pekebun lada dan aktiviti mereka yang berkaitan.
- (j) Untuk menugaskan mana-mana orang atau badan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan atau kedua-duanya.
- (k) Untuk memberikan perakuan kecekapan berkenaan dengan program latihan dan program bertauliah.
- (l) Untuk mengusahakan dan menyelaraskan apa-apa aktiviti yang didapati perlu bagi maksud melindungi dan memajukan kepentingan industri lada Malaysia.
- (m) Untuk mengawal selia industri lada kecuali penanaman dan penyelidikan lada kecuali penanaman dan penyelidikan lada termasuk pelaksanaan dan penguatkuasaan apa-apa peraturan yang dibuat di bawah akta ini.
- (n) Untuk memberi lesen perakuan permit dan kelulusan di bawah akta ini.
- (o) Untuk mendapatkan piawai atau gred *barring* lada dan keluaran lada.
- (p) Untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau perlu atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsi di bawah akta ini.

Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah, Fasal 6 mengenai keahlian anggota lembaga terdiri daripada seorang pengerusi yang dilantik oleh Menteri, wakil KPPK dan wakil-wakil daripada kementerian-kementerian lain seperti Perbendaharaan, Kementerian Pertanian, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, wakil-wakil daripada kerajaan negeri Sarawak dan individu-individu yang boleh menyumbang kepada pembangunan Industri Lada Hitam dan Ketua Pengarah Lembaga Lada Malaysia.

Kuasa Menteri, melalui Fasal 15 lembaga bertanggungjawab kepada Menteri serta Menteri berkuasa untuk memberi arahan am di mana lembaga diperlukan untuk melaksanakan kesemua arahan yang diberikan dengan seberapa yang boleh.

Di bawah Fasal 73, Akta Lembaga Lada Malaysia 2006, Menteri adalah berkuasa untuk membuat peraturan-peraturan untuk mengawal selia, menguruskan, mengawal, membangunkan pasaran dan memajukan pemasaran lada dan keluaran lada.

Pembubaran JPLH, Fasal 75 menjelaskan bahawa apabila Akta Lembaga Lada Malaysia 2006 dikuatkuasakan, peraturan-peraturan Jemaah Pemasaran Lada Hitam 1971 dan Rancangan Pemasaran Lada Hitam 1971 akan dimansuhkan serta Jemaah Pemasaran Lada Hitam akan dibubarkan.

Fasal 76 berhubung dengan pemansuhan dan pembubaran Jemaah Pemasaran Lada Hitam dan segala fungsi, peranan dan tanggungjawab JPLH akan diambil alih oleh MPB.

Fasal-fasal 76, 77 dan 81 membawa maksud bahawa dengan pembubaran JPLH ini semua kuasa, harta alih dan kuasa tidak alih termasuk kumpulan wang akan dipindah kepada Lembaga Lada Malaysia. Ini termasuk Pegawai dan Pengkhidmat Jemaah yang akan dibubarkan, akan meneruskan perkhidmatan mereka di Lembaga yang baru ini. Walau bagaimanapun, anggota Jemaah dibubarkan dan anggota mana-mana jawatankuasa yang dilantik hendaklah berhenti memegang jawatan pada hari akta dikuatkuasakan mengikut Fasal 80 Akta Lembaga Lada Malaysia 2006.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, entiti baru ini iaitu Lembaga Lada Malaysia atau pun MPB akan mempunyai tanggungjawab, peranan dan fungsi yang lebih luas, merangkumi bukan sahaja aspek menggalak dan memajukan industri lada hitam, tetapi juga menyediakan infrastruktur asas pengeluaran, khidmat nasihat, pembangunan dan penyelidikan, pembinaan teknologi dan pemasaran lada hitam. Dengan itu, MPB akan merupakan entiti yang dapat menerajui dan memajukan industri lada hitam tempatan dengan lebih menyeluruh, bersepadu dan tersusun. Bagaimanapun, bagi menjaga kepentingan pekebun lada KPPK menerusi MPB akan meneruskan kerjasama dengan Jabatan Pertanian Sarawak yang merupakan jabatan utama yang bertanggungjawab dalam pembangunan ekonomi pekebun kecil lada di Sarawak.

Oleh itu, penubuhan MPB sebagai entiti baru di bawah KPPK adalah perlu bagi membolehkan lembaga baru ini menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih bersepadu. Penubuhan MPB dapat meningkatkan industri lada ke tahap yang lebih tinggi serta menyumbang hasil yang lebih berdaya saing dan bertambah nilai.

Rang Undang-undang Lembaga Lada Malaysia 2006 akan memperluaskan peranan, bidang dan skop MPB berkenaan serta kuasa-kuasa yang perlu bagi membolehkan MPB tersebut berfungsi dengan berkesan untuk memenuhi mandat baru. Penubuhan MPB dijangka akan memperkukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport lada sama ada dari segi pengeluaran produk lada serta produk adunan dan juga produk-produk makanan yang mengandungi lada.

Selain dari menjaga kepentingan pekebun-pekebun lada tempatan, usaha ini juga adalah untuk meningkatkan peranan industri lada ke arah meningkatkan keluaran negara kasar dan jumlah nilai bersih eksport melalui aktiviti penambah nilai adalah satu bidang yang belum diterokai sepenuhnya. Saya penuh yakin, penubuhan MPB dijangka akan dapat memastikan pembangunan industri lada dilaksanakan secara bersepadu dan di peringkat keluaran ke peringkat pemprosesan lada. Pengawal selia industri lada adalah agensi tunggal seperti MPB. MPB akan menggunakan penyelarasan dan pembangunan industri lada dilakukan secara sistematik dan menyeluruh. Penyelarasan yang bersepadu dari segi sistem penyampaian dan pembinaan teknologi yang lebih berkesan akan meningkatkan lagi produktiviti dan pendapatan pekebun lada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat panjang lagi?

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Hampir habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab kalau panjang, sebab saya ada tetamu mungkin saya ganggu sikit.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Hampir habis, ini yang akhir. Penyelarasan yang bersepadu dari segi sistem penyampaian dan pembinaan teknologi yang lebih berkesan akan meningkatkan lagi produktiviti dan pendapatan pekebun lada serta strategi pengeluaran dan pemasaran yang lebih berkesan secara sistematik. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, saya dengan ini memohon mencadangkan.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sebelum saya melanjutkan saya ingin ambil kesempatan ini mengalu-alukan kehadiran dalam Dewan yang mulia ini tetamu Mr. H. Bian Tirani Benjamin ketua delegasi Ahli Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia, dan rombongan beliau, moga-moga kehadiran beliau dan rombongan dalam dewan ini akan mempererat lagi perhubungan di antara Malaysia dan Indonesia, mengalu-alukan.

Yang Berhormat, masalah yang di hadapan majlis di dalam Rang Undang-undang bernombor satu di bawah akta untuk menubuhkan Lembaga Lada Malaysia untuk membuat peruntukkan yang lebih baik berkenaan dengan industri lada Malaysia untuk membubarkan Jemaah Pemasaran dan untuk mengadakan peruntukkan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Jasin sila.

**12.00 tgh.**

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan Rang undang-undang Lembaga Lada Malaysia. Saya lihat rang undang-undang ini merangkumi segala perkara berkenaan dengan perusahaan lada di negara ini kerana kita lihat selama ini kita menanam lada, pekebun kecil kita menanam lada, lada dikeluarkan di negara kita ini 10% daripada keluaran dunia. Tetapi malangnya yang lepas-lepas, yang mengeluarkannya tidak menetapkan harga, yang menetapkan harga lada ini adalah Singapura yang tidak ada lada. Mengapa jadi macam ini? Kita berharap dengan adanya penubuhan Lembaga Lada Malaysia ini, perkara ini tidak akan timbul lagi. Masakan kita yang pengeluar, kita yang memajukan industri ini, orang lain yang menetapkan harganya. Orang lain yang kontrol pasaran lada.

Oleh yang demikian, saya berharap, dengan penubuhan Lembaga Lada Malaysia ini sudah sampai masa dan ketikanya kita sebagai pengeluar lada, kita menetapkan harga lada

untuk dibeli oleh pengguna-pengguna di luar negara. Kita berharap supaya peristiwa yang lepas-lepas, yang pernah kita bincangkan di Dewan yang mulia ini jangan berlaku lagi. Kalau kita sudah tubuhkan Lembaga Lada Malaysia, kita hendakkan kita menjadi pakar lada. Apa aspek lada kita kena ambil tahu. Kerana Tuan Yang di-Pertua, kita pernah ke Fiji. Pernah di dalam Dewan ini pun saya bercakap tentang industri kelapa kita. Kita pergi ke Fiji, satu negara yang ketiga, yang agak miskin, tetapi kerana mereka ada perusahaan kelapa, ladang kelapa, kita tengok dalam supermarket dia ada lebih daripada 20 produk hasil daripada kelapa yang dibangunkan di Fiji yang mana petani-petani kelapa di sana mendapat faedah.

Tetapi dengan adanya Lembaga Lada ini, kita berharap supaya lembaga ini mengambil tahu lebih lanjut berkenaan dengan lada, bagaimana kita hendak majukan perusahaan lada. Lebih-lebih lagi hari ini orang sudah pergi kepada *fast food* dengan izin. *Fast Food industry* pada hari ini berkembang begitu, di negara-negara kita ini selain daripada yang datang daripada Barat, yang datang daripada Indonesia, pelbagai makanan segera yang ada dalam negara ini, dan saya penuh yakin dan percaya, perusahaan lada ini dapat kita perembangkan. Hanya sekarang ini kita hendakkan satu lembaga yang benar-benar menjalankan penyelidikan, bagaimana bukan sahaja untuk mengeluarkan klon-klon yang terbaik untuk mengeluarkan penghasilan lada yang begitu banyak, tetapi kita juga kena menjalankan penyelidikan-penyelidikan bagaimana kita hendak mempelbagaikan kegunaan lada ini.

Akhirnya kita akan menjadi pakar lada sebagaimana negara kita Malaysia, yang pernah menjadi pakar getah dahulu. Semua aspek getah satu dunia datang *refer* kepada kita berkenaan dengan getah sehinggakan negara kita terkenal. Walaupun saiz negara kita kecil, penanaman getah itu tidak sebesar sangat, tetapi penghasilan daripada usaha-usaha penyelidikan ini kita mampu mengeluarkan jumlah getah yang begitu besar dan begitu banyak mengikut saiz getah yang tidak berapa besar.

Begitu juga dengan lada, kita hendakkan supaya lebih banyak pegawai ditambah di bawah Lembaga Lada ini untuk menjalankan kerja-kerja *extension* untuk memperkenalkan kepada pekebun-pekebun kecil supaya dapat menanam lada ini sebagai sumber pendapatannya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Apa Yang Berhormat bagi Sri Gading? Di Sri Gading pun ada lada? Silakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong saranan daripada Yang Berhormat bagi Jasin dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Lada ini. Lada hitam, lada putih ini, Tuan Yang di-Pertua, lada ini pedas, Tuan Yang di-Pertua. Pedas, dan kalau dibahaskan secara "pedas", Yang Berhormat Menteri Kementerian jangan terasalah. Tetapi ada juga pepatah,"siapa makan lada, dia terasa pedas". Tetapi kalau "pedas" dalam perbahasan ini harap dimaafkan.

Lada adalah salah satu hasil pengeluaran yang tertua di negara ini. Kawasan Tuan Yang di-Pertua, Kulai, di Johor khususnya di bahagian Kulai - Senai ini ialah tapak pengeluaran lada yang terbesar pada suatu ketika dulu sehingga Johor mengambil daun lada dan tangkai-tangkai lada itu menjadi salah satu daripada gambaran menzahirkan negeri Johor itu berasaskan lada. Tetapi tenggelam timbul, Tuan Yang di-Pertua. Tenggelam timbul, tenggelam timbul dan akhirnya tidak timbul, dia tenggelam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ingin berucap?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya hendak mencelah ucapan Yang Berhormat bagi Jasin. Saya hendak mencelah kerana saya tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat bagi Jasin memberikan hujah-hujah yang konkrit, yang boleh diterima pakai oleh kementerian. Jadi, saya berharap, potensi negara kita untuk menjadi pengeluar lada yang terbesar dan hasilnya amat lumayan - sebenarnya lumayan, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kenapa agaknya kita lupakan, seolah-olah kita lupakan, seolah-olah kita anak tirikan. Kalau kita tahu dan kita rasa bahawa perusahaan ini memberikan keuntungan kepada pengusahanya dan juga pulangan kepada negara, kenapa tidak bersungguh-sungguh dalam perkara ini?

Dulu, nanas bukan main diheboh-hebohkan. Selepas itu tenggelam timbul, tenggelam dan hari ini hendak di...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, kalau Yang Berhormat ingin berucap saya boleh berikan peluang nanti.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak, ini saya cuma hendak mencelah, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua berterima kasih kepada saya kerana menonjolkan Kulai, kawasan Bukit Batu. Itu kawasan yang terkenal dengan perusahaan lada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, nanti Yang Berhormat boleh berucap tentang Bukit Batu pula.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Maksud saya, supaya Yang Berhormat bagi Jasin dapatlah agaknya menerima pakai apa yang saya cadangkan ini sebahagian daripada ucapannya untuk memberitahu kementerian apa usaha yang benar-benar dapat dipegang oleh rakyat supaya rakyat rasa ghairah untuk menanam dan mengeluarkan lada hitam ataupun lada putih ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, di atas kesabaran mendengar hujah-hujah saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya, lada ini bukan sahaja di Kulai, bukan sahaja di Johor. Kalau kita lihat sejarah Kesultanan Melaka pada zaman dahulu, yang datangnya orang-orang daripada Barat ingin menakluki Nusantara ini kerana lada. *The price trade*, dengan izin. Ha, macam minyak sekarang. Dulu orang Barat datang menjajah Indonesia, Belanda datang ke Indonesia, Portugis hendak datang ke Melaka kerana hendak cari lada!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih sahabat saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Kuala Krai pun ada lada? *[Ketawa]*

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Memang di Kuala Krai ada lada. Banyak jenis lada, Tuan Yang di-Pertua. Saranan daripada Yang Berhormat bagi Jasin tadi memang tepat dan saya menyokong. Lada memang begitu hebat ditanam. Sempena dengan “Bumi Hijau”, setuju atau tidak Yang Berhormat, supaya rancangan ini dapat bersekali dengan pertanian dan peruntukan itu dapat disalurkan terutama sekali kepada penduduk-penduduk luar bandar yang dahagakan kepada “Bumi Hijau” ini, sedangkan 30% kita tahu adalah penduduk luar bandar dan di kawasan saya, terutama di Kuala Krai ini ladanya begitu banyak jenisnya. Setuju atau tidak kalau harga-harga lada ini dikategorikan mengikut jenis-jenisnya? Jangan satu lada hijau, lada putih, lada burung dan macam-macam lada, setuju atau tidak Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya ini bersetuju, Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Yang kita bincang ini, lada putih dan lada hitam dulu. Lada burung itu belum lagi. *[Ketawa]*

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat:** Ia termasuk semuanya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Hanya yang saya hendak minta, dengan adanya penubuhan lembaga ini, janganlah kementerian lihat Sarawak saja! Janganlah lihat Sarawak saja negeri utama yang menanam lada. Lada ini telah berada di mana-mana dan hari ini dalam usaha kita hendak menjadikan pertanian sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai, mengapa tidak lada ini diperkembangkan ke seluruh negara?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Puchong ada lada ke? Okay.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya memang menyokong apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat bagi Jasin bahawa mempelbagaikan penggunaan lada ini sebagai suatu pelan tindakan yang sangat penting.

Tetapi sebelum kita sampai ke tahap itu, setujukah Yang Berhormat bahawa penetapan ataupun pengawalan harga lada itu sangat penting kerana kalau kita tidak ada suatu mekanisme yang betul-betul kukuh, berkesan untuk mengawal harga lada ini, maka akan memberi suatu implikasi negatif kepada penanam-penanam yang akan datang ataupun kepada pengusaha-pengusaha lada ini.

Setujukah Yang Berhormat bagi Jasin bahawa tugas utama Lembaga ini kalau diluluskan kelak mesti mewujudkan suatu mekanisme pengawalan harga yang mesti berkesan kepada semua pengusaha atau penanam-penanam lada di masa hadapan supaya perusahaan atau

sektor penanaman lada ini akan diperkembangkan pada masa-masa yang akan datang. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Jasin?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Saya sudah bercakap daripada awal tadi. Selama ini kita yang menanam lada. Petani kita yang menanam lada, negara kita yang mengeluarkan lada tetapi yang menetapkan harga, Singapura. Ini yang kita harapkan dengan adanya penubuhan Lembaga Lada Malaysia ini, kita kena menentukan harga ini kerana dalam segi negara kita, dalam pertanian ini kita lihat...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, Maran.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Baru hendak mula Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat cakapkan tadi. Kampung saya pun ada lada Yang Berhormat bagi Jasin.

Saya hendak mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih berbilang-banyak kepada kerajaan kerana mengambil perhatian berat tentang peladang-peladang lada ini. Tadi Yang Berhormat bagi Jasin ada menyebut kepada kita tentang harga lada ini. Kita punya lada tetapi orang lain yang menentukan harga. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bagi Jasin, saya kira bukan sekadar harga lada, tetapi kita perlu memikirkan bagaimana pemasaran lada esok.

Yang Berhormat bagi Jasin mencadangkan kepada kita supaya bukan sahaja ditanam di Sabah atau di Sarawak, saya hendak juga ditanam di Maran bahkan di tempat-tempat lain. Saya takut Yang Berhormat bagi Jasin, saya minta pandangan. Kita sudah berlaku dalam sejarah pertanian kita. Kita minta petani-petani menanam buah-buahan rambutan merata-rata negeri di dalam negara. Tetapi akhirnya harga rambutan tidak ada harga sehingga ada negara lain jiran kita mengambil rambutan kita menjadikan..... apa kata tadi Yang Berhormat bagi Jasin?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Laici Singapura.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Laici Singapura. Saya bimbang besok jadi pula lada Singapura ataupun jeruk lada Singapura dan sebagainya, minta pandangan Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Yang sebenarnya hari ini orang pandang lada ini dalam pasaran antarabangsa. Bila sebut sahaja soal lada, orang terfikir Singapura. Inilah yang kita hendakkan supaya penubuhan Lembaga Lada Malaysia ini kita kena *reverse* balik, dunia akan memandangi kita. Malaysia sebagai pengeluar bahan utama, walaupun kita keluar hanya 10% daripada pengeluaran lada dunia.

Tetapi saya penuh yakin dan percaya dengan adanya pemakanan *fast food centre* pada hari ini yang sedang *mushrooming* dengan izin di mana-mana, lada ini mempunyai potensi dan

soal pasaran ini akan menjadi begitu lumayan pada masa akan datang sekiranya kita dapat kawal daripada awal.

Saya pernah Tuan Yang di-Pertua, ini suatu industri yang boleh kita perembangkan. Saya pernah beberapa bulan yang lepas, secara kebetulan pergi ke Balik Papan, Indonesia. Bukan saya hendak *jack* orang Indonesia yang ada di sini. Saya sempat sampai di Kalimantan, di Balik Papan. Dalam perjalanan daripada Balik Papan ke Samarinda, saya telah berhenti di satu kampung yang terkenal sebagai pengeluar lada dan rata-rata kita lihat kampung-kampung itu, orang sana memang menjadi sebutan di Balik Papan dan juga Samarinda, ini semua perkampungan orang kaya.

Mengapa dia jadi kaya? Kerana mereka memiliki ladang-ladang lada dan mereka menanam lada sebagai pendapatan mereka dan rata-rata tiap-tiap rumah ada kereta, tiap-tiap rumah senang. Kehidupan mereka senang. Terfikir pula saya mengapa pula petani-petani atau pekebun-pekebun kecil kita yang menanam lada dalam negara kita lebih-lebih lagi sahabat-sahabat daripada Sarawak bermasalah saya dengar. Petani tidak dapat harga yang sewajarnya dan saya pergi dekat Samarinda di pusat kraf tangan dia itu Tuan Yang di-Pertua, sehinggakan akarnya pun sudah boleh buat cenderamata.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Hoh! Hoh!

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Bermakna satu pokok lada itu macam-macam kegunaan dia yang boleh mendapat menghasilkan kewangan. Tetapi kita? Kita bagaimana?

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Jasin ini. Saya ada dengar adakah betul sebab Yang Berhormat ini selalu ke Indonesia, ada OKKL, OKKL. Jadi, apa saya tanya OKKL ini? Dia kata Orang Kaya-kaya Lada. *[Dewan riuh]*

Nanti, satu lagi dan yang satu ini saya cadangkan Yang Berhormat bagi Jasin bersetuju supaya kita katakan lada Malaysia. Setuju tidak?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Apa pun kita jangan kisah pada nama. Yang penting petani ini mendapat faedah daripada usaha kita ini. Tidak guna kita tubuhkan Lembaga Lada Malaysia, dari segi nama sahaja. Tetapi petaninya, macam saya cakap hari itulah. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang kita hendak majukan nelayan, bukan ikan. Ini Lembaga Lada Malaysia bukan kita hendak bangunkan lada tetapi kita hendak bangunkan petani-petani lada. Yang ini harus kita perjuangkan dan petani dapat faedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kita serius kali ini kerana kalau kita lihat kalau hendak suruhkan masyarakat petani kita untuk menanam tanaman-tanaman lada ini hendak diperkembangkan, saya tidak mahu jadi seperti masa yang lepas-lepas. Dahulu macam yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Maran tadi. Kita suruh tanam rambutan, orang tanam

rambutan akhirnya pada hari ini bila musim buah rambutan banyak, rambutan melambak dan membazir.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Hari ini Singapura pula .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Minta maaf Yang Berhormat, minta sekejap lagi. Belum habis lagi. *Sentence* itu belum habis. Hari ini bila Singapura pula ambil kesempatan buat satu inovasi, ambil rambutan ini dikilangkan, ditinkan dan dia pula memasarkan di seluruh dunia sebagai *Lychee of Singapore*, rambutan-rambutan Malaysia, kita hendak marah? Sepatutnya kita mengambil itu sebagai cabaran mengapa orang boleh buat, mengapa kita tidak boleh buat? Sebagai cabaran dan kita berharap pula apabila kita hendak memperkembangkan tanaman lada di Malaysia, kita harus bertanggungjawab dan kita tidak hendak jadi apa yang peristiwa-peristiwa yang berlaku yang lepas-lepas daripada tanaman-tanaman kita?

Kita pernah mengkomersialkan tanaman durian, apa sudah jadi dengan durian hari ini? Saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua di Kulai, tapi di Jasin sekarang pokok durian habis sudah kena tebang, kayu sudah kena jual, sama sahaja. Dahulu kita semua tiap-tiap orang, tiap-tiap yang ada tanah, semua tanam durian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sila sahabat saya, kalau tidak bagi nanti dia baling saya nanti.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tahu pun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat masuk sedikit bahawa kita bersetuju dengan pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh pihak kementerian kerana tidak ada kementerian yang mencadangkan sesuatu yang hendak menyusahkan rakyat, tidak. Tetapi kadang-kadang dari segi pelaksanaan *delivery* itu yang menyusahkan rakyat. Jadi, boleh tidak pihak Lembaga Lada Malaysia atau pihak-pihak kementerian pertamanya mengkaji keseluruhan keperluan pasaran sama ada pasaran dan juga untuk eksport.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tanya sama Yang Berhormat bagi Jasin ataupun pihak kementerian?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tanya kepada Yang Berhormat bagi Jasin untuk '*dikenenkan*' kepada kementerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Minta penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Jasin. Itu hari cuti panjang, sudah lupa sedikit cara-cara. Jadi, apabila kita tahu pasaran sebenarnya keperluan pasaran, pertama harga dia akan mendapat satu harga yang baik. Yang keduanya bermaknanya '*pak tani-pak tani*' kita, dia akan tidak serik dengan pengalaman-pengalaman yang sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, bermakna menjual,

menanam dan akhirnya tidak ada pasaran dan mereka yang menanggung kerugian. Jadi, saya ingat dengan adanya satu fokus pasaran...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cuti satu bulan, Peraturan Mesyuarat sudah lupa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak lupa Tuan Yang di-Pertua, saya kena tengok kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah lupa ini Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini bukan cara untuk minta penjelasan. Yang Berhormat macam hendak berhujah, mengambil bahagian dalam perbahasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, dan ini saya hendak *test* supaya sekejap lagi apabila saya berdiri, Tuan Yang di-Pertua beri saya berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh berucap nantilah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya yang bernas ini untuk diambil sebagai satu *guideline* kepada pihak kementerian supaya memastikan bahawa penanam-penanam lada ini akan benar-benar mendapat manfaat dan kita terima kasih kepada kementerian di atas inisiatif yang diambil dengan pindaan Rang Undang-undang yang ada ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Jerai. Yang sebenarnya pengeluaran lada dunia ialah sebanyak 290 ribu tan. Negara kita pada hari ini mengeluarkan lebih kurang 30 ribu tan dan oleh kerana perkembangan industri pemakanan dunia pada hari ini kita penuh yakin bahawa perkembangan sebanyak 5% ke 10% tiap-tiap tahun. Ini menunjukkan bahawa masa depan industri lada ini akan lebih cerah kerana pada hari ini manusia dia jarang masak di rumah. Manusia pada hari ini tengah mencari makanan-makanan *fast food*, dengan izin dan apabila *fast food* ini berkembang dengan sendirinya industri lada ini akan berkembang. Dan kita lihat bahawa sepanjang perjalanan sejarah tentang harga industri lada kita dapat lihat bahawa industri lada ini boleh dikatakan harganya kalau turun pun harga di pasaran dunia tidak turun sangat, bermakna *sustainable* lebih kurang sama saja.

Oleh yang demikian, ini akan menunjukkan bahawa industri lada ini mempunyai masa depan yang cerah dan penubuhan Lembaga Lada Malaysia ini akan menjadi satu perkara yang baru dan kita teliti supaya apa yang akan kita laksanakan dan tubuhkan ini memberi manfaat kepada petani-petani kita. Itu sahaja Yang Berhormat Dato' dan saya akhiri dengan menyokong Akta Lembaga Lada Malaysia 2006. Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Aman dan lepas itu Jerai bolehlah.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini pertama minta kerajaan, minta kementerian lebih-lebih lagi kerajaan meningkatkan lagi harga

lada dan saya akan memberi sebab-sebabnya. Pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kepada kementerian kerana telah memberi nama lada ini di tempat yang betul. Oleh kerana pada masa yang lampau ia selalu disebut lada hitam. Oleh kerana di Sarawak kalau kita sebut lada hitam maknanya tidak tentu betul dan tepat. Ini adalah kerana kita ada lada putih lada yang tidak ada kulit dan lada yang jemur di panas dengan kulitnya menjadi lada hitam. Dan untuk kita di Sarawak lada yang lebih enak ialah lada putih, lebih digemari.

Tuan Yang di-Pertua, lada ini di Sarawak lebih-lebih lagi di kawasan Parlimen saya di mana begitu ramai orang menanam lada adalah diusahakan oleh petani-petani kecil yang datang dari kaum Dayak dan juga dari kaum China. Saya boleh katakan semua mereka yang menguasai lada ini ialah orang yang mendapat pendapatan rendah. Jadi mereka menanam lada oleh kerana mereka tidak ada sumber pendapatan lain. Dan oleh kerana itulah tiap-tiap kali saya pergi ke rumah panjang kebun mereka, mereka minta supaya saya bercakap di Parlimen minta kerajaan menaikkan lagi harga lada supaya mereka dapat hidup dengan cara yang lebih selesa.

Saya juga nampak Tuan Yang di-Pertua, memang mereka memerlukan bantuan nasihat. Bantuan yang pertama Tuan Yang di-Pertua, dahulu di Sarawak pertamanya lada ini adalah satu .....

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Saya minta penjelasan. Nama Lembaga Lada ini bagaimana sekarang ini untuk kita membezakan lada dalam perkataan itu sama ada ianya *pepper paris* ataupun cili. Sedangkan apa yang kita bincangkan sekarang ini lebih merujuk kepada *pepper paris*. Tetapi kalau kita lihat sekarang lada ianya juga boleh membayangkan cili. So, bagaimana sehubungan interpretasi Yang Berhormat tentang perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Saya bukanlah pakar bahasa tetapi mengikut kita di Sarawak kalau lada itu memang *pepper* lah, adalah lada hitam dan ada lada putih. Kalau dalam bahasa Iban lada adalah cili ataupun '*cabek*' dalam bahasa Iban.

Jadi berpatah balik kepada hujah saya tadi. Satu masalah yang besar ialah tiang untuk lada ini kerana lada ini boleh hidup boleh menjadi komoditi yang dapat menyumbang mungkin selama 10 atau 15 tahun. Tetapi saya telah melihat Jabatan Pertanian Sarawak cuba membuat kajian, penelitian dan lada ini terpaksa..... apa istilah yang harus saya pakai, menaiki satu batang kayu dan di Sarawak kayu yang digunakan ialah kayu belian ataupun teras dalam bahasa tempatan. Jadi lada ini ia menaiki berpusing di atas kayu ini dan sekarang di Sarawak tidak ada *pepper post* lagi tidak ada tiang kayu yang keras yang boleh digunakan sebagai tiang untuk lada ini. Dan yang menjadi penyakit penanam lada sekarang ini mereka menggunakan kayu-kayu biasa dan kayu biasa ini selepas 1 atau 2 tahun kayu ini buruk. Jadi lada ini tidak ada tempat untuk dia menaiki. Jadi oleh kerana itu usaha mereka ini merugikan. Selepas 2 atau 3 tahun lada mereka terus mati tidak ada tempat. Ada juga Jabatan Pertanian mereka cuba mengetengahkan lada ini menaiki dawai tetapi saya nampak usaha ini belum berjaya.

Jadi masalah yang besar sekarang ialah apakah patut digunakan oleh kita untuk menentukan lada kita ini dapat hidup 15 ataupun 20 tahun. Jadi masalah yang besar ialah tiang. Oleh kerana tidak ada tiang tidak ada kayu keras lain lagi oleh kerana kayu kita semua telah ditebang tidak ada hutan lagi tidak ada orang yang hendak *supply* kayu yang keras ini, tidak ada kayu berlian lagi. Jadi ini adalah masalah yang begitu besar untuk semua penanam lada.

Yang kedua, juga penanam lada ini selalu mengeluh kepada saya. Orang yang menanam padi ada diberi peruntukan baja tetapi mereka yang menanam lada nampaknya tidak begitu diberi perhatian. Yang seterusnya juga orang yang menanam padi ada diberi racun dengan percuma, ada diberi subsidi baja, subsidi racun sebaliknya mereka juga tidak mendapat layanan yang sama. Lada ini juga adalah satu tanaman yang susah diusahakan. Oleh kerana kalau cuaca terlalu panas dahan-dahannya akan mati, ia pun tidak mahu hidup. Kalau terlalu hujan pun ia akan mati, kalau tanah itu terlalu rata pun ia akan menghadapi penyakit urat. Jadi macam-macam kerenah lada ini, susah betul untuk ditanam.

Kalau begitu Tuan Yang di-Pertua, saya nampak industri lada di Sarawak ini nanti akan hilang oleh kerana tidak dapat bersaing dengan getah oleh kerana sekarang mereka asyik dengan getah tidak dapat bersaing dengan koko, tidak dapat bersaing dengan tanaman sawit.

Oleh kerana sekarang mereka asyik dengan getah tidak dapat bersaing dengan koko, tidak dapat bersaing dengan sawit, tanaman sawit. Oleh kerana saya nampak di kawasan saya ialah kawasan pertanian. Orang sekarang makin sehari makin melupakan tanaman lada mereka dan saya rasa kalaulah kerajaan tidak dengan segera membantu mereka, memberi mereka khidmat nasihat saya rasa mereka akan meninggalkan industri ini. Saya juga minta kerajaan meneruskan usaha mereka memasarkan lada ini dengan lebih giat lagi, mengiklankan kegunaan lada dan membuat kajian-kajian macam mana memasarkan lada dan juga memujuk orang di dunia ini menggunakan lebih banyak lagi lada. Apabila orang di rumah panjang minta harga lada dinaikkan. Jawapan saya, kita sendiri pun tidak makan lada.

Jadi, macam mana lada dapat permintaan tinggi. Jadi, dapatkah tidak kementerian mencari jalan untuk *create demand* supaya ada permintaan, kalau tidak ada permintaan memang harga dia tidak akan naik. Jadi, kita nampak orang dari negara Barat kadang-kadang tidak ada permintaan, tetapi mereka dapat mengolah satu cara pengiklanan supaya kita yang tidak perlu barang itu pun rasa cara hidup kita tidak sempurna, kalau kita tidak menggunakan barang itu misalnya KFC, dulu kita pun semua pandai masak ayam. Tapi, kita rasa kalau kita tidak pergi KFC sekali sebulan cara hidup kita tidak seronok. Jadi, dapatkah kita mengolah satu langkah supaya penggunaan lada ini menjadi satu keperluan kepada orang di dunia ini.

Yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana orang yang berkecimpung dalam industri lada ini adalah ramai orang Dayak, saya haraplah kalau kita ada Ahli Lembaga nanti sekurang-kurangnya simpanlah seorang penanam seorang Dayak dalam lembaga ini dan juga simpan lagi ramai orang dari Sarawak, oleh kerana apabila kita ada laporan-laporan seperti ini

Tuan Yang di-Pertua, saya ada baca ini, jadi kadang-kadang industri yang khusus untuk Sarawak pun dibanjiri oleh orang dari Semenanjung.

Saya memang suka orang dari Semenanjung, tetapi saya rasa patut ada *balance*, di mana kawasan itu kalau orang Kota Bharu yang ramai berkecimpung di sana bagilah tempat supaya ramai lagi orang dari Kota Bharu dapat mempengaruhi polisi-polisi ataupun dapat mengemukakan cadangan-cadangan atau dapat mengemukakan masalah-masalah. Oleh kerana kalau masalah itu masalah orang Sarawak, hanya orang Sarawaklah yang lebih arif, kalau masalah itu masalah orang Kota Bharu, orang Kota Bharulah yang lebih arif. Jadi, inilah permintaan saya Tuan Yang di-Pertua, dan saya harap kementerian dapat dengan segera menyelesaikan masalah yang saya sentuh tadi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, lada ini Tuan Yang di-Pertua benda yang telah digunakan oleh datuk nenek kita lagi turun menurun. Semua jenis manusia pakai lada, terutamanya untuk *steam up* badan menggunakan lada. Ini saya bercakap dari segi tradisional dulu. Kadang-kadang orang bersalin kita masak makanan untuk isteri-isteri yang bersalin ini kita masukkan lada supaya memanaskan badan-badan yang telah kembang dan hendak menguruskan balik kita gunakan lada, supaya menjadi sihat ya, dan kita tengok di restoran lima bintang, di hotel lima bintang *black pepper steak* gunakan lada dan kita lihat coklat-coklat yang berunsurkan lada pun ada hari ini di Sarawak, *pepper sweet*. Bukan *paper - pepper sweet*.

Dan lada ini ditanam oleh datuk nenek kita dulu samalah seperti datuk nenek kita menanam sirih yang banyak hikmahnya. Sirih Tuan Yang di-Pertua, kita boleh gunakan kalau badan-badan lenguh, menempek sirih di belakang, menepuk sedikit dengan membaca sikit-sikit ayat insya-Allah, lenguh itu akan beransur pulih dan lada pun macam itu kita boleh tumbuk-tumbuk lada, dia panas kita bubuh di mana, tak payah koyok lagi ataupun plaster..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat macam ceramah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Macam berceramah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Macam apa..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jual ubat berceramah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Nak ubat, singse-singse, koyok pakai ladalah Tuan Yang di-Pertua, tapi dimodenkan, menempek koyok di belakang ataupun dipanggil plaster apa?....

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...jadi, bahasa saintifiknya *pepper* apa?

**Seorang Ahli:** 'Najjah'.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Pepper 'Najjah', this is scientific word....*

**Seorang Ahli:** *Nigrum.*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Nigrum, that's right.* Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya baca ni, saya baca lembaga dan matlamat dia. Saya memang setuju. Dulu lada ini di bawah jagaan FAMA, FAMA memasarkan lada.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa itu Yang Berhormat Pengerusi FAMA lah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yes dan saya bangunkan lada itu. Tetapi, FAMA hanya memasarkan dan ia tidak ada dalam bidang kuasa dia untuk menanam lada dan tanaman lada ini dilakukan oleh pak tani. Di sini juga saya dapat lihat dan saya nak mintak kalau boleh kerajaan perbetulkan matlamat lembaga adalah yang ke (e) "untuk mengawal selia industri lada kecuali penanaman dan penyelidikan tentang lada".

Jadi, Lembaga Lada ini ditubuhkan untuk memasar sajakah? Ya, dia tidak boleh menasihati penanam tidak boleh *direct* kepada penanam, tidak boleh membuat penyelidikan tentang lada, jadi apa kerja dia? Adakah hanya untuk memasar? Untuk menggalakkan penanaman lada *okay* menggalakkan, saya bersetuju. Membangun dan menggalakkan industri lada *all right*, untuk menggalakkan penyelidikan tentang lada, keluaran lada dan industri lada menggalakkan, saya nak tahu dia galak tang mana? Kita nak tahu juga. Apakah jenis galakan. Dan sekarang ini lada dipakai seluruh dunia, tadi sahabat kita Jasin kata 290 tan dan kita hanya keluar 130 tan, masih tidak mencukupi. Makna pasaran dunia lebih besar dan peluang untuk menanamnya cukup banyak.

Jadi, saya mahu tahu. Sekarang ini saya bersetuju Perdana Menteri kita, Rancangan Malaysia Kesembilan, bercakap tentang *biotech* dalam bidang pertanian. Bercakap, bercakap, bercakap sampai hari ini saya tak tengok *biotech* ni. Mana ada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi bercakap fasal *biotech, biotech* ni, hak *cyber city, cyberjaya* tu tak apalah. Bekerjasama dengan lembaga ini, Lembaga Lada ini. Cari kaedah teknologi yang baru yang terbaik untuk memastikan pengeluaran yang terbaik, lada kita terbaik, di pasaran yang terbaik dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, lada ni, Tuan Yang di-Pertua, di India, depa pakai cukup banyak untuk buat ubat ni, kalau kita ceret-birit makan lada. Lada digunakan untuk kaki apa..

**Seorang Ahli:** *Gangrene.*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Gangrene* ni, kalau orang kena kencing manis ni, kaki dah reput gunakan lada. Lada juga digunakan untuk penyakit pasang surut (*hernia*).

Banyak teknologi yang telah diusahakan oleh negara lain. Jadi kita kalau di Malaysia sekadar untuk hendak menggalakkan tetapi tidak mahu membuat penyelidikan mengikut arus pembangunan dunia dan juga pertanian dunia ini maka saya percaya penuh baiklah lada ini

dipasarkan oleh FAMA. Kekalkan di FAMA jadi tak payah lagi kita nak tubuhkan Lembaga Pengarah dia, Pengerusi dia, nak jual 30 tan, 30,000 tan, kita nak buat satu lembaga pula nak belanja beratus ribu.

Tapi saya nak tahu, terperinci apakah matlamat dia? Bukan sekadar memasarkan, bukan sekadar menggalakkan, tetapi kita kena kaji supaya pak tani-pak tani ini mendapat nikmat daripada lada ini yang terjamin pasaran dia. Tuan Yang di-Pertua, pak tani ni orang yang menurut, kadang-kadang apabila menteri itu mengatakan sesuatu mereka berpegang kepada kata-kata itu. Mereka mengharapkan apa yang menteri itu kata akan menjadi realiti tetapi kadang-kadang apa yang dikatakan itu tidak menjadi realiti dan mereka terkorban.

Terkorban maknanya mereka rugi kerana terpaksa menyahut seruan, kita katakanlah bumi hijau tanam tu tanam ni, semua pakat tanam dan sebagainya, tanpa kita fokus dari segi pasaran untuk tanaman-tanaman keluaran mereka ini. Saya bersetuju dulu dokong *at one time* saya faham Tuan Yang di-Pertua, sekilo sampai RM15, sampai RM25 ada sekilo dokong. Tapi hari ini RM1 buah dokong. Orang tanam pokok dokong buka berpuluh-puluh ekar akhirnya mereka mengalami kerugian. Tiada pasaran sedangkan kita tahu manusia di Malaysia ni 27 juta, 26 juta. Saya pi di Benua Arab, saya tengok Tuan Yang di-Pertua di hotel lima bintang yang saya tumpang duduk, *breakfast* atas meja tu yang dihidangkan makanan-makanan tu dia bubuh buah 'moktan', buah rambutan orang Kedah panggil 'moktan', buah rambutan dengan buah manggis.

Tengok buah 'moktan' tu, buah rambutan tu Tuan Yang di-Pertua, dengan kering dengan bulu dia dah hitam dan sebagainya dah..orang tak makan dah kalau di Malaysia ni kira *right off* tak makan dah... buah manggis yang diletak tu saya nak kupas buah manggis tu pun dekat 10 minit barulah terkoyak.. punya keras dah. Di hidang di atas meja lima bintang. Saya tengok dan saya ambil dan saya makan buah moktan tu tak apalah buah moktan memanglah kulit dia dah ni pun tapi isi dia ok lagi. Jadi bermaknanya buah-buah nilai di begitu besar walaupun di sini *right off* di sana letak atas lima bintang punya hotel. Di sini pasaran Tuan Yang di-Pertua. Fasal apa kita tak pasarkan benda ini sampai ke negara itu? Dan saya tanya buah ini datang daripada mana? Dia kata dari Thailand bukan datang dari Malaysia. Sedangkan kita banyak pokok dan masalah kita kerana kerajaan tidak merancang untuk orang menanam. Suruh tanam buah moktan pakat tanam moktan, sat bagi moktan jenis budak sekolah, sat bagi moktan jenis lekang nyiur, sat bagi moktan jenis ini itu jadi *variety* kita terlampau banyak sehinggakan sukar bagi kita memasar. Jadi kerajaan kajilah apa jenis rambutan yang boleh...

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]:** [*Menyampuk*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ....dah sat lagi nak pulas balik ke lada Tuan Yang di-Pertua... Jadi rambutan ini cara nak memasar saya tahu saya biasa buat pemasaran. Saya biasa memasarkan rambutan di England, *no joke* Tuan Yang di-Pertua dan Mat Salleh makan kerana kelembapan pegawai saya bagi taklimat, Mat Salleh rasa.. mula-mula

dirasa syok rasa *sweet*, *suddenly* dia kata pahit, *bitter* *what is the held type of the fruit of marketing here in England*. Dia kata kata kat saya. No, no, sir,sir, *wait don' t get angry.. our fruit is the best fruit in the world*.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dalam bahasa Malaysia saya kata "jangan susah hati ini buah yang terbaik di dunia". Mana ada buah bulu di luar? Tak dak, buah rambutan sahaja. Dia tanya saya dalam bahasa Inggeris *what type of this fruit?* I kata dalam bahasa Inggeris *this is what we call heri fruit*. Jadi kerana dia makan, kerana dia tak tau, dia tokat sekali dengan biji-biji jadi pahitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini bukan Rang Undang-undang rambutan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Memanglah bukan undang-undang maksud saya ialah supaya pihak Lembaga Lada nak tubuh ini. Pertamanya supaya pastikan pasaran ini teguh, pastikan produk daripada lada ini ini bukan setakat menjual biji lada itu sahaja tetapi dia punya *down stream* tu apa dia? Pastikan pak tani ini diberi jaminan - apabila kamu menanam lada, ini dia *break event cost*, ini dia you punya *profit*, keuntungan, pastikan ini lembaga kena jaga kalau dah keluar banyak sangat lada jangan pula lembaga tu teriak... .Pasal pasaran menurun jadi yang nak *suffer* petani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Lim Si Cheng]:** Datuk Berhormat kaitkan dengan masalah rambutan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Fasal saya nak nak tengok cara kerana kita silap buat promosi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr Si Cheng]:** Tapi Yang Berhormat lupa dulu Yang Berhormat Pengerusi FAMA. Patut buat promosi untuk rambutan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sebab tu saya turun sendiri fasal apa FAMA dia tidak ada kuasa untuk menanam. Macam ni lah lembaga tidak ada kuasa untuk menanam Tuan Yang di-Pertua. Dia hanya ada kuasa untuk menggalak dan mempromosikan. Kalau FAMA boleh tanam saya boleh beritahu "ok pak tani-pak tani tanam jenis rambutan budak sekolah yang terbaik tusupaya FAMA boleh pasar dan eksport". Sekarang ni kalau ada 10 *variety* dalam negara kita nak eksport pi keluar negara menjadi masalah pada kita. Sebab itu papaya yang saya *promote* dulu hari ni eksotika itu boleh dikatakan hari ini *we lead the world*, dengan papaya dan juga *star fruit*. Dalam dunia tak ada buah yang berupa bintang sebab itu saya potong saya tunjuk macam bintang saya kata buah ini makan vitamin C ada dan dia menjagakan jantung. Kerana menjaga jantung orang makan buah itu, kira apa? Cara *promotion* kena baik. Soal dia percaya tak percaya lain cerita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat panjang lagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr Lim Si Cheng]:** Banyak lagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Nak habis dah nak balik ke lada lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr Lim Si Cheng]:** Baliklah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi maknanya saya mahu kita pinda sikit. Timbalan Menteri tolong, bukan setakat menggalak dan kecuali penanaman dan penyelidikan tentang lada. Jadi yang nak selidik lada ni sapa? MARDI nak selidik lada, MARDI nak selidik padi, MARDI nak selidik macam-macam, semua MARDI nak selidik, bila nak selidik pasal lada? Sahabat saya dari Arau ini [*Menoleh dan menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Arau*] macam-macam dia boleh selidik tapi siapa pun tak nak pakai dia. MARDI tak pernah panggil dia. Saya terus masuk dalam web site *check on the paper see what all about* Bawak keluar mai [*Ketawa*]. Kami seluruh Seputeh...Kuching..You seronok ya jadi DUN makan dua gaji tau [*mengusik Yang Berhormat bagi Seputeh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr Lim Si Cheng]:** Itu Bandar Kuching

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia makan dua gaji, kerja satu kali aja. Mana patut. Kasi ni orang samalah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kalau setakat menggalak dan mengawal, menggalakkan penyelidikan, menggalakkan ni siapa yang nak galak? Siapa yang nak selidik? Saya Lembaga Lada ini daripada tanaman sampailah kepada pemasaran supaya pak tani-pak tani yang terlibat dengan tanaman lada walaupun melibatkan dalam konsep Kementerian Pertanian tetapi kalau bercakap fasal lada biarlah Lembaga Lada ini sendiri yang uruskan. Kalau bercakap fasal nanas biarlah Lembaga Nanas yang uruskan daripada tanaman, mencari benih-benih baru dan juga pasaran biar lembaga ini yang buat.

Jadi, tak payahlah kita, semua nak tuju ke Jabatan Pertanian. Kadang-kadang Pegawai Pertanian itu, bukan tahu apa Tuan Yang di-Pertua. Cakap fasal lada pun dia tak erti, tanya fasal nanas pun dia tak erti, tanya fasal itu, dia erti sikit sebanyak. Macam kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, bila dengar Rancangan Malaysia Kesembilan, Pegawai Jabatan Haiwan kata, "*Pak Long buat kandang. Kami nak bawa kambing.*" Orang tua ini, pergi buatlah kandang. Tunggu sampai ke hari ini, kambing seekor pun tak sampai lagi. Kelmarin saya pergi, mereka beritahu, "*Dato' ini macam mana? Sekarang ini, hang pergi ambil pegawai itu, bubuh dalam kandang. Bela dia pula.*" [*Ketawa*].

Jadi, ini masalah. Saya tak pasti lada ini. Kalau tak betul-betul, kita kena fokus, kita kena programkan untuk pak tani ini. Pak tani ini, hak yang keluar universiti anak-anak mereka ini, tak mahu balik berladang kerana dia kata, jadi peladang itu adalah pekerja yang tak baguslah. Tak ada *standard*. Sedangkan kita tengok di negara maju, *farmers* ini, pak tani ini adalah satu pekerjaan yang cukup mulia. Pendapatan yang cukup lumayan. Tetapi di sini, *mindset* rakyat ini kita kena ubah. Sebagai pak tani, kamu telah menyumbangkan bakti kepada negara. Kalau

tentera menjaga keselamatan negara, kamu sebagai pak tani menjaga keselamatan dari segi makanan negara. Tak dak kamu pak tani-pak tani ini, rakyat nak makan apa? Letakkan mereka ke satu tahap yang baik. Jangan pegawai nanti turun pi, dengan *bush jacket* dia, apa semua. "Oh, ini tak boleh, ini tak boleh, ini tak boleh". Semua tak boleh, tak bagi tahu apa yang boleh. Tak, dia marahkah?

Jadi ini Tuan Yang di-Pertua, cara dia. Nelayan, walaupun rambut depa perang, tak payah pi bubuh *colour* di salun, memang perang duduk tengah laut. Laut bergelombang macam itu, macam ini. Pekerjaan mereka mulia. Kalau saya suruh Yang Berhormat bagi Arau pergi menangkap ikan, mahukah dia? Taubat dia tak pergi, mengail tak apa. Mengail tu okeylah. Tapi, suruh naik bot, masuk pergi ke laut sehari-hari lepas Subuh, pergi tangkap ikan, perasan, dia tak pergi. Kalau kita suruh Yang Berhormat bagi Kuching, mampus dia tak pergi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Arau, Arau mahu.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tak tahu di mana ikan berkait dengan lada. Walau macam manapun saya nak bawa dia balik ke lada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya lah.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail:** Tahu tak Yang Berhormat bagi Jerai, selain daripada makan ubat, lada pun telah digunakan di dalam industri minyak wangi. Sebab itu, bila Yang Berhormat letak di muka Yang Berhormat, kalau lepas *shaving* itu, lepas cukur, dia rasa pedih, pedih sikit. Itu lada. Yang jenama mahal-mahalpun guna lada. Jadi mungkin Yang Berhormat tak guna minyak wangi, saya tak tahulah. Saya nak minta Yang Berhormat terangkan balik dan bawa balik kami ke lada. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ada dah sini, *perfume* itu saya tulis... [Menyemak nota]. Terima kasihlah Yang terhormat bagi Arau, peringat. Saya sudah tulis itu, *perfume*, guna *pepper*. Tak, yang cukup pedih itu..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, belum sampailah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, ya. Belum sampai lagi. Yang Berhormat kita ini, dia jenis tak tahan sabar... [Ketawa]. Dah tulis dah di situ, *pepper for perfume*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selepas ini, boleh tunjuk sayalah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *After shave, after shave, after shave...*[Ketawa] Yang luka itu, fasal dia guna pisau cukur lama, tumpul. Lukalah, pedihlah....

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** [Bangun]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Oh ya, Padang Terap.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat, di Malaysia ini, ada macam-macam. Pelbagai lembaga.

Nanas ada lembaga dia, tembakau, sawit, getah, koko, ikan. Makna, setiap ada sawit, ada lembaga dia. Ada koko, ada lembaga dia. Ada tembakau, ada Lembaga dia.

Jadi, persoalannya Yang Berhormat bagi Jerai, adakah lembaga yang diwujudkan oleh kerajaan ini, tak berfungsi untuk memajukan sesuatu bidang dari segi penyelidikan, pemasaran atau hasilnya. Kita tengok macam sawit misalnya, sudah dulu nombor satu. Indonesia sudah mula hendak ambil alih. Sama juga dengan getah, sama juga, lada ini sudah nombor lima. Orang lain sudah ambil alih, dulu kita nombor satu. Maksud saya, adakah lembaga yang ditubuhkan itu tidak berfungsi untuk memajukan sesuatu dari segi pasarannya, harganya, dan hasilnya. Minta komen Yang Berhormat bagi Jerai. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Padang Terap. Memang Tuan Yang di-Pertua, saya sedang baca ini, *a,b,c,d,e* ini. Dia punya lembaga dan matlamatnya, kan? Tetapi saya tak nampak dari segi R&D nya yang harus dibuat. Dari segi juga tunjuk ajar kepada pak tani-pak tani ini. Fasal kita kena ingat, menubuhkan sesuatu lembaga ini bukan mudah. Bila sudah kita tubuh, bermakna sekarang ini penanam-penanam lada ini di bawah jagaan, amanah ini kepada lembaga. Saya hendak juga Menteri, memastikan..

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kamu mahu cakap fasal lada juga?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya, fasal lembaga. Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Padang Terap. Ada juga lembaga yang ditubuhkan oleh kerajaan lingkup. Jadi apakah Yang Berhormat membawa hasrat ini kepada kementerian, supaya Lembaga Lada ini tidak lingkup seperti lembaga-lembaga yang lain, seperti UDA, DARA, supaya matlamat mewujudkan lembaga ini untuk menjamin para petani supaya mereka menukar haluan daripada tradisional kepada komersial. Jadi apakah Yang Berhormat ada keyakinan dengan hasrat kerajaan ini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat bagi Padang Terap dan juga Kinabatangan. Kadang-kadang kita tubuh lembaga, sampai di perjalanan, adalah orang tengok boleh cari makan, lembaga tersebut diswastakan. MVOlah, *privatisation*lah, *last* sekali ada juga lembaga yang ditubuhkan, kerana tak maju, dia jadi lembaga. Macam hantu, dia pergi kacau orang pula. Itu adalah lembaga juga.

Jadi, saya tengok, macam lembaga-Lembaga, ada yang untung. Yang menguntungkan macam FELDA, RISDA dan sebagainya. Terbukti daripada papa kedana orang-orang Melayu kampung dulu, buka tanah, apa semua. Dahulu, saya ingat lagi, Parti PAS pun tak ada seorang pun di sini...*[Melihat ke tempat duduk Pembangkang]* Bila orang susah kita dari Yan, hendak pindah ke kawasan Rancangan FELDA dan sebagainya, masa itu mana ada beg, orang susah? Bungkus baju dalam kain sahaja, selepas itu tanggung pi. Depa boleh kata, "*Tengok kerajaan kita, punya zalim. Buat orang-orang ini macam kucing, pi taruk buang dalam hutan*". Tapi mana

ada ini, Tuan Yang di-Pertua. Masa itu, beg pun tak ada. Sekarang ini, tak apalah, ada jual beg murah. Merata-rata ada jual beg murah. Dahulu mana ada. Pi taruk dalam hutan, dia kata, macam kucing. Bukan Bandar Kuching. Kucing itu, hantar dalam hutan.

Jadi, la ni tengok. Sekarang ini, orang-orang yang dikatakan kucing buangan dahulu, hari ini jadi seorang yang berjaya. Mawi mai daripada FELDA. Siti Nurhaliza mai daripada mana tau, FELDA juga kah? Saya tidak tahulah. Beberapa orang penyanyi, siapa lagi itu? Penyanyi-penyanyi kita itu mai dari FELDA lah. Asalnya berkarat bukan main, sekarang dah elok dah. Ramlah Ram, FELDA. Tapi lama sudah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta. Tak apalah saya sudah bersetuju ini, kalau saya tak bersetujupun, dia akan berjalan juga benda ini. Dia akan berjalan. Kita cadangkan ini pun, tak tahu lah pakai, tak pakai. Tetapi, Timbalan Menteri ada, tentulah dia beritahu dekat Menteri dia. Pegawai-pegawai pun ada. Apa yang saya bercakap ini, adalah yang berlaku di bawah. Kelmarin saya berjumpa dengan Persatuan Peladang, dalam kawasan Parlimen saya. Macam itulah depa kata dekat saya. "Kami ini Dato', dok tunggu. Dok tunggu, apa dia pertanian ini? Dok tunggu lagi, pisang kami ini jenis kecil, nak jadi besar macam mana, yang kata bioteknologi ini? Dok tunggu pisang kami ini, masih ada biji di dalam. Pisang Awak itu, ada biji-biji itu, mana dia? Sains teknologi macam mana, kami ini tahu tanam sahaja. Begitu juga penanam lada ini. Kita bubuh mereka, kita *identified* mereka, pastikan mereka, ambil, hantar pergi kursus, tanam secara komersial. Pastikan, *assured* kepada mereka. Beri jaminan kepada mereka, *you* apa tanam? Pasaran, Lembaga Lada akan uruskan. Jadi Insya-Allah, kalau ini boleh oleh Lembaga Lada dan lembaga benar-benar jujur, amanah untuk menjalankan tugas ini, sudah tentu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perlu rehatlah, sambung...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tak apa, tak apa. Saya hendak tutup dah. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya mahu.. Awat nak bagi saya sambung Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sambunglah, pukul 2.30 petang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bagus Tuan Yang di-Pertua. Saya banyak lagi *point* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah, baiklah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

**[ Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang ].**

**Mesyuarat disambung semula jam 2.30 petang**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

**2.30 ptg**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Jerai untuk menyambung berucap.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua tadi saya ada bercakap panjang lebar berkenaan dengan lada ini dan kebanyakan lada hari ini Tuan Yang di-Pertua kita dapat di negeri Sarawak. Negeri Sarawak banyak mengeluarkan lada dan kita dapati bahawa lada-lada dikeluarkan ataupun ditanam di negeri Sarawak ini mengeluarkan hasil yang cukup baik, bermutu dan menerima pasaran di peringkat antarabangsa. Oleh demikian Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada pihak lembaga yang akan ditubuhkan ini supaya pertamanya mempromosikan tanaman lada ini secara komersial kerana pada hari ini kita dapat lihat banyak penanam-penanam lada ini Tuan Yang di-Pertua dia tanam secara kecil-kecilan, secara individu, secara kekeluargaan.

Jadi mereka ini adalah penanam kecil-kecilan. Jadi mereka ini adalah penanam kecil-kecilan. Jadi kalau mungkin kalau lada ataupun lembaga ini tidak terikat dengan peraturan-peraturan di mana mereka akan cari sama ada satu GLC kah untuk *lead*, jadi *lead* agensi untuk melibatkan diri dalam tanaman lada ini dan penanam-penanam kecil ini.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan, Jerai kawan baik. Siapakah awak menunjukan perbahasan Jerai terhadap kerana Menteri, Timbalan Menteri yang membentang itu bio Rang Undang-undang tidak ada di sini, tidak ada orang dengar. Adakah ini menunjukkan *disinterest in Sarawak affair*, adakah? *Attitude* menunjukkan *disinterest in Sarawak affair* kerana dia tidak hadir dalam Dewan yang mulia ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Baik terima kasih Kuching. Yang Berhormat Timbalan Menteri di ada di luar, dalam perjalanan hendak masuk ke Dewan tetapi Yang Berhormat jangan susah hati kerana pegawai-pegawai ini ada di sini semua. Pegawai-pegawai ini akan mencatatkan segala pandangan dan pendapat saya dan rakan-rakan saya dan selepas ini Menteri akan jawab, Timbalan Menteri cuma saya berasa kesal menteri daripada Sarawak tidak jawab ini. Patut menteri daripada Sarawak membentangkan tetapi dia bagi Timbalan Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini mahu *talking to put me in trouble or what?*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan bolehlah. Penjelasan *no trouble, no trouble*. *Guaranteelah no trouble* lah okey. Adakah Yang Berhormat puas hati kalau cakap untuk pegawai-pegawai sahaja. Kalau begitu tidak perlulah Menteri-menteri, Timbalan Menteri,

Setiausaha Parlimen di sini. Kalau cuai mereka cuai, akuilah kata mereka cuai pada di sini, mereka mana dan bukan kata cakap untuk pegawai-pegawai. Kalau begitu tidak perlulah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen datang. Kita bersama menteri bahawa apabila ketiadaan mereka di sini, kita kutuk *condemn*, ini tidak bertanggungjawab, tidak hormat Parlimen.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat teruskan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kadang-kadang manusia ini dia adalah, mungkin masa saya masuk bercakap Timbalan Menteri ada di *toilet, call of nature*, benda ini tidak boleh, kemudian Setiausaha Parlimen pun ada, barangkali Yang Berhormat tidak nampak Setiausaha Parlimen kot. Tidak nampakkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat teruskan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ada, pegawai-pegawai pun ada tidak apa. Benda itu kecil, yang pentingnya lembaga ini harus menjadi satu lembaga untuk menggalakkan tanaman lada ini kalau benar-benar ia dalam pasaran dunia begitu dikehendaki supaya ia menjadi satu tanaman yang menguntungkan rakyat. Saya hendak juga lembaga *layout* ataupun senaraikan kos untuk menanam lada, berapa ribu dia punya kos untuk satu hektar dan bila dia jual lada itu berapakah keuntungan bersih yang Pak Tani ini bawa balik setelah ditolak segala-gala kos yang diperlukan untuk tanaman ini kerana ini kita kena beritahu supaya Tuan Yang di-Pertua, hari ini Pak Tani-Pak Tani di negeri Kedah menanam padi untuk mengeluarkan beras kepada rakyat di Malaysia, rakyat kenyang tetapi Pak Tani susah.

Jadi kita tidak mahu kesenangan orang lain, Pak Tani ini menjadi susah. Satu gelung depa tanam padi, dia bawa balik ke rumah Tuan Yang di-Pertua, *net profit* yang dia dapat itu kalau dia sewa bendang. Sekarang ini dia sewa bendang Tuan Yang di-Pertua sudah naik sampai RM500 serelung, semusim maknanya untuk serelung dia kena bayar RM1000 sewa setahun. Pak Tani ini bawa balik hanya lebih kurang RM320 9 kupang 5 duit. Bayangkanlah kalau dua relung dia ada ditanam, semusim dia bawa balik lebih kurang dalam RM700, setahun kita kata RM1,400 faedah dengan 12 bulan, Tuan Yang di-Pertua fikir tengok berapa duit dia hendak boleh makan sebulan?

Jadi yang ini yang kita tidak mahu, kemudian bila kita minta kerajaan tolong Pak Tani ini, bagi depa subsidi. Kerajaan kata kita tidak boleh bagi kat subsidi, habis itu hendak bagi apa kat depa, depa susah. Tidak tanam padi, depa tak ada kerja dan kalau tidak tanam padi rakyat tidak makan beras. Kalau tidak tanam padi kerajaan kena import beras daripada luar negara. Seandainya berlaku sesuatu di dunia ini, mungkin perang duniakah, apakah? Macam mana beras kita hendak import tidak cukup kalau rakyat kalau rakyat ini sudah tidak mahu makan beras, tanaman padi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini mengenai tanaman lada.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** saya hendak bagi contoh Tuan Yang di-Pertua supaya jangan penanam lada senasib dengan penanam padi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedikit-sedikit bolehlah contoh, jangan lama sangat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tidak masuk dalam Tuan Yang di-Pertua saya main ikut atas sahaja. Kalau saya masuk dalam saya hendak baca harga baja berapa, harga racun berapa, harga traktor berapa, panjang itu. Saya main ikut atas sedikit sahaja. Jadi saya mahu supaya ini lembaga kena buat kerja ini. Lembaga mempunyai tenaga pemikir.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Pasir Puteh.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hadhari lada.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tertarik tadi kerana lembaga ini hendak di wujud barangkalilah dengan mempunyai matlamat yang jelas, hendak bela penanam-penanam lada, saya rasa begitu. Saya kebimbangan apakah Jerai boleh memastikan bahawa selepas kita lulus lembaga ini, ditubuhkan lembaga, boleh tidak dia mencapai matlamat tanaman lada yang berbentuk komersial, yang boleh keluar daripada lada ini 10 produk.

Bukan sahaja lada untuk putih hitam, tapi dia boleh keluar gula-gula, dia boleh keluar dodol, daripada lada hitam ini. Yang keduanya, apakah penanam-penanam lada ini pasti ia boleh mencapai matlamat keuntungan yang besar dengan adanya Lembaga. Dulu tak ada Lembaga, tak ada tolong kerana peruntukan pun tak ada, apa semua tak ada. Apakah kita pasti? Itu sahajalah saya nak tanya kepastian ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya kita baca, kita kena baca yang ini dulu sebelum kita, memang dalam ini ada semua cukup Tuan Yang di-Pertua. Dan tadi pun saya dah habaq dah Tuan Yang di-Pertua, minyak wangi yang boleh digunakan dengan lada. Ada lagi satu ini *spray* Tuan Yang di-Pertua, *spray* ini orang perempuan boleh pakai *spray* ini bubuh dalam beg tangan. Kalau orang mai nak kacau depa, nak usik depa, guna *spray* ini, *spray* dekat mata orang yang usik depa tu, biar dia depa buat sementara, dia tak buta terus, buta sat saja, biar dia pedih tak boleh usik. Yang ini salah satu benda untuk *protection*. Jadi kalau orang nak ragut beg depa ke, kalau mai nak usik depa ke, nak pegang depa ke, *spray* ke biji mata depa itu. Itu dia punya *downstream* yang boleh lada buat.

Dan saya ingat masa raya Cina Tuan Yang di-Pertua, depa buat burger, '*prosperity burger*', burger yang dinamakan '*prosperity*' dia letak lada. Tapi dia buat dekat musim raya Cina saja, mungkin lepas raya Cina, Cina tak makan lada, saya tak tahulah.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]:** Makan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ha, Tebräu kata [bercakap bahasa Cina], jadi mereka makan Tuan Yang di-Pertua. Tapi burger itu sekerat jalan saja, dia

bermusim. Jadi bermakna Tuan Yang di-Pertua, lada ini banyak khasiat dengan sedapnya. Kalau Tuan Yang di-Pertua pergi 'Station Restoran', kalau kita *order*, saya kawanlah belanja, saya bukan reti hotel-hotel besar macam itu pasal kita wakil rakyat kampung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya percaya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia bawa keluar *burger black pepper* burger Tuan Yang di-Pertua. Daging itu kalau kita makan saja, tak sedap.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Jerai, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tapi bila dia tuang kuah lada atas itu, kita makan-makan sat lagi panas telinga Tuan Yang di-Pertua, dia *stim up* nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Larut.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Apa kena mengena bola pula ni?

[Ketawa]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [Ketawa]. Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak, mungkin Yang Berhormat setuju pasal lada ini. Hari ini lada tertumpu kepada kawasan terutamanya di Sarawak. Mungkin satu daripada masalah permasalahan oleh kerana harga lada yang tidak menentu. Para petani menghadapi masalah terutamanya harga baja itu mungkin agak tinggi dan sesetengah petani mendapat subsidi tidak secara bermusim ataupun secara menerus. Mungkin secara *ad hoc* dengan izin.

Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju pihak yang berkenaan melihat perkara ini supaya diberi sama rata, supaya para petani yang mengusahakan lada ini dapat berterusan dan menghasilkan suatu pengeluaran yang bermutu tinggi supaya dapat menembusi pasaran yang lebih baik. Dengan demikian mereka ada masa depan yang cerah dan harganya begitu baik. Apa pandangan Yang Berhormat tentang masalah ini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Memang pandangan Yang Berhormat ini harus pegawai-pegawai kita dan Timbalan Menteri ambil catatan bahawa seperti yang saya kata tadilah, rakyat ini Tuan Yang di-Pertua terutama sekali petani-petani ini. Depa punya pemikiran ini bagus, depa lurus. Depa celik-celik mata pagi, depa nak cari makan dengan titik peluh, dengan susah payah. Susah Tuan Yang di-Pertua, sebagai petani ini. Kalau kita sendiri kita tak berasa susah, lepas-lepas sembahyang Subuh kena keluar dah, hak menoreh getah tu sebelum Subuh dah pergi toreh getah. Hak pergi ke laut itu, cara laut, hak buat bendang, cara bendang. Jadi depa ini memang hidup susah.

Jadi saya nak macam lembaga-lembaga ini, memang lembaga ditubuhkan mengikut yang telah digariskan di sini, segala-galanya untuk kebaikan. Tetapi yang saya takut Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tak sampai ke matlamat kerana kakitangan tak cukup. Ya, Sri Aman, ini lada punya orang.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka dan saya pun bersimpati mendengar rintihan Yang Berhormat Jerai tadi tentang penanam padi. Setuju ke Yang Berhormat sekurang-kurangnya semua kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan yang dihulurkan kepada penanam padi di Malaysia khususnya di Kedah, diberikan juga kepada semua penanam lada di Malaysia khususnya di Sarawak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Sri Aman. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bercakap subsidi kepada petani-petani ini Tuan Yang di-Pertua, negara maju bagi subsidi. Kita tengok di negara-negara maju Australia ke, di England ke, di mana ke negara yang telah maju Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih memperuntukkan subsidi kepada petani. Kerana kos pengeluaran dia meningkat, pengeluaran dia, pasaran dia tak boleh meningkat, dia kena ada harga kawalan dan sebagainya. Sebab itu di setengah negara, bila tomato depa tanam terlampau banyak, pasaran tak ada, depa bawa tomato, depa longgok di Kementerian Pertanian. Ha, dia kata pada Menteri 'makan'. Tapi kita ini, rakyat kita bagus, saya pun pesan 'hampa jangan dok buat perangai macam itu'. Jangan dok buat perangai macam tu, kerajaan dah tolong banyak dah cuma nak penaik sikit saja lagi.

Jadi pada keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, saya nak mengambil kesempatan ini supaya Kementerian Pertanian khususnya Kementerian yang telah dipertanggungjawabkan untuk memasuki gerbang pertanian dalam agenda kita RMK-9 ini, harus memahami ini. Petani mungkin bodoh, hak pak-pak, mak-mak mereka ini orang tua-tua, tak pi sekolah tinggi. Tapi depa pandai, sebab itu depa boleh tanam pokok. Kesabaran petani ini cukup tinggi, disemai nak tunggu berbuah bukannya sat. Kalau kita buat kuih itu senang Tuan Yang di-Pertua, *immediately* kita dapat *instant* kalau kita pi yang bakar *fast food* ini cepat. Tapi kita tanam pokok Tuan Yang di-Pertua, kita kena jaga pokok itu. Pokok itu makhluk Tuhan, dan sebab itu setengah orang Tuan Yang di-Pertua, orang tua-tua pesan, kita kena bersembang dengan pokok.

Saya sendiri bersembang dengan pokok durian, saya tanam lapan tahun tak berbuah. Saya geram, satu hari saya kata, 'kalau hang tak berbuah tahun depan, aku nak tetak hang'. Tahun depan dia keluar bunga, berbuah pasal dia tahu tuan dia marah dekat dia, tuan dia bebal dekat dia. Kalau aku tak berbuah tahun ini, tuan aku nak tebang pokok itu. Ya lah, kita bawa keluar modal sampai lapan tahun tak berbuah, pergi Jabatan Pertanian kata lima tahun berbuah dah. Kita lanjut sampai tiga tahun, lapan tahun tak berbuah lagi. Jadi macam itu, dia kena kesabaran tunggu dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi depa ini, bila kerajaan kata tanam lada, depa tanam lada tapi pastikan Tuan Yang di-Pertua, jangan sekadar kita beli, kita jual, kita eksport dan sebagainya. *Downstream* dia harus kita pergunakan untuk menambahkan lagi pendapatan kepada orang-orang penanam lada. Kalau kadang-kadang kita jual-beli, jual-beli macam itu Tuan Yang di-Pertua maknanya ini saya kira-kiralah, saya dok kira juga Tuan Yang di-Pertua, saya dok sempoa dok tanya kawan-kawan ini, habis kuat depa akan dapat satu hektar lebih kurang RM300 saja, RM300 *plus*, minus lah

lebih kurang. Jadi kita nak tahu juga Lembaga ini kena bagi bantuan, pertamanya memastikan bantuan-bantuan yang diperlukan, baja yang diperlukan, racun serangga yang diperlukan. Kemudian pusat kutipan ataupun pusat mengutip lada-lada ini. Kerana lada ini Tuan Yang di-Pertua, dia bukan berasal daripada Malaysia.

Sebenarnya yang saya daripada Jerai ini bercakap pasal lada, sepatutnya orang Sarawak pun kena bercakap pasal lada ini Tuan Yang di-Pertua, zaman tok wan saya dulu, di Yan orang tanam lada, dia mai daripada Aceh Tuan Yang di-Pertua. Di Aceh daripada Indonesia itu, orang Aceh dia belayar mai kerana lari daripada Belanda, dia bawa benih lada. Dia tanam di Yan, di Ruat nama tempat dia dibuat. Dan daripada situlah mungkin lada dan merebak-rebak, dia sampai ke Sarawak. Tapi di sebelah kita ini tak ada lada. Yang ini saya nak cerita lada yang mai di Malaya ini, macam kita cerita sejarah getah mai daripada Brazil. La ni, kita tak tengok getah di Brazil, kita tengok pasukan bola Brazil, Insya-Allah dia boleh menanglah Brazil.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, lagi satu Tuan Yang di-Pertua, ialah saya nak kan dalam Lembaga ini, pertamanya mesti meletakkan juga ahli Lembaga orang-orang yang reti, faham dan berpengalaman dalam tanaman lada. Saya tidak menafikan Pegawai Kerajaan kita memang yang terbaik di dunia, A1 Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kadang-kadang projek *delay*, A1 lah kita kata, kita tidak boleh kata tidak bagus, tetapi Tuan Yang di-Pertua, mungkin pengalaman kurang, depa tidak ada pengalaman. Kadang-kadang depa *grad*, depa keluar universiti dalam bidang pertanian dan sebagainya tetapi depa tidak ada pengalaman. Jadi kita hendak juga wakil daripada penanam-penanam duduk dalam lembaga ini. Pengerusi dia Tuan Yang di-Pertua, pengerusi dia kita kena bubuh orang politik, kena bubuh Ahli-ahli Yang Berhormat yang reti fasal lada. Saya tidak mahu fasal jauh, saya tidak mahu, bubuh pengerusi yang memahami. Kerana kita mahu Pegawai-pegawai dalam lembaga ini adalah Pegawai-pegawai yang boleh turun ke bawah Tuan Yang di-Pertua. Fasal apa la ni gagal Tuan Yang di-Pertua, saya hendak 'habaq' gagal Kementerian Pertanian dalam menjalankan tugas dia, untuk mempertingkatkan pendapatan-pendapatan petani.

Masalah dia Tuan Yang di-Pertua, kerana Pegawai-pegawai di Jabatan Pertanian, bukan semualah, 'sat' ni marah dekat saya pula, depa tidak turun dah ke bawah. Zaman dulu Tuan Yang di-Pertua, Pegawai Pertanian dia bergelumang dengan petani-petani, dia turun pergi ke bawah, dia masuk pergi dalam kampung. Barulah dia merasai tentang perasaan dan juga kerja buat petani-petani di bawah. Kalau sekadar hendak duduk dalam bilik *air-cond*, hendak pakai *tie* Tuan Yang di-Pertua, nampaknya lada akan jadi ladalah macam itu. Dia tidak akan berkembang dan penanam lada pun nasib dia hidup segan mati tidak mahu.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar daripada pagi tadi lagi fasal Lembaga Lada ini. Saya tengok di Malaysia ini kita sangat gembiralah meletakkan lembaga ini, bila ada

tanaman kita letak lembaga. Lembaga Nanas, Lembaga Tembakau, Lembaga Lada, Lembaga Ikan, Lembaga Sawit. Bila tanaman-tanaman itu berbentuk besar, kita buat lembaga.

Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat ialah, sebenarnya kita buat lembaga ini untuk tujuan menjaga industri atau sebenarnya menjaga penanam kepada tanaman ini. Misalnya hari itu saya sebut Lembaga Kemajuan Ikan. Kita rasa Lembaga Kemajuan Ikan tidak sesuai sebab yang dijaga ialah majunya ikan, tetapi tidak majunya nelayan. Sedangkan tujuan kita sebenarnya ialah hendak jaga nelayan, begitu juga dengan Lembaga Sawit, yang kita jaga akhirnya komoditi sawit itu, tetapi kita tidak jaga penanam sawit. Penanam sawit ada masalah, sampai yang hendak buat *re-planting* pun tidak ada *fund*, tidak ada satu dana untuk mereka. Tetapi Lembaga Pekebun Kecil Getah, lain, sebab dia Lembaga Pekebun Kecil Getah, maka yang dijaga ialah pekebun kecil getah, maka pekebun kecil terbela.

Jadi saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat bolehkah kita perbetulkan di sini, atau pun Yang Berhormat bersetuju tidak dengan saya, tidak apalah kita sudah buat nama lembaga ini tetapi sudah banyak sangat, yang penting sekali bukan komoditi itu sahaja sebenarnya, orang yang menyumbang ke arah komoditi iaitu penanam-penanamnya, pekebun kecilnya, orang kampungnya, rakyatnya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Saya setuju Yang Berhormat bagi Ketereh, memang kita dapat lihat. Macam tadi saya kata Tuan Yang di-Pertua, kita tubuh banyak lembaga. Hasrat dan niat kerajaan ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada di dunia. Di negeri Siam Tuan Yang di-Pertua, kalau 'hang' jadi petani itu, tanam sendirilah. Di negeri lain pun macam itu, tetapi di Malaysia ini kerajaan terlampau bermurah hati, kerana takut, susah dan kita buatlah lembaga ini. Dan saya bersetuju, yang pentingnya penumbuhan lembaga ini untuk membela, memastikan penanam-penanam lada ini terbela dan terjamin nasib mereka dalam bidang tanaman lada. Tidak begitu Yang Berhormat bagi Ketereh? Itu Yang Berhormat bagi Ketereh hendak kan? Jadi Menteri tolong ambillah, maknanya apa pun sekali niat dia hak itu dulu. Kalau tidak kita tubuh lembaga, kita guna duit rakyat untuk bayar gaji, elaun dan sebagainya kepada orang dalam lembaga ini, tetapi matlamatnya tidak kesampaian.

Jadi kita kena tengok, fokus jauh, apakah lada ini hanya kita hendak tumpu di Sarawak, kerana lembaga ini lembaga seluruh negara atau pun ada lagi tempat-tempat lain, mungkin tempat yang 'duk' tanam tembakau 'la' ini, kerana kita hendak mengurangkan tembakau, hendak mengurangkan orang merokok, macam Yang Berhormat bagi Jasin apa semua itu, hendak mengurangkan 'depa' daripada merokok, bagi harga rokok naik sikit, kita tukar kepada tanaman lada, kalau tanah itu sesuai. Tetapi kalau kesungguhan... Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat lawatan ke Tangga Batu, Parlimen Tangga Batu. Kami besar hatilah menerima Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan dalam siri lawatannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun melawat satu ladang, ini bukan ladang ladalah, tetapi ladang mangga, yang luasnya lebih kurang 320 ekar, hendak kata besar, tidak besar, dan hendak kata kecil tidak kecil.

Di dalam ucapannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memberikan amanat dan menyatakan kerunsingannya terhadap sikap organisasi ke arah membentuk petani atau pun peladang yang boleh berfikir dari K ke K. Dari kebun ke kilang dan seterusnya ke pasaran. Jadi kalau kita mempunyai suatu sikap yang hanya memberikan perhatian kepada penanam lada, umpamanya, maka mungkin penanam lada akan dapat hasil. Tetapi hasil yang diperolehi itu tidak mungkin boleh menjamin kesinambungan Industri Lada itu tadi

Jadi Yang Berhormat bagi Jerai, apakah Yang Berhormat bagi Jerai baru hendak sebut kesungguhan tadi itu. Kesungguhan Yang Berhormat bagi Jerai sebut tadi boleh diperpanjangkan kepada antara terma-terma dan syarat-syarat mereka yang akan diberikan tugas untuk mengawal selia atau pun mengurus tadbir lembaga ini nanti, perlu mempunyai kepakaran dan pengetahuan ke arah mencipta industri generasi ini hingga ke masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Untuk maklumatlah tahniahlah Yang Berhormat bagi Tangga Batu jadi Timbalan Presiden Majlis Belia. Itu bukan jawatan yang hendak seronok-seronok, makna jawatan itu hendak kena bertanggungjawab. Tugas Yang Berhormat juga memastikan belia-belia yang keluar-keluar universiti ini melibatkan diri dalam pertanian. Jangan pergi ambil jurusan pertanian keluar 'mai' hendak jadi korporat. Boleh berjaya dalam korporat dan pertanian. Ini kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, 'mai' jumpa kita minta sokongan, ambil jurusan *business study*, hendak kerja jadi Pegawai Tadbir, 'hang' 'pi' lah berniaga dah 'hang' dah kelulusan itu, tidak mahu hendak jadi pegawai makan gaji juga. Yang ini, Majlis Belia kena fikir, pesan sajalah dah dia menang itu kan, kita hendak tengok anak muda ini, yang kata Tangga Batu ini, jangan keras kepala macam batu sudah, buat kerja elok-elok.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan-pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat ini maknanya Tuan Yang di-Pertua, maknanya Tuan Yang di-Pertua di sini kita hendakkan Tuan Yang di-Pertua, supaya 'la' ini di Malaysia fasal apa generasi muda yang kita suntikkan pendidikan yang terbaik dengan belajar dalam jurusan-jurusan yang terbaik, mengapakah mereka ini masih tidak mahu menyambut seruan kerajaan, pelan Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan untuk fokus ke pertanian supaya mereka ini menggunakan kepandaian yang ada itu, walaupun kurang pengalaman dalam bidang pertanian. Sedangkan

bidang ini adalah bidang yang cukup besar, beli kereta Tuan Yang di-Pertua, kita beli kereta, kita pakai sepuluh tahun, atau pun lepas habis *installment*, kita bayar, atau pun kita jual kita beli lain. Tetapi makanan Tuan Yang di-Pertua, kita makan pagi, tengah hari kita *clear* buang, kita makan tengah hari, malam kita buang, jadi makanan ini dia hilang macam itu sahaja. Jadi kita tahu makanan ini adalah dalam bidang yang boleh menguntungkan.

Jadi mengapakah mereka tidak tertarik? Di sini Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka melihat walau bagaimana kerajaan mengadakan dasar, laungan-laungan daripada kerajaan, desakan-desakan daripada kerajaan. Tetapi mereka sendiri melihat dengan mata dan kepala mereka yang bapa mereka sendiri, kaum keluarga mereka sendiri tidak mendapat langsung nikmat daripada dasar-dasar yang telah dibuat oleh kerajaan selain daripada subsidi, bantuan itu dan ini diberi oleh kerajaan. Mereka melihat kadang-kadang tanaman mereka ini terbiar begitu sahaja kerana tidak ada pasaran.

Contoh dalam kawasan Parlimen saya ada satu usahawan Tuan Yang di-Pertua, dia tanam longan. Longan Tuan Yang di-Pertua, buah longan ini daripada Siam dia *spray* macam-macam, tetapi buah longan daripada Jerai *pure, fresh and good for health*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini bila hendak *promote* buah kawasan kita, kena lebih sedikit Tuan Yang di-Pertua. Makna bersih, elok dengan bersih, dengan segar dan juga suci dan sihat untuk makan. Ia menambahkan vitamin C dalam tubuh badan terutama sekali orang yang *aging* macam saya ini perlu makan sedikit manis tetapi tidak boleh lebih. Tetapi buah longan ini kalau makan lebih orang kencing manis bahaya Tuan Yang di-Pertua. Dia kena penyakit kencing manis tetapi lada ada untuk menolong balik, potong manis.

Kalau kaki orang itu hendak reput Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah gunakan lada ini. Saya tidak tahulah lada hitam lada putih, tetapi mengikut seorang itu dia kata dekat saya, guna lada. Jadi kaki yang hendak reput itu insya-Allah dia boleh baik. Yang ini Lembaga kena ambil catatan, tulis. Balik pi siasat hantar dekat pakar-pakar, buat R&D betul tidak betul yang saya kata. Saya pun orang cerita, saya mai la cerita di sini. Bioteknologi. Terima kasih, silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya daripada Jerai. Sekarang ini kita bincang tentang Rang Undang-undang Lembaga Lada dan sahabat saya daripada Ketereh tadi mengatakan telah terlalu banyak lembaga. Lembaga Nanas, Lembaga Koko, Lembaga Padi dan sebagainya. Yang Berhormat bagi Jerai sahabat saya, masalah yang tidak kunjung selesai dalam masyarakat petani kita adalah tentang memasarkan barangan mereka. Ini tidak selesai. Sudah 40 tahun lebih negara kita merdeka, tidak selesai.

Seorang petani di kampung, kelapa dia sebagai contoh. Dia beli dengan harga lima kupang. Hari ini kelapa di bandar, kalau kita beli santan hendak parut itu, RM2. Inilah masalah yang tidak selesai. Nanas dibeli daripada kampung sebiji lima kupang. Dijual di pasar, di bandar

besar hari ini seringgiti lima kupang. Ini masalah. Jadi kita tidak mahu ada banyak lembaga, 40 tahun lebih merdeka, petani... siapa yang kaya sebenarnya? Di sana Yang Berhormat, adik-adik kita di sekolah sana.

Melihat bapa dia sebagai petani sebagai contoh. Tadi kita bincang kenapa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan datang, orang muda tidak akan hendak jadi petani? Sebabnya taraf hidup mereka tidak berubah. DEB sudah habis sampai Rancangan Malaysia Kelapan, sudah tamat. Tidak berubah nasib ini. Yang kaya semakin kaya, yang miskin semakin miskin. Jadi apa sebenarnya Yang Berhormat pandangan kita, banyak lembaga bimbang mereka menjadi *monster*, bukan lembaga yang sebenarnya. Tidak dapat hendak melindungi para petani kita. Jadi, apa komen Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah ada lembaga yang akhirnya menjadi lembaga. Banyak juga lembaga yang telah menolong, yang telah menolong. Yang ini tidak saya nafikan cuma yang ini saya hendak peringatlah, hak Lembaga baru ini hendak peringat betul-betul. Bukanlah kata hendak di *moralize*, tengoklah depa kata wakil rakyat kita baru hendak tubuh, tau-tau sudah kata macam-macam. Tidak Tuan Yang di-Pertua, hendak peringat supaya jangan kita buat silap demi kesilapan Tuan Yang di-Pertua. Pasai rakyat Tuan Yang di-Pertua, mungkin pak dia itu duk di kampung, duk sidai kain tuala masam dengan kain, dengan baju pun tidak pakai, pak dia.

Tetapi tengah itu hidup pak dia pun dia buat bendang ke, tanam sayur ke apa semua, tetapi dia boleh hantar anak dia dengan bantuan kerajaan sampai ke universiti dan sebagainya. Ada anak pak tani hari ini jadi doktor, ada anak nelayan hari ini jadi peguam, ada anak kampung la ni jadi pensyarah. Macam Yang Berhormat kita bagi Baling, pensyarah dahulu, la ni jadi Ahli Parlimen, Setiausaha Parlimen. Anak tok guru, anak cikgu. Jadi yang ini semua Tuan Yang di-Pertua, yang ini semua adalah di atas usaha titik peluh depa. Jadi la ni Lembaga kena fikir jauh ke depan, kita hendak pertingkatkan lada ini.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat bagi Jerai, Tuan Yang di-Pertua saya pohon izin. Yang Berhormat bagi Jerai sudah sebut tentang anak pak tani jadi *lawyer*, anak pak tani jadi doktor, jadi jurutera dan sebagainya. Saya minta Yang Berhormat bagi Jerai supaya memperbetulkan balik fakta yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebentar tadi. Yang mengatakan kegagalan Dasar Ekonomi Baru, yang kaya bertambah kaya, yang miskin bertambah miskin. Anak pak tani jadi *lawyer*, anak pak tani jadi pensyarah, anak pak tani jadi doktor adalah satu perkara yang besar berlaku. Perubahan daripada kemiskinan, mobiliti sosial (*social mobility*) telah berubah.

Ini *vertical social mobility* Tuan Yang di-Pertua. Mobiliti sosial menegak yang telah menampakkan kejayaan Dasar Ekonomi Baru mengubah taraf hidup orang-orang miskin di kampung. Saya minta Yang Berhormat bagi Jerai perbetulkan fakta yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebentar tadi. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Memang betul. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pun kita kena terima la, ya? Yang duk ada dalam Dewan ini pun Tuan Yang di-Pertua, bukan anak jutawan. Aras umur kita ini, pak mak kita dahulu susah. Dari dahulu Tuan Yang di-Pertua kalau saya daripada Kedah hendak pi ke Pulau Pinang, sebahagian daripada Kedah itu, bawa bekal telur. Rebus telur, pi ke pantai Pulau Pinang makanlah telur. Itu punya susah dahulu. Itu pun seminggu lagi hendak pi Pulau Pinang, cerita sekampung sudah. Aku hendak pi Tanjung. Seminggu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah cakap lebih satu jam.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Satu jam?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi kalau dapat ringkaskan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hendak sambung panjang lagi ke hendak pendek Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dapat ringkaskan apakah kehendak Yang Berhormat terhadap Lembaga ini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ok, sabar. Saya cuma begini Tuan Yang di-Pertua, sambil kita bercakap fasal lada Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap la juga fasal pak tani-pak tani Tuan Yang di-Pertua. Fasal forum lain tidak ada. Jadi saya duk baca tidak ada, jadi saya masuklah sedikit. Mungkinlah menteri ini dia jaga fasal lada apa semua tetapi pegawai-pegawai kita ini semua daripada macam-macam kementerian duk ada. Daripada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Pertanian dan Industri Asas Tani dan sebagainya. Jadi yang saya bercakap ini Tuan Yang di-Pertua adalah rintihan rakyat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Sedikit hendak memperbetulkan, Hadhari. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya apabila disebut oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, DEB, DPM, DPW. Sebenarnya kita sudah berjaya. Cuma kita mengubahkan sikap daripada miskin RM500 pergi ke RM1000. Hari ini saya tengok PTPTN, RM2000 pendapatan boleh lagi dapat PTPTN. Saya tidak jamahlah PTPTN, saya hendak terima pun susah. Jadi dapat kurang RM530. Kita minta ubah biar pendapatan RM1000. Ini ertinya kadar kita sudah berubah daripada miskin kepada kita senang. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Jerai, ada tidak dalam Lembaga ini satu tugas yang besar untuk mengkomersialkan penanaman lada ini iaitu bentuk R&D (*research and development*). Gitu dok? Jadi kalau kita bolehlah lada ini kita guna biotek, lada kecil jadi besar, kalau kita kata buah nangka dahulu kecil jadi besar, usung dua orang.

Timun, timun ini Kelantan dia panggil timun cina. Tetapi tembikai ini daripada kecil jadi besar, dia guna biotek. Boleh tidak lada ini juga kita buat kajian oleh MARDI untuk gunakan biotek jadi besar, untung kita jual. Yang keduanya apa tugas FAMA? Apakah kita hendak *revise* semula atau kita hendak *overhaul* semula FAMA ini supaya boleh bentuk untuk dia *marketing* (pemasaran). Kemudian MARDI juga perlu ditengok balik untuk jadi betul-betul yang berbentuk

*research*. Bukanlah kita hendak ada daripada yang tidak ada. Macam mana pandangan Yang Berhormat Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, dalam sini Yang Berhormat muka lapan dia tulis fungsi Lembaga. Dalam (c) itu dia ada Yang Berhormat untuk menggalakkan atau menjalankan penyelidikan dan pembangunan yang berhubung dengan industri lada dan memperdagangkan pendapatan pendidikan demi manfaat industri lada. Ha, dia masuk dalam inilah Yang Berhormat.

Maknanya sudah ada dah R&D depa semua ini di sini. Jadi lembaga ini. Cuma saya hendak tahu lembaga ini hendak buat selidik sendirikah, hendak menggalak sendirikah ataupun menggunakan MARDI dan sebagainya. Kita tengok Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini kita ada berapa universiti? Tiap-tiap universiti ada R&D dia. Kadang-kadang R&D yang depa buat itu Tuan Yang di-Pertua, cukup baik dan terbaik daripada *brain* ataupun otak yang ada di negara-negara yang membangun di Amerika Syarikat, di mana-mana negara Eropah dan sebagainya.

Tetapi, pihak Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, dia tidak ambil benda ini. Tidak dipatenkan benda ini dan akhirnya benda itu mati begitu sahaja atas pemikiran anak-anak kita, Profesor kita, pensyarah kita dan kadang-kadang orang lain ambil paten ini, benda ini dipatenkan dan menjadi hak milik mereka. Contoh yang terbaik tongkat ali Tuan Yang di-Pertua. Tongkat ali berasal dari Langkawi. Yang Berhormat Langkawi kita, tanam tongkat ali keliling rumah.  
[Ketawa]

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** [Senyum]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Buat *research* di Malaysia. Tanya Tan Sri, tanya Yang Berhormat bagi Langkawi, macam mana pokok tongkat ali kalau kita hendak cabut. Hendak cabut bukan boleh cabut cara depan macam itu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Kot belakang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia kena beralih cabut kot belakang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Barulah pokok itu menjadi. Tidak percaya tanya Yang Berhormat bagi Langkawi. Ini saya, pengalamanlah. Tok-tok bomoh habaq dekat kita. Bukan boleh pi jenis cabut macam itu. Dia kena bertinggung tarik naik.

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** [Mengangguk-anggukkan kepala]

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** Baru pokok itu ada khasiat. Itu dia angguk itu, betullah itu Tuan Yang di-Pertua. Tetapi tongkat ali ini telah dipatenkan oleh pihak Amerika Syarikat dan hari ini dipasarkan sedangkan produk itu, barang itu, tanaman itu daripada Malaysia. Mana dia, kementerian mana yang awat tidak ambil benda ini semua? Herba-herba yang kita tanam ini, baru la ini FELDA masuk ke herba dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ubat-ubat yang kita pakai ini adalah daripada herba-herba ini. Sebab itulah orang-orang tua kita Tuan Yang di-Pertua, walaupun dalam keadaan macam itu, tidak ada klinik, tidak ada *specialist*, tidak ada pakar itu, pakar ini. Inilah yang depa guna. Segala daun sirih, daun pegaga, daun itu daun ini Tuan Yang di-Pertua. Dia hembus pi, hembus mai ini bukan ada apa. Sahaja hembus baca ayat sedikit sebanyak. Hidup depa sampai ke la. Sampai la dok ada lagi Tuan Yang di-Pertua orang-orang tua dahulu yang tidak pakai *specialist* dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila tamatkan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada tadi, DEB ini. Saya kena kais sedikit fasal hendak mempertahankan kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Kita kena ingat Tuan Yang di-Pertua, lembaga-lembaga yang ditubuhkan ini adalah kerana DEBlah. Hari ini, adik-adik saya, pelajar-pelajar ini pakai tie itu, kerana DEB.

Saya pi sekolah dahulu tie pun tidak ada. Seluar pendek, kasut Tuan Yang di-Pertua, ini dia, pagi pakai dua hari sapu balik kapur. Ada peti ais, bubuh bawah peti ais fasal bagi hangat, kering cepat. Besok hendak pakai pula. Sepasang kasut itu. Raya pun kasut itulah. Bapa beli kasut sebelum raya. Hang pakai raya yang itu, lepas itu pakai pi sekolah. Kadang-kadang kasut berjalan, jari nampak dekat orang. Orang tanya pasai apa, sahaja hendak bagi masuk angin. Susah dahulu. Tetapi hari ini kita tengok anak-anak kita, ini pegawai-pegawai ini atas dasar DEBlah yang boleh pakai kot ini. Saya pun kerana DEB pakai kot Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kalau tidak, kita tidak ada. Nikmat yang kita dapat, tidak boleh pertikaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Walaupun, Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Walaupun DEB ini dikhususkan kepada bumiputera, tetapi bukan bumiputera pun dapat nikmat, lelehan daripada DEB. Jadi semua okey, tidak ada masalah apa. Jadi DEB inilah yang membela nasib kita, yang papa kedana dahulu, hari ini menjadi senang. Tidak upayalah bapa, emak kita, tok wan kita dahulu, depa hendak pi sekolah, sekolah tidak ada. Cuba ada sekolah, tidakkah bapa, emak kita dahulu doktor, *engineer* dan sebagainya. Jadi mai lapis anak-anaklah masuk universiti dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Cuma hendak peringat depa Tuan Yang di-Pertua, anak-anak kita ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ..... sudah keluar universiti jangan dok 'ek'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus tamat Yang Berhormat. Tamatkan sekarang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Keluar universiti jangan dok 'ek' sangat. Jaga elok-elok. Saya biasa Tuan Yang di-Pertua jumpa anak Melayu kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya pun geram. Tetapi dah ingat anak orang Tuan Yang di-Pertua. Kalau anak saya, saya tahulah hendak buat. Saya kata dekat dia, "alhamdulillahlah chek turun mai dengan kapal terbang. Chek berjaya dalam pendidikan. Chek bersyukur kerana kerajaan kita tolong". Dia jawab apa dekat saya Tuan Yang di-Pertua, dia kata "Encik, saya berjaya kerana atas kepandaian saya."

Itu adik-adik semua dengar. Kalau kata lagu itu, makna depa tidak kenang budi. Saya, tangan saya ketaq dah Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Kalau ingat saya bukan wakil rakyat, perasan teliang dah kepala budak itu. Tetapi ingat wakil rakyat. Tetapi boleh depa kata macam itu. Inilah Kubang Kerian tolong pi habaq sikit. Kalau Kubang Kerian pun bersyarah sama macam saya, hampa dok bersyarah ini, insya-Allah okey. Ini Kubang Kerian bersyarah lagu lain, kami bersyarah lagu lain. Lepas itu hendak DEB berjaya macam mana?

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ada lagi? Tuan Yang di-Pertua dia minta, hendak bagi Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya perlu buat penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, yang akhir.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Saya berhujah DEB tadi dalam konteks petani kita yang dimainkan oleh orang tengah. Orang tengah ini semakin kaya, petani semakin miskin. Jadi Pasir Puteh, Tangga Batu jangan keliru. Itu maksud saya dan fakta bahawa kita gagal untuk membantu petani ini menyumbang kepada DEB masih gagal mencapai angka 30%. Itu maksud saya. Bukan saya hendak memperlekehkan segala apa yang ada pada hari ini. Jadi saya hendak minta supaya Lembaga Lada ini berperanan supaya dalam konteks kita membantu petani-petani ini, kita boleh mencapai dengan cepat DEB ini. Itu penjelasan yang saya hendak buat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya. Hendak perabis Tuan Yang di-Pertua. Jadi terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Akhir Tuan Yang di-Pertua sebelum saya gulung dan hendak menyokong Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya bukan sahaja kementerian ini tetapi seluruh kementerian termasuk Kementerian Pertanian Tuan Yang di-

Pertua, fokuskan depa punya tanggungjawab kementerian. Dalam apa juga pemasaran itu mesti didahulukan. Kalau tidak, pengeluaran akan berlambak dengan harga yang menurun dan akhirnya pak tani akan menangis. Jadi, kalau kita tidak serius daripada segi ini, tadi menteri jawab.

Kita akan tambah pegawai. Kita hendak tengok pegawai macam mana? Kalau tidak, dia akan balik kepada asal. Kemudian saya hendak cakap sikit Tuan Yang di-Pertua, *last* ini hendak tutup dah. Kalau hendak bercakap *bio-tech*, *prove* ada *bio-tech*. Ini sampai belah kampung dia kata apa tech-tech itu? Saya kata tech itu bio-techlah. Bio-tech itu apa dia? Tidaklah, pisang yang kecil, bubuh bio-tech dia naik besar. Itu cara kampunglah. Cara dia. Tetapi kalau pisang besar dia kata hendak pi jual di mana? Itu soalan dia.

Jadi kita kena selaraskan Tuan Yang di-Pertua. Saya berharaplah Tuan Yang di-Pertua, lembaga ini akan dapat menjalankan tugas dia Tuan Yang di-Pertua dengan sebaik mungkin demi untuk membela nasib petani-petani kita. Saya percaya penuh pegawai-pegawai yang ada ini adalah pegawai yang cukup efisien, pegawai yang bertanggungjawab dan amanah dan saya percaya penuh. Saya mahu lembaga ini janganlah menemui jalan kegagalan dan akhirnya akan merugikan wang rakyat. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Santubong.

### 3.18 ptg.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membincang sedikit sahaja soalan Lembaga Lada Malaysia di bawah undang-undang baru Lembaga Lada Malaysia 2006. Nampaknya Tuan Yang di-Pertua, kita hendak secara formalnya mengadakan satu lembaga untuk mempromosikan pembangunan industri lada di Malaysia ini.

Kalau kita tilik sedikit Tuan Yang di-Pertua - sejarah. Di jajahan khususnya dalam Malaysia sebelum Malaysia ditubuhkan tempat yang terbesar mengeluarkan lada ini ialah di Johor bukan di Sarawak. Baru ini tadi kita dengar di Yan pun ada menanam lada daripada Aceh, tetapi yang boleh bertahan ialah hanya di Sarawak. Gelombang yang melanda dunia pertanian selama hampir satu abad telah menghilangkan penanaman lada di seluruh tanah air, Semenanjung Tanah Melayu, Sarawak dan juga di Sabah. Jadi kita sekarang melihat lada ini memang ditanam di Sarawak sahaja. Kalau ada pun orang di Semenanjung ini tahu dengan lada ini, dia tidak tahu yang mana satu lada hitam, yang mana satu lada putih. Ada orang kata yang lada putih itu macam mana tanamannya, lada hitam itu macam mana menanam lada hitam dan macam mana menanamkan lada putih. Jadi sebenarnya lada ini satu stok sahaja dia boleh mengeluarkan yang hitam dan yang mengeluarkan yang putih. Pemprosesannya sahaja mengeluarkan yang hitam dan yang putih.

Jadi membuat perbezaan harga, mutu dan nilai di pasaran lada hitam dan lada putih. Walaupun orang Sarawak bukan semuanya menanam lada, tetapi kebanyakan orang Sarawak tahu lada sebenarnya, macam mana memproses lada dan macam mana menukarkan lada hitam menjadi lada putih dan macam mana penuaian lada di tempatnya, di *vine* dan peringkat mana yang akan jadi lada putih dan peringkat mana yang akan menjadi lada hitam. Dahulunya tahun 60-an dan 70-an kebanyakan orang yang menanam lada ini hanya orang Cina dan sedikit sahaja orang bumiputera terlibat, tetapi pengalaman yang dipelajari oleh pihak bumiputera ini selepas itu bekerja di ladang-ladang Cina telah memberi satu galakan kepada mereka untuk menanam lada, kalau melihat lada itu naik harga. Galakan yang semula jadi tidak ada dibuat oleh pihak kerajaan. Jadi kalau kita lihat sekarang di Sarawak perimbangan di antara penanam lada dan di antara bumiputera khususnya orang Iban, kalau tidak salah saya telah sama dengan masyarakat Cina. Jadi kepakaran menanam lada ini ada kepakaran tersendiri dan mengawal selia ladang lada ini juga mempunyai satu kepakaran yang berlainan daripada pengawalseliaan kebun-kebun lain. Penjagaannya lebih rapi dan lebih teliti dan tidak ubah kita melihat penanaman buah anggur bagi penanaman lada ini dan rupa pokok lada ini tidak ubah orang Sarawak kata, daun sirih. Jadi Sarawak banyak mempunyai kepakaran dalam bidang lada.

Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini kita telah merancang serta mencadang untuk menubuhkan satu lembaga untuk lada ini. Biarlah saya menumpu dahulu perkara soalan lembaga itu sendiri Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat dan kita tubuhkan Lembaga Lada di Sarawak, yang pertama mengikut pengalaman orang Sarawak - menteri lada masuk. Apabila satu pejabat ditubuhkan kadang-kadang kita adakan pejabat itu di pekan yang besar, di Kuching, di Miri atau di Sibu tetapi apabila kita lihat undang-undang ini secara teliti kita dapati kuasa yang diberi oleh undang-undang kepada lembaga ini menyeluruh termasuk kuasa untuk menangkap, menyita, dan kuasa diberi untuk macam-macam fungsi.

Jadi persoalan yang dibangkit, kalau pejabatnya yang diadakan satu tempat sahaja di Kuching, Sibu atau saya gunakan perkataan "atau" di Miri ataupun di mana-mana bahagian, di Sarawak, nyatakan sekali fungsi Ahli Lembaga ini nanti, pejabat ini nanti tidak akan mendapat prestasi yang tinggi. Ini adalah relevan dengan apa yang berlaku kepada FAMA, apabila FAMA ditubuh pada tahun 1965, ditubuhkan satu pejabat di Kuching dan FAMA tidak diberi kereta, tidak diberi lori, tidak diberi macam-macam peruntukan kemudahan, akhirnya FAMA bukan sahaja tidak berfungsi di Sarawak tetapi telah memburukkan nama FAMA itu sendiri kerana fungsinya tidak tercapai. Dalam keadaan yang sedemikian, saya awal-awal lagi sudah beritahu dengan menteri, tidak bertulis tetapi ucapan di Dewan.

Kalau hendak wujudkan lembaga ini hanya untuk wujudkan lembaga itu sahaja bagi pekerjaan kepada Pengerusi, Ahli Lembaga, Pengurus Besar ataupun *Director General*, pegawai-pegawai yang bakal duduk di pejabat berhawa dingin, *style* duduk, mesyuarat tiap-tiap bulan saya cadang jangan buat itulah. Buang duit kerajaan, *bloated the government*, pejabat

kerajaan membanyakkan pegawai-pegawai kerajaan kerana orang ini pegawai kerajaan, tetapi kita hendak buat juga. Macam mana Jerai cakap, kita memang akan laksana undang-undang ini nanti, tertubuhlah lembaga ini nanti. Kalau lembaga ini tertubuh kita kena pastikan lembaga ini akan berkesan. Jadi kalau kita hendak memastikan lembaga ini berkesan, dia mesti mempunyai pejabat di tiap-tiap tempat, di mana lada ini banyak ditanam, buat sementara sekarang ini, sebelum promosi dan pembangunan dibuat secara sistematik oleh pihak lembaga ini nanti, kena kenal pasti. Kita mesti mempunyai pejabat yang berdekatan, apabila kita melihat Sarawak, saya sebut Sarawak ini kerana tempat lain ini tidak ada ditanam lada. Sarawak ini panjangnya jauh lebih panjang daripada Johor ke Perlis, walaupun di seluruh negeri Sarawak itu hanya 5,000 batu persegi sahaja kecil daripada seluruh Semenanjung, tetapi cukup besar dan cukup lebar, cukup panjang kalau dibandingkan dengan mana-mana negeri di seluruh Malaysia.

Jadi kalau kita hendak bandingkan dengan mana-mana negeri dalam peruntukan dan pemberian pejabat untuk pegawai-pegawai nyata sekali kurang tepat. Jadi kalau kita melihat pegawai tidak berfungsi tidak berprestasi tinggi, sama ada orang politik ataupun pegawai atasan mengatakan pegawai ini tidak berfungsi, tidak bekerja betul, tidak bekerja rajin, pokok pangkalnya siapa yang salah? Kemudahan tidak dibuat macam mana yang dibuat oleh FAMA, FAMA tidak berfungsi oleh sebab lori pun koyak rabak sebab saya dimaklumkan apabila FAMA ditubuh tahun 1965, orang kata peringkat pembangunan FAMA, infrastruktur dan kemudahan FAMA dibuat pada tahun 1965 hingga tahun 1975, apabila FAMA diperkenalkan di Sarawak pada tahun 70-an, peringkat itu peringkat pelaksanaan bukan untuk memberi infrastruktur dan prasarana lagi, kemudahan lagi. Jadi dengan tidak ada kemudahan macam mana FAMA berfungsi, akhirnya pegawai FAMA di Sarawak duduk goyang kaki, tidak buat tugas. Kita senang menuding jari kepada pegawai FAMA mengatakan tidak buat kerja, padahal kita sendiri yang buat salah.

Di Dewan ini sepatutnya kita menunjukkan bahawa kita sepatutnya melihat apa sahaja benda yang hendak buat kita mesti bersedia dengan semua prasarana kemudahan, peruntukan dan perkakas untuk diguna pakai, tidak lengkap sekarang kalau pejabat kita tidak mempunyai ICT *facilities, connection* dan sebagainya.

Jadi ini soal pejabat dan kelengkapan yang patut disediakan apabila pihak kementerian membawa undang-undang ini ke Dewan ini. Parlimen hanya boleh meluluskan undang-undang sahaja. Pihak kementerianlah yang akan menentukan bahawa undang-undang ini tidak akan menjadi satu kertas hijau, tukar menjadi kertas putih, dimasukkan dalam buku dan dikatakan satu undang-undang untuk dilaksanakan oleh pihak kementerian. Kementerianlah yang akan memastikan supaya pegawai yang dikatakan Ketua Pengarah atau *Director General* ini hanya duduk macam itu sahaja dengan pegawai-pegawai dia.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kalau pengangkutan tidak ada, kemudahan tidak ada, lepas itu bagi pegawai ini keluar tiga hari dalam satu bulan. Di Sarawak tiga hari dalam satu bulan? Macam *Infomation Ministry* umpamanya, pegawai bertugas luar itu dibolehkan tiga hari sahaja untuk keluar. Kalau di Kedah atau Perlis, bolehlah tiga hari itu *cover* Kedah dan Perlis. Kalau tiga hari untuk di Sarawak, kalau di Batang Lupar, ulu kampung ke Sinduk tidak boleh balik lagilah. Satu hari satu trip sahaja boleh dibuat. Akhirnya 27 hari pegawai duduk dalam pejabat. Makan gaji "*eat blind pay*". Makan gaji buta. Siapa yang hendak dimarahkan? Pembuat dasarlah yang salah!

Jadi, apabila kita merancang dasar, kita mesti melihat *physical makeup*, tempat yang hendak kita laksanakan dasar itu. Di sinilah letaknya kelemahan. Kadang-kadang ia berlaku dalam masyarakat kita. Saya ini berucap secara *pre-emptive*. Melihat, belajar daripada masalah yang lepas supaya apa yang kita rancangkan di sini tidak mengalami masalah yang sama.

Berlaku dulu. Banyak. Ada seorang Ahli Parlimen hendak beri kepada kerajaan RM3 juta, oleh kerana pegawai-pegawai pendaftaran ini tidak boleh masuk kawasan luar bandar sebab tidak cukup sumber kewangan untuk *transport and traveling*, dengan izin. Ahli Parlimen hendak *contribute*. Ahli Parlimen banyak duitlah tu, RM3 juta supaya kad pengenalan ini boleh dibuat dalam pendalaman Sarawak. Sumber kewangan untuk buat kad pengenalan masih ada. Tetapi sumber untuk mengangkut pegawai turun naik, keluar masuk hutan itu tidak ada. Ini kesalahan perancangan juga, tidak melihat kos untuk pengangkutan di Sarawak dan mungkin juga di Sabah jauh lebih besar keperluannya dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Hendak bagi jalan?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Hendak minta satu pertanyaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Santubong.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik apabila Yang Berhormat bagi Santubong tadi cuba *highlight* mengenai penanaman lada ini. Jadi, bersetujukah dan apa pandangan Yang Berhormat bagi Santubong bahawa Lembaga Tembakau Negara ini sudah nampak kurang berfungsi, tembakau pun sudah tidak boleh diharapkan untuk komersial, maka sebab itulah, setu tidak supaya tanah-tanah yang terbiar bukan sahaja di Sarawak, di Johor, di Kelantan dan seluruh negara ini cuba kita perhebatkan dengan penanaman lada sebagai alternatif kepada tembakau. Sebab bagi kita lada ini tidak makruh, tembakau ini makruh. Kalau saya galakkan pun tidak beroleh pahalanya. Tetapi kalau galakkan penanaman lada ini boleh berpahala sebab ia tidak makruh, mendatangkan sihat.

Orang-orang dahulu, apabila beranak, orang tua-tua ambil lada putih buat sambal. Orang Sarawak pun sama. Ia menjadikan sihat. Tubuh *slim* sampai ke tua. Kita sekarang ini, belum lagi tua sudah gedeber sebab tidak makan lada. Setuju atau tidak? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya, sebenarnya baru sampai ke pejabat. Belum keluar ke padang, saya ini... *[Ketawa]* Saya baru pergi ke Pejabat Lembaga Lada ini. Sudah duduk di pejabat, ada atau tidak menteri bagi saya *aircond*, ada bagi kereta, kerusi, meja, komputer dan sebagainya, sudah lihat semua perkakas dalam pejabat, baru saya akan keluar hendak tanam lada. Kena semua dalam undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Semua ada dalam undang-undang ini. Saya sudah baca. Undang-undang ini menunjukkan bahawa bidang yang telah diberi, fungsi lembaga ini amat luas sekali, termasuklah melihat pejabat terlebih dahulu sebelum saya dilantik menjadi Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kena lawat ladang dulu, Yang Berhormat, barulah melawat pejabat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sebab lada sudah ditanam. Di Sarawak lada ditanam sudah beratus tahun. Sekarang dia hendak bagi pejabat kepada saya. Sebab itulah saya hendak tengok pejabat ini sesuai atau tidak dengan ladang-ladang yang ditanam itu.

Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Ustaz daripada Pasir Puteh - pasir putih melepak. Saya setuju. Tetapi penanaman lada ini ia berlainan sedikit daripada tumbuhan lain. Lada ini kalau akarnya terkena banyak sangat air, *fungi* boleh tumbuh di akarnya...

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** *Root rod.*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hah? *Foot rod?*

**Tuan Jimmy Donald:** *Root rod.*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *Root rod?* Saya dengar *foot rod?* *[Ketawa]* Ini penyakit kaki. Jadi benda itu akan tumbuh di sini dan menjejaskan bukan sahaja pertumbuhan tetapi juga kualiti buah lada itu. Jadi, kita kena selidik. Kita kena buat penyelidikan juga peruntukan disebut dalam ini, bahawa lembaga ini diberi kuasa untuk membuat penyelidikan. Jadi kita boleh mencari. Saya jawab dia dulu... Mencari. Buat satu *research*, mencari klon yang baru, jenis yang baru. Jenis yang tahan dan boleh ditanam di tanah-tanah lembap, di tanah-tanah yang ada air, di tanah-tanah yang gambut. Kalaulah kita hendak tanam, hendak gantikan tanaman lada ini di kawasan tanaman tembakau di Kelantan.

Ia boleh dibuat tetapi pihak lembaga ini kena bekerjasama dengan pihak MARDI ataupun universiti-universiti membuat penyelidikan yang khusus untuk mencari klon yang lebih tahan sikat. Jangan tanam atas bukit kerana orang Sarawak itu dia naik bukit, jadi kuat. Naik bukit, dia tebang, tebaskan atas bukit, dia tanam atas bukit. Lepas itu di situlah dia menanam lada-lada ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohonlah kepada pihak kementerian, supaya daripada peringkat awal ini, apabila undang-undang ini diluluskan nanti dan digazet, dilaksanakan

pelantikan, penubuhan pejabat ini nanti dibuat di seluruh negeri Sarawak. Janganlah dibuat sebagaimana yang telah banyak berlaku di mana agensi kita tubuhkan di Sarawak, ditempatkan di satu tempat, tetapi fungsi tidak terlaksana oleh kerana pejabat itu sendiri yang telah menyebabkan fungsi tidak dapat dilaksanakan.

Keduanya, peruntukan kewangan juga mengehendkan gerak-geri pegawai-pegawai ini tetapi akhirnya apabila laporan dibuat, prestasi dilihat, penganalisan dilakukan, kita dapati pegawai tidak membuat kerja dengan betul. Sebenarnya kitalah yang membuat kesalahan.

Dari itu kementerian perlu berjaga-jaga apabila hendak membuat ini supaya pegawai itu dilengkapi dengan pejabat, dilengkapi dengan perkakas, di lengkapkan dengan semua keperluan untuk menjalankan tugas mereka selaras dengan kehendak undang-undang ini. Jangan undang-undang ini sudah siap, masuk dalam buku, simpan, tidak baca, garis panduan tidak dilihat, tak tahu apa benda! Akhirnya kita hanya bergerak mengikut naluri kita sendiri, tidak melihat apa Parlimen mahu, kementerian ataupun jabatan ataupun lembaga juga, mengikut garis undang-undang yang kita sendiri rancangkan.

Itu persoalan pejabat, Tuan Yang di-Pertua. Baru sampai pejabat saya. Berjumpa dengan Pengerusi dia. Mungkin saya sendiri atau orang lain, tidak tahulah. Pelantikan Ahli Lembaga ini, saya lihat penstrukturan Ahli Lembaga dari kalangan-kalangan yang tertentu kebanyakan daripada pegawai-pegawai kerajaan. Saya pun cari muka dalam Bahasa Malaysia ini mana satu muka dia ini? Muka berapa agaknya. Salah baca saya Tuan Yang di-Pertua. Saya salah baca, minta maaf. Anggota Lembaga, saya baca dalam muka Bahasa Inggeris iaitu seorang Pengerusi, lepas itu dia kata seorang wakil kementerian yang dipertanggungjawabkan bagi industri lada dinamakan oleh Ketua Setiausaha dan seorang wakil Perbendaharaan, seorang wakil Kementerian Pertanian, seorang wakil Unit Perancang Ekonomi, dua orang daripada kerajaan negeri Sarawak, seorang wakil daripada kerajaan negeri selain daripada Sarawak, tiga orang wakil industri – ini Yang Berhormat bagi Jerai bawa ini, dua orang daripada industri sekurang-kurangnya tiga orang. Dua orang tidak kurang daripada Sarawak.

Memang tahu undang-undang ini sudah tahu orang Sarawak banyak tanam lada. Dua orang daripada pendapat menteri dapat menyumbang kepada pembangunan industri lada. Kalau kita lihat di sini, kebanyakan Ahli Lembaga ini terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan. Saya tidak menafikan bahawa pegawai kerajaan ini adalah pegawai-pegawai yang relevan dalam sudut penanaman buah-buahan, pokok, pertanian dan sebagainya.

Hanya tiga orang sahaja daripada industri lada itu sendiri dan dua orang yang lain yang dilantik oleh menteri. Ini pun kita belum tahu lagi, jangan-jangan Wakil Rakyat, jangan-jangan orang politik, jangan-jangan orang tidak tahu hujung penggal, mana satu lada, mana satu pokok benda lain. Inilah ahlinya.

Tetapi kalau kita lihat sekarang, yang banyak-banyak menanam lada ini, banyak mengetahui lada ini dan berpengalaman soal lada ini ialah orang Sarawak. Bukanlah saya ini

"*parochial*" mengatakan bahawa oleh kerana lada ini ditanam di Sarawak, lembaga ini ialah lembaga Malaysia dan sepatutnya ahli semua daripada orang Sarawak, tidak. Tetapi sekurang-kurangnya orang yang dilantik menjadi lembaga ini mengetahui sebenarnya bukan daripada buku sahaja, bukan daripada teori sahaja. Tetapi sebenarnya masalah pembangunan, penanaman, penjagaan, pembelaian, pemprosesan, pemasaran, industri ekoran, industri hiliran lada mestilah dilantik menjadi ahli, jadi tinggallah negeri Sarawak mendapat dua orang wakil.

Yang dari Sarawak itu pun samalah. Kalau dia diam dekat Kuching, diam di Sibu atau di Miri, dia tengok lada pun tidak tahu. Orang kata tuat pun apa benda? Tuan Yang di-Pertua, apa erti tuat ini? Selain daripada orang Sarawak, tahukah tuat ini? Tidak tahu. Tuat ini tiang yang macam ini untuk lada itu hinggap. Itu dipanggil tuat iaitu tuat lada.

Kalau orang macam itulah kita lantik, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, yang ayam hendak bercakap dengan si angsa ini susah sedikit. Kita kenalah cari orang yang betul-betul mempunyai kepakaran dan pengetahuan daripada penanaman lada dan pemprosesan, penjualan dan industrinya. Saya cukup yakin apabila yang dua orang pada pendapat menteri dapat menyumbang ke pembangunan industri lada ini, dilantik orang itu juga kita mesti nilai.

Dalam soalan pembangunan industri termasuklah pemasaran, promosi semua sekali, branding, siapa sahajalah soalan *market* pemasaran ini mestilah mempunyai input daripada pihak yang membuat *business* dalam persoalan ini kerana kita bimbang kalau kita menjadi Ahli Lembaga ini iaitu *government officers centering* dengan izin, kita bimbang dia menjadi satu agensi kerajaan macam agensi kerajaan akan berpandu dengan ini dan kuranglah inovasi dan kreativiti input yang perlu untuk membangunkan satu-satu industri kerana sudah menjadi pemikiran sekarang ini Tuan Yang di-Pertua bahawa kerajaan pun tidak boleh terikat sangat semacam mana kita menjalankan *business* kerajaan itu pada masa-masa lampau.

Saya ingin menjemput apa komen atau pun apa syor atau cadangan pihak-pihak yang mengetahui soalan pengurusan. Umpamanya apabila "*Typhoon Katrina*" melanda New Orleans. Kegagalan pihak pentadbiran Amerika Syarikat, di pihak *regional* atau pusat menangani dengan seberapa cepat yang boleh kesan dan sebelum *Katrina* melanda ialah oleh kerana pentadbiran kerajaan Amerika Syarikat masih terbendung oleh prosedur, peraturan atau dasar yang telah lapuk.

Jadi tidak hairan kalau negara kita juga mempunyai dasar, peraturan yang padat dengan birokrasi yang tertentu. Jadi apa maknanya kepada Lembaga kalau birokrasi ini di *translate* dalam Lembaga ini menjadi *Bureaucratic Centric* juga. Akhirnya apa yang kita dapat mungkin tidak mencapai kesan yang kita kehendaki. Itulah kenapa apabila "*Norwich Cambridge*" kawan rapat kepada *Peter Drucker* mengatakan kita sepatutnya mempunyai *entrepreneurial management* kata dia itu mencadangkan, menguruskan pekerjaan, menguruskan apa sahaja usaha kita berlandaskan macam mana syarikat menguruskan syarikat mereka.

Bermakna cepat bertindak, cepat berfikir, cepat mengambil tindakan dan cepat mengambil keputusan kerana lada tidak boleh menunggu. Kadang-kadang dalam masa yang cepat dia boleh bertukar bukan sahaja harga bahkan buruk, jadi kita tidak boleh menunggu sesiapa untuk membuat jawapan dengan lambat.

Kalau kita tidak ada Lembaga ini Tuan Yang di-Pertua tidak menjadi masalah kerana orang kampung pun sudah tahu. Apabila Lembaga ada, adalah peraturannya nanti. Kalau ada peraturan, adalah kelembapan pergerakan kerana penanam akan dibendung oleh peraturan yang kita buat dan peraturan ini mungkin tidak mendatangkan hasil kepada pihak penanam padahal lembaga dibuat untuk kebaikan penanam dan industri ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Ahli Lembaga itu mempunyai bukan sahaja kepakaran daripada segi pengetahuan pengurusan dalam bidang kerajaan, yang lebih penting ialah mesti mengetahui kepentingan penyelidikan, kepentingan pemasaran, kepentingan industri dan yang penting sekali kepentingan macam mana hendak mempertahankan penanaman ini supaya jangan satu penanaman yang akan pupus begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mengalami naik harga. Pada suatu ketika harga lada naik. Saya baru dimaklumkan, baru tiga minggu yang lepas, ada pihak-pihak yang tertentu di Sarawak mengatakan kalau hendak jual lada ini, saya minta penjelasan daripada menteri ini. Saya cukup yakin menteri ini tahu sendiri ini dia sudah tahulah. Saya minta penjelasan, benarkah ada satu-satu sindiket di Sarawak sekarang yang cuba nampak-nampaknya hendak menurunkan harga lada dengan memaksa orang membeli lada dengan satu harga yang tertentu dan memberi komisen kepada pihak-pihak yang tertentu. Soalan saya ialah adakah tindakan-tindakan ini dibuat oleh satu-satu pihak sindiket gengster yang tertentu ataupun kumpulan-kumpulan yang tertentu ataupun *buyers* yang tertentu ataupun siapa. Saya hendak tahu. Oleh kerana akhirnya kesan tindakan mereka ini akan menurunkan harga lada dan juga mendatangkan satu kesan lain lambakan lada di satu tempat yang lain supaya pihak yang membeli lada itu (orang tengah) akan mendapat keuntungan untuk menjual lada pada satu ketika apabila lada ini naik harga.

Jadi saya minta Menteri, kalau Menteri menjawab kalau Timbalan Menteri menjawab mendapat jawapan yang sama, siapa yang membuat pergerakan ini dan apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk mendapat bantuan daripada pihak lain umpamanya pihak polis untuk menyelidik dan mengetahui mereka ini. Kerana kita tidak mahu pihak-pihak yang kecil-kecilan penanam lada menjual dengan harga yang murah tetapi disimpan oleh pihak orang tengah. Selepas itu dijual ke pasaran dengan harga yang lebih tinggi. Keuntungan yang tidak berpatutan padahal mereka hanya duduk di tengah sahaja dan memberi ketakutan kepada pihak penanam. Di mana dalam masa yang sama penanamlah yang akan mendaki bukit, penanamlah yang berada di atas bukit dan sebagainya mendapat risiko kerosakan dan sebagainya. Itu yang pertama.

Yang kedua, tadi saya mendengar Yang Berhormat bagi Sri Aman bercerita tentang lada ini. Lada ini hanya menggunakan kayu belian sebagai tiang, orang Sarawak kata tuatnya. Kalau gunakan *the second class* belian ataupun kayu yang kurang sikit daripada belian iaitu selangan batu boleh juga tetapi selangan batu boleh bertanya hanya tiga ke empat tahun sahaja sebagai tuat kepada lada. Ia akan buruk. Hanya kayu belian sahaja yang boleh menjadi tuat lada. Yang payahnya pula hendak digunakan batu ataupun besi kalau besi pencuri besi akan curi, kalau batu lada tidak naik. Jadi masalahnya kayu belian sudah kehabisan di Sarawak, sudah habis dah.

Dahulu orang pakai atap kayu belian tetapi sekarang tidak ada lagilah, mimpi pun tidak boleh lagi. Kayu belian ini hanya boleh bertahan sampai 500 tahun baru jadi kayu belian yang boleh digunakan sebagai tuat. Jadi kayu-kayu belian ini sudah habis. Kayu belian hanya boleh dijumpai di Kalimantan Borneo dengan harga yang berpatutan. Jadi, adakah dalam perancangan kementerian untuk cari orang di Kalimantan itu, cari *source* belian daripada Kalimantan dibawa ke Sarawak dan dijual dan Lembaga ini sebagai badan pengurus, mungkin berbincang 'G to G' dengan kerajaan Indonesia supaya kayu belian ini boleh dibawa daripada Kalimantan ke Sarawak dan diguna pakai menjadi tuat lada di Sarawak atau pun di mana-mana di Malaysia ini untuk menanam lada.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Silakan.

**Dato' Sri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Yang Berhormat Santubong, saya ingin tahu kenapa kalau apabila kita guna simen tidak boleh. Kalau tidak boleh kenapa kita tidak boleh ubah suai ia, mungkin boleh dibalut dengan kulit kayu-kayu lain sebagai artifisial. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Ini soalan yang bagus Dato' Menteri, tetapi masalahnya saya menanam lada di belakang rumah tidak buat *research*. Jadi oleh kerana dalam perundangan kita ini ada peruntukan-peruntukan yang tertentu untuk Lembaga ini membuat *research* yang tertentu. Jadi amat elok sekali kalau kita boleh buat *research* juga mungkin menggunakan jenis-jenis tuat atau tiang yang lain mungkin tiang plastik, mungkin tiang *hollow* paip plastik, walaupun simen tetapi mungkin simen tu payah sedikit Dato' Menteri. Yang tahu naik bukit bawa tiang simen itu payah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Aman bangun Yang Berhormat.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Santubong. Mulai 10 tahun yang lepas, saya nampak ada juga petani dengan galakan Jabatan Pertanian di Sarawak menggunakan pokok buan dan satu lagi jenis pokok yang digunakan sebagai *cover crop* untuk tanaman koko. Jadi mereka bertanam ini, jenis pokok ini dan mereka membimbing lada ini pokok hidup sama-sama hidup, lada hidup pokok ini pun hidup. Tetapi yang menjadi tanda tanya sama ada pokok ini makan lebih banyak lagi baja dari lada.

Dan bersetujukah Yang Berhormat kalau kita minta kementerian membuat penyelidikan yang lebih rapi dan membawa petani kita ke arah itu oleh kerana kayu belian memang tidak ada lagi.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Salah satu daripada masalah bertanam lada di Sarawak ialah tuat lada iaitu kayu untuk menjadi tiang untuk lada itu hinggap dan terus subur. Pokok yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Sri Aman iaitu pokok buan saya pun kurang faham. Sebab orang Melayu di Sarawak pokok buan ini adalah pokok simpoh. Saya hendak tahu betul tak pokok buan ini juga pokok simpoh. Jadi pokok simpoh ini banyak hidup di merata-rata tempat. Ada yang tumbuh di tepian laut, daunnya lebih lain sedikit daripada yang tumbuh di daratan, dekat bukit. Jadi saya pun tidak ada jawapan. Mungkin kalau pokok simpoh itu ia tidak perlu sangat dengan baja tetapi patut juga pihak kementerian mencari ataupun Lembaga ini buat satu penyelidikan khusus mencari satu alternatif pokok-pokok yang ditanam dan boleh tumbuh lurus ke atas mungkin juga boleh menjadi satu pilihan lain daripada pokok belian seperti tuat lada untuk kita menanam lada di seluruh negara ini. Dan kalau ini boleh dicari dan ditemui saya cukup yakin dua perkara yang saya sebut yang pertama untuk mencari klon lada yang boleh ditanam di tanah gambut dan di tanah-tanah yang mendatar, di tanah-tanah yang lembap, di tanah-tanah yang banyak air dan satu lagi kita kena mencari soalan alternatif kepada tuat lada ini menggunakan bahan lain ataupun kayu lain dari pokok yang lain. Ini adalah satu alternatif.

Yang ketiga, ini sudah tanam dan buah sudah keluar, maka apakah perancangan? Di sini Lembaga mungkin boleh memikirkan nanti. Tetapi saya cukup yakin bahawa kementerian telah mempunyai satu agenda yang tertentu untuk diteliti dan dilihat dan diguna pakai oleh pihak lembaga ini nanti. Soalan harga lada, lada ni kadang-kadang dia menurun dan menaik harga dia di pasaran. Kerana lada ini banyak kegunaan dia. Saya tidak hendak sebut lagi Yang Berhormat bagi Jerai sudah banyak sebut tadi dah ada guna jadi *perfume*, jadi penyembur orang, nak bunuh orang, nak bom orang semua boleh. Lada ini banyak kegunaan, jadi dia banyak *purpose* dia jadi tak payah saya sebutlah, jadi maknanya kegunaan dia banyak makna dia boleh dipasar di mana-mana.

Apa yang penting bagi saya kadang-kadang kalau permintaan berkurangan jadi harga dia akan menurun. Jadi adakah perancangan supaya lembaga ini telah dan akan diberi garis panduan dan disokong oleh pihak kerajaan? Kita mempunyai *buffer* dan lembaga ini boleh membeli apabila harga lada itu murah supaya jangan menurun begitu sangat dan kita menjual apabila lada itu sudah menaik di pasaran dunia, agar pihak penanam lada ini tidak menghadapi masalah kerana penjagaan lada ini bukanlah macam penjagaan tanaman-tanaman lain. Dia mesti dijaga dengan rapi dan dijaga dengan teliti. Jaga daripada pagi hingga petang. Dengan sendirinya siapa sahaja tanam lada dia mesti punya *full commitment* dengan izin sepanjang masa hinggalah daripada penanaman, sampailah penuaian dan akhirnya penjagaan selepas penuaian buah lada itu.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Parit

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Yang Berhormat saya nampak cadangan Yang Berhormat itu harus dikaji oleh pihak kementerian kerana inilah masalah barang-barang komoditi pertanian ini, dia bergantung pada pasaran dan juga keadaan permintaan. Apabila pengeluaran berlebihan permintaan kurang harga dia akan jatuh.

Jadi di satu ketika di tahun 70-an Amerika Syarikat pernah ada stok penimbal getah jadi mereka berjaya menguasai harga itu dan adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya lembaga ini juga mempunyai kewangan untuk mewujudkan stok penimbal supaya pihak lembaga boleh membeli harga yang munasabah walaupun pada masa itu harga pasaran dunia juga jatuh dan selepas itu menjual pada masa harga naik. Tapi yang saya nampak masalahnya ialah keupayaan lembaga ini untuk membeli pada waktu harga yang jatuh itu. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Saya memang bersetuju Tuan Yang di Pertua. Stok penimbal ini di memang tujuannya untuk menjaga harga supaya apabila harga lada itu turun pihak lembaga ini dibolehkan untuk membeli tetapi kita kena ingat satu perkara. Kita kena sekali lagi belajar daripada apa yang berlaku pada agensi lain dulu oleh FAMA. Pada satu ketika FAMA buat satu godang, satu godang besar Tuan Yang di-Pertua, sekecil Parlimen ini di kawasan Batang Lupar di Sembangan. Hakikatnya ialah untuk membeli pisang, membeli kelapa dan membeli buah-buahan daripada orang kampung yang hendak berjual. Kononnya orang kampung pergi ke kebun, pergi ke ladang bawa buah kelapa, buah pisang dan buah-buahan lain, bila menjual di kedai biasa mengikut keadaan semasa, mereka beli dengan murah ataupun tidak terjual kerana kedai itu tidak boleh membeli banyak sangat. Jadi akhirnya buah-buahan itu dibawa ke rumah dan terbuang buruk macam itu sahaja.

Jadi kalau kita mempunyai lembaga yang boleh membeli dia boleh beli semua jualan ini. Dia boleh stor, boleh stokkan benda tu. Tetapi apa yang berlaku pada FAMA, FAMA tidak boleh mengeluarkan duit. Dia tidak ada duit dalam tangan, jadi pembayaran kadang-kadang mengambil masa 3 minggu, 2 minggu. Yang cepat 2 minggu. Jadi orang yang bawa 2 tandan, 3 tandan Sarawak kata tandan sini kata tandan juga ke? Satu mayang tu 2-3 tandan pisang nak jual, nak tunggu mungkin harga RM1.50 nak tunggu 3 minggu dapat keluar *voucher sign* ini *sign* itu, 3 minggu dia kata Masya-Allah nak buat urusan nak ambil RM1.50 pun kena tunggu 2-3minggu dan duit bukan sampai sana, sampai pejabat SAO. Pengurusan untuk dapat duit itu lebih mahal daripada duit yang diterima. Jadi akhirnya bangunan dewan yang saya sebut tadi terbengkalai, tidak dipakai dan sekarang jatuh dalam sungai. Nasiblah pihak DID buat satu benteng supaya rumah itu tidak masuk dalam sungai Sembangan.

Jadi kita belajar, sepatutnya kita belajar daripada pengalaman ini. Kalau lembaga ini hendak beli lada daripada peladang-peladang dan penanam-penanam lada dia kena ada duit *cash* dalam tempat dia. Orang jual lada 10 kilo berapa harga lada 10 kilo? Masuk dalam dia punya tu lepas tu dia bagi duit *cash* di sana juga. Orang kampung mana hendak tunggu satu minggu? Orang kampung mana hendak tunggu tiga hari? Dia nak beli ikan, nak beli beras, cili, dia nak beli garam, beli kopi, beli gula tidak boleh tunggu.

Oleh itu mekanisme perlu diwujudkan. Satu mekanisme di mana lembaga ini, pegawai dia, pejabat dia, mempunyai sumber kewangan yang boleh diguna pakai secara cepat untuk membeli. Kalau tidak tujuan kita hendak menyimpan, stok penimbal ini akan gagal. Satu lagi, saya tahu lada ini boleh disimpan lama. Lada hitam, lada putih boleh disimpan lama. Kita mesti mencari buat satu *research* juga tempat yang sesuai supaya dia tidak kena.. apa nama tu? Apa yang.... apa tu kulatlah. Jangan kena *fungus*, kulatlah. Kalau disimpan dengan tidak ada *temperature* yang sesuai, tempat yang sesuai dan sebagainya, maknanya tempat yang sesuai mesti disediakan. Kita mesti juga ada *research* yang tertentu di mana tempat yang sesuai untuk stok lada hitam dan stok lada putih supaya dia boleh bertahan lama dalam satu keadaan, suasana, kedinginan dia, kepanasan dia dan macam mana menjaga dia supaya kita beli dan tidak membuang duit kerajaan.

Jadi kita kena buat, bukan di satu tempat sahaja, bukan di Kuching sahaja, bukan di Sibuluh sahaja, bukan di Miri sahaja tetapi di mana sahaja tempat pejabat lada, kemudahan lembaga ini nanti diwujudkan mesti mempunyai semua perkara ini. Duit untuk membeli dia, tempat untuk menyimpan dia dan menjaga dia supaya lembaga ini tidaklah dilihat, kita hanya meluluskan undang-undang, melepaskan batuk di tangga tetapi kesannya tidak akan sampai untuk membangunkan pembelian lada daripada masyarakat petani. Dan yang kedua ketiga dalam bidang soalan lada ini.

Yang keempat ialah membesarkan ladang lada. Apa galakan? Kita lihat sekarang baja tak ada bagi, bantuan tak ada bagi, benih tak ada bagi, semua tak adalah. Memang orang tanam itu atas usaha dia sendiri sahaja. Jadi kalau tak betul cerita saya ini Datuk minta tolong ulaskanlah. Apa benda yang dibagi? Apa benda yang tak dibagi? Apa sepatutnya di bagi? Untuk membantu orang membesarkan semua ini dan apakah usaha kita untuk berbincang dengan pihak kerajaan negeri? Di seluruh Malaysia, kita boleh bangunkan. Macam mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi. Bangunkan di mana-mana tempat bagi pihak yang berminat. Kata Pasir Puteh tadi, kita mendapat pahala kalau kita menggalakkan tanam lada, tetapi tidak dapat pahala untuk menggalakkan tanam tembakau. Dato' Menteri pun dapat pahala nanti, menggalakkan orang bertanam lada. Jangan galakkan bertanam tembakau, kata dia. Ini bukan saya cakap ini. Nanti kalau tidak ada di sini, saya akan tanya dengan Parit Buntar nanti. Susah, banyak sangat nak bercakap cerita. Jadi, Dato' kita kena melihat apa yang perlu dibantu. Kerana lada, pasaran dia banyak. Apa yang tinggal ialah penanaman.

Masyarakat yang terlibat dengan penanaman lada ini, belum lagi besar. Banyak masih tanah-tanah yang terbiar, tempat-tempat yang terbiar, yang patutnya boleh diguna dan ditanamkan dengan lada ini. Bahkan banyak, di kawasan saya pun banyak yang sepatutnya.

Tetapi malangnya, penanaman lada ini jauh daripada penanaman rambutan, tanaman durian, tanaman buah-buah lain yang orang minat. Kadang-kadang orang kita ini Dato', dalam industri pertanian ini, banyak orang tanam benda yang dia minat. Bukan tanam benda yang orang lain minat. Sepatutnya kita tanam apa yang pasaran minat. Di sini pasaran minat, tetapi malangnya orang belum minat. Orang minat pandang pokok durian, pandang pokok rambutan dan buah-buahan macam mangga dan sebagai. Akhirnya, kita tidak ada pasaran.

Jadi, saya cukup yakin kementerian sebelum Lembaga ini menjadi satu realiti, saya cukup yakin Insya-Allah selepas persidangan Dewan Negara ini nanti, Lembaga ini akan wujud. Undang-undang ini akan lulus menerusi dua Dewan dan Lembaga akan ditubuhkan, mungkin 2007 sepatutnya sudah berfungsi. Kalau berfungsi, adakah kita menunggu 3 tahun lagi? 5 tahun lagi? Jadi, dalam saya menyebut cerita ini, saya nak bertanyalah dengan Menteri, bila jangka masa anggaran, *estimate*? Kementerian, Lembaga ini boleh berfungsi dan pejabat-pejabat boleh ditubuh dan di negeri mana boleh ditubuh dahulu? Berapa banyak pejabat hendak ditubuh? Apakah sumber kewangan yang pertama hendak dimula diberikan? Kerana mengikut undang-undang ini, ada disebutkan menyatakan sumber kewangan Lembaga adalah dari kerajaan pusat dan juga kerajaan negeri.

Jadi, itu salah satu dari sumber kewangannya. Apakah sumber kewangan, berapakah sumber kewangan yang telah disediakan oleh kerajaan kementerian untuk disalurkan kepada Lembaga ini apabila dia siap nanti? Sekarang sudah cukupkah ataupun tunggu akan datang? Kalau dirancang sahaja, jangkaan dia untuk dilaksanakan pada 2007, berapa anggaran yang difikirkan sesuai untuk Lembaga ini berfungsi tahun 2007 *and beyond* dengan izin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, memang undang-undang baru, skim baru, peraturan baru, benda baru banyak dan persoalan lama masih banyak belum terjawab, lada ini. Jadi industrinya, saya cukup yakin pihak kementerian boleh membantu Lembaga dan membimbing Lembaga untuk apa benda yang boleh kita buat dan apakah kerjasama yang dibuat oleh pihak Lembaga dengan MARDI? Lembaga dengan pihak universiti-universiti supaya membuat satu *research* yang mendalam, soalan lada ini daripada segi klonnya, penanamannya termasuklah tuat-tuatnya. Industri-industri hilirannya, industri-industri berbangkit daripada buangnya. Banyak lagi yang boleh difikirkan, dan saya cukup yakin industri akan boleh maju dengan syarat Lembaga boleh berfungsi. Lembaga boleh berfungsi kalau ada sokongan daripada kementerian dan kementerian mesti mempunyai jiwa besar. Kita mesti melihat, bukan sahaja Sarawak, tetapi di Sabah, di Johor, di Yan Kedah, di Perlis, di Kelantan. Saya nampak di Perak banyak bukit-bukau. Tanam lada, tempat yang sesuai. Galak orang tanam. Biar kita jadi penjual lada yang terbesar di dunia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sampai ke sini sahajalah menarik diri dan saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Bandar Kuching.

**1615 petang.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya masuk tajuk, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keputusannya untuk meningkatkan harga minyak yang akibatnya membolehkan DAP menang dengan besar-besarnya dalam pilihan raya Sarawak. Sebagai seorang pembangkang tunggal dari Sarawak, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan inilah keputusannya keputusan dari rakyat Sarawak dan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, kita berbincang lada hitam, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ada, ada, ada. Kerana penanam itu juga pengundi. Mereka sudah menghantar satu mesej yang begitu kuat dan tegas kepada kerajaan pusat bahawa mereka bantah itu peningkatan harga minyak dan saya haraplah kerajaan tak akan mengulang lagi kesalahan ini, walaupun kita menang akibat dari peningkatan harga minyak. Tetapi kita bersimpati terhadap rakyat, kesengsaraan rakyat dan juga saya bersimpati, kalau tahun hadapan, kalau harga minyak naik lagi, saya percaya separuh dari sana akan tidak dapat balik lagi selepas itu Parlimen pilihan raya yang akan datang. Itulah yang saya akan ucap tentang *result of Sarawak election*, dan saya akan masuk tajuk sekarang.

Saya ingin tahu sama ada sebelum kementerian membentang itu Rang Undang-undang ini, adakah satu *case study* dibuat berkenaan Vietnam? Penanaman dan pengeksportan lada oleh Vietnam, kerana Vietnam merupakan satu negara pengeksport lada yang terbesar di dunia ini. Dalam tahun 1996, kedudukan negara kita dari segi mengeksport lada adalah ketiga dalam dunia ini.

Pertamanya adalah India, keduanya Indonesia dan Vietnam, kedudukannya adalah keempat. Satu kedudukan di bawah kita dan kini Vietnam telah merupakan negara yang mengeksport terbesar lada di dunia ini dan dia mengeksport hampir 50% daripada pengeksport-pengeksport iaitu lada yang dieksportkan, *diconsume* di seluruh dunia. Adakah kerajaan kementerian telah ada membuat satu *case study* mengenai bagaimana Vietnam dapat membuat memaju sebegitu cepat? Iaitu *growth ratenya* adalah *growth rate*. *Growth ratenya* sejak 2003. *Growth rate from 1998 to 2003. Vietnam's pepper industry had an annual growth of 64% in it's total output and 56.5% in it's export margin.*

Ini menunjukkan satu kes yang begitu *clear* (jelas) bahawa bagaimana Vietnam memajukan bidang lada dan saya ingin tahu sama ada kerajaan ada menyelidik bagaimana Kerajaan Vietnam telah mencapai *success nya*? Salah satu sebab yang diberi oleh *Officer* di

*Planning Department of the Ministry of Agriculture dan Rural Development* di Vietnam, adalah *the success*, saya akan *quote* sini.

*“The success in pepper export growth was attributed to the country’s harvesting time of four to five months earlier than other country”.*

Itu adalah satu alasan yang telah diberi. Saya juga berasa tidak faham kerana tadi rakan saya telah menyebut bahawa untuk menanam pokok lada, penanam itu perlu kayu Belian tetapi di Vietnam tidak ada kayu Belian juga dan apakah kayu yang digunakan untuk menanam lada. *Point* kedua yang akan saya berikan adalah mengenai tujuan, matlamat Lembaga yang didirikan.

Adakah Lembaga ini bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeksport yang terbesar di dunia? *Take over the place of Vietnam as the largest exporter of lada* dan kalau ada apakah cara yang akan diimplementasikan dan di sini saya adalah berasa sedikit ajaib kerana menteri yang membentang, kementerian yang membentangkan Akta ini adalah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan bukannya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana menurut satu *survey* yang dijalankan, penanam-penanam lada semuanya adalah penanam-penanam kebun kecil dan bukannya penanam ladang yang *large scale estate* peladang.

Oleh itu, saya haraplah dengan kewujudan Lembaga ini, tumpuan-tumpuan haruslah diberi ke atas kebajikan penanam-penanam kebun kecil bukanlah supaya kerajaan dapat mewujudkan syarikat-syarikat yang besar dan akhirnya penanam-penanam kebun kecil ini kebajikan mereka terabai. *Point* ketiga yang saya ingin ucapkan adalah mengenai Seksyen 75 yang membubarkan Jemaah Pasaran Lada Hitam dan apakah sebab untuk membubarkan Jemaah Pasaran Lada Hitam dan setakat ini sebelum ia dibubarkan, apakah tahap kejayaan atau dia telah gagal dalam pelaksanaan tugasnya untuk memasarkan lada hitam, mengeksportkan lada hitam dan apakah *lesson that we can learn from the pass experience*. Hanyalah ketiga-tiga ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri sila gulung.

**4.24 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Anifah bin Haji Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu banyak jumlahnya yang telah pun menghadapi hujah-hujah, menghadapi hujah-hujah iaitu Yang Berhormat bagi Jasin, Sri Gading, Puchong, Maran, Jerai, Sri Aman, Beluran, Ketereh, Tangga Batu, Bandar Kuching, dan Pasir Puteh. Tuan Yang di-Pertua, nyata sekali bahawa di antara perkara-perkara yang penting yang telah pun diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu tiga perkara pokok iaitu:

- (i) matlamat dan fungsi Lembaga ini sama ada ianya akan berkesan atau sebaliknya;

- (ii) apakah bantuan-bantuan oleh kerajaan melalui kementerian ini kepada pekebun-pekebun kecil lada; dan
- (iii) pasaran dan juga harga lada yang boleh membela nasib pekebun-pekebun kecil lada terutamanya sekali di negeri Sarawak.

Untuk menjawab soalan-soalan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua memberikan sedikit gambaran tentang industri lada ini dan sebenarnya pengeluaran dan keluasan tanah tanaman lada di Malaysia ini iaitu negeri Sarawak pada tahun 2005 telah pun mengeluarkan sebanyak 19,000 tan metrik, Sabah hanya 16 tan metrik dan Semenanjung Malaysia hanya 95 tan metrik dan keluasan yang ditanam di Sarawak pada tahun 2005 ialah seluas 12,542 hektar, Sabah 16 hektar, Semenanjung Malaysia 32 hektar dan ini kelihatan perbezaan yang begitu besar di antara penglibatan penanam-penanam lada di negara kita ini.

Oleh itu tumpuan pada ketika ini adalah kepada negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin telah pun membangkitkan tentang kenapa harga lada kita ini ditetapkan oleh negara Singapura misalnya? Ini adalah sangkaan yang tidak tepat bahawa harga-harga lada dan juga komoditi-komoditi lain yang telah pun dipasarkan di antarabangsa adalah tertakluk kepada banyak faktor dan ianya bukanlah ditetapkan oleh sesebuah negara. Oleh itu untuk semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan isu-isu yang begitu panjang lebar dan apa yang saya katakan *central* isu dengan izin adalah dari segi aspek pemasaran dan juga fungsi Lembaga dan oleh itu mengapakah Lembaga ini dinamakan Lembaga Lada Malaysia dan adakah Lembaga ini akan bertanggungjawab ke atas lada cili, di antara soalan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman dan juga Beluran.

Lembaga ini dinamakan Lembaga Lada Malaysia untuk memberi persefahaman yang Lembaga ini adalah bertanggungjawab ke atas Industri Lada Malaysia. Seperti yang ditafsirkan dalam Akta tersebut lada ertinya:

*“spesies tumbuhan Piper nigrum Linnaeus, beri lada atau apa-apa bahagian daripadanya, dan termasuklah kacukan spesies ini, kacukan yang terhasil daripada pengacukan spesies dan kacukan ini dengan apa-apa spesies atau kacukan tumbuhan lain dalam bentuk spesies atau kacukan ini yang dihasilkan daripada kejuruteraan genetik”.*

Oleh itu Lembaga Lada Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas lada cili tetapi ia tidak menghadkan Lembaga dari menceburi dalam perniagaan lada cili. Untuk kita menjelaskan tentang penubuhan Lembaga ini apakah kehendak negara dalam pengeluaran lada. Lada merupakan komoditi yang paling sesuai untuk ditanam di Sarawak dan di mana infrastruktur seperti di jalan raya, pengaturan komunikasi dan sebagainya adalah terhad. Ini adalah kerana biji lada apabila ia di kering dan disimpan dengan sempurna, boleh disimpan untuk jangka masa

yang agak lama sehingga lebih daripada 10 tahun. Pada masa ini seramai hampir 70,000 keluarga tani di Malaysia terutamanya di Sarawak telah menceburi dalam penanaman lada sebagai sumber pendapatan utama mereka.

Untuk menjamin keselamatan kehidupan mereka adalah wajar bagi Lembaga Lada Malaysia diwujudkan untuk memastikan pembangunan industri lada Malaysia diselidikan dengan lebih berkesan. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga berusaha untuk membawa industri lada Malaysia ke satu tahap yang lebih tinggi dalam rantai nilai iaitu membawa industri tersebut dari mengeksport lada mentah ke pengeksportan lada istimewa. Selain dari mengelak dari persaingan secara terus dengan negara pengeluar lain yang ada berkos rendah yang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tentang Vietnam secara terus dengan negara pengeluar lain yang ada yang berkos rendah itu potensi dan harga yang ditawarkan oleh pasaran lebih tinggi, *a market* adalah lebih baik.

Memandangkan kepentingan penanaman lada kepada segolongan besar petani di Sarawak dan kebolehan lada untuk disimpan lama, kerajaan akan terus menggalakkan pengeluaran lada. Di dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN-3), kerajaan akan cuba menggalakkan pengeluaran lada kepada sekitar 30 ribu tan metrik dengan luas kawasan seluas 13 ribu hektar.

[Timbalan Yang di-Pertua Datuk Lim Si Cheng ***mempengerusikan mesyuarat***]

Yang Berhormat bagi Sri Gading juga telah membangkitkan tentang masa hadapan lada ini. Sri Gading telah pun mengatakan bahawa lada putih dan lada yang telah juga satu ketika dahulu ditanam di Johor besar-besaran tenggelam timbul dan tenggelam dan apakah ianya penanaman lada di Semenanjung Malaysia ini dianaktirikan? Dan apakah prospek masa depan industri lada? Untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran lada dunia dijangka akan terus berkurangan pada beberapa tahun yang akan datang kerana harga pada tahap yang rendah sejak tahun 2000 dan kenaikan harga komoditi lain telah menyebabkan penanaman lada, mengaibkan dan pengeluaran lada bagi semua negara pengeluar pun mengalami kemerosotan.

Akan tetapi penggunaan lada dunia dijangka akan berkembang sebanyak 4% hingga 5% setahun. Ini akan menyebabkan kekurangan bekalan pada tahun 2006 sebanyak 29,680 tan. Walau bagaimanapun pasaran lada pada satu atau dua tahun ini dijangka tidak akan bergerak mendadak kerana terdapat stok di pasaran antarabangsa yang mampu memenuhi keperluan. Sementara itu pasaran lada antarabangsa kini bergerak kepada pengimportan lada berkualiti atau produk bersih bagi bersih dari segi pencemaran mikro biologi atau racun serangga. Jabatan Pemasaran Lada Hitam dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga Kelapan telah berjaya melabur dan memasang loji pensterilan lada dan loji pengisian lada sebagai tambahan

kepada mesin-mesin pemprosesan lain untuk mengeluarkan lada yang berupaya memenuhi kehendak pasaran.

Dengan usaha gigih JPLH lada Sarawak, jenama bagi lada dari Malaysia telah memperolehi reputasi sebagai lada terunggul di pasaran lada antarabangsa sebagai lada yang berkualiti. Dan Jasin juga telah membangkitkan tentang apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk memastikan pekebun-pekebun kecil kita akan mendapat harga yang setimpal dengan usaha mereka. Harga lada tempatan pada masa ini mengikut ...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Masalah pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Berkongsi?

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Sri Gading?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tekan sekali lagi. Tekan kanan, keluar kiri, tak apalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Timbalan Menteri. Saya mendengar jawapannya dengan penuh ketenangan, itu menunjukkan orangnya pun tenang. Dan pasaran lada hitam itu, lada putih pun agaknya tenanglah setenang Timbalan Menteri. Kita tahu lada hitam kalau di Malaysia, saya tidak tahu di negara-negara lain, penggunaan yang terbesar ia menjadi bahan rempah ratus dalam makanan. Dan Jerai selalu menggunakan lada hitam hanya ketika dia makan telur separuh masak. Kita makan telur separuh masak, Jerai selalu begitulah pakai lada hitam. Jadi kegunaan kita dan setengah bomoh pakai lada hitam ini untuk halau hantu. Kalau hantu itu, dipicit ibu jari, polong dan sebagainya takut dengan lada hitam inilah. Tidak tahulah dalam masyarakat Cina.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apakah tujuan Yang Berhormat sebut perkara ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya nak sampai kepada soalan itu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Ketawa].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jerai, atas mana satu Peraturan Mesyuarat? Bangun?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak ini saya bercerita sedikit sebanyak penggunaan lada hitam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payah ceritalah, teruskan soalan kepada Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Akan sampai Tuan Yang di-Pertua, boleh Tuan Yang di-Pertua bersabar sedikitlah. Jadi terhad sangatlah penggunaannya. Dan itu sebabnya permintaan dunia pun akan menurun. Ada tidak satu kajian dan sebagainya yang

dibuat macam mana agaknya hendak menambah kepelbagaian, betul bahasa saya itu? Berbagai penggunaan, agaknya boleh ke buat peluru, campuran untuk bahan letupan, ataupun apa-apalah yang menyebabkan permintaan kepada lada hitam ini, serbuk lada hitam atau lada hitam atau lada putih ke meningkat. Dan kalau meningkat agaknya ada tidak peluang dari segi kementerian kita menggalakkan supaya 70 ribu itu, petani-petani yang terlibat dengan tanaman lada hitam ini dipertingkatkan. Ada tidak? Bagaimanakah masa depan dalam perancangan kementerian tentang lada hitam ini? Terima kasih.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya saya telah pun menyediakan jawapan itu tapi belum sampai tentang penyelidikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itulah Yang Berhormat Sri Gading tidak boleh bersabar.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Tentang penyelidikan dan mempelbagaikan kegunaan lada hitam supaya ianya dapat kita usahakan. Walau bagaimanapun saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading kerana begitu prihatin tentang pekebun-pekebun kecil kita. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan perkara yang telah dibangkitkan oleh Jasin dan saya akan kembali kepada Sri Gading apabila sampai ke penyelidikan R&D.

Saya ulangi Tuan Yang di-Pertua, harga lada tempatan pada masa ini mengikut rapi dengan keadaan pasaran lada antarabangsa. Sejak berada di tahap yang tinggi pada tahun 1995 hinggalah 1999, di mana harga lada hitam mampu mencapai sehingga RM1,870 per 100kg bagi lada hitam dan RM2,330 per 100kg bagi lada putih pada tahun 1999. Berbanding dengan RM506 per 100kg dan RM377 per 100kg pada tanggal 21 Jun 2006 bagi lada hitam dan lada putih masing-masingnya. Harga lada biasa akan melalui 10 tahun *recycle* iaitu harga akan naik selama lima tahun dan lima tahun seterusnya di mana harga akan menurun. Walau bagaimanapun *recycle* ini telah dipanjangkan sekarang kerana kemunculan negara-negara pengeluar terutamanya Vietnam dan Equador yang menyebabkan lebih bekalan berterusan lebih lama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini, langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pemasaran Lada Hitam dan akan diambil oleh Lembaga ini untuk mengatasi masalah-masalah harga yang menurun adalah di antaranya seperti pertama, menggalakkan pengeluaran lada istimewa seperti lada berkualiti eksport, lada putih krim dan lada bersih asli. Jabatan Pemasaran Lada Hitam dan selepas itu Lembaga akan meneruskan projek untuk memberi bantuan khidmat nasihat dan peralatan pemprosesan asas seperti pengipas separuh separator, membanting tangki rendaman dan sebagainya supaya para pekebun lada boleh mengeluarkan lada istimewa tersebut yang mampu memperolehi harga premium berbanding dengan lada bergred biasa. Untuk lada putih krim harga pembelian yang ditawarkan oleh JPLH ialah RM12 satu kilogram berbanding dengan RM7.77 sekilogram bagi lada putih biasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Aman.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Ya, silakan Sri Aman.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bercakap tentang lada putih, saya ingin tahu sama ada 9kementerian ada memberi khidmat nasihat kepada pemprosesan lada putih? Oleh kerana saya nampak, saya cium lada putih ini bau busuk yang kadang-kadang yang dipasarkan.

Jadi sebab lada putih ini berbau busuk, apabila dalam memproses mendapat lada putih, lada yang berkulit itu direndam di perigi atau pun di tempat di mana air tidak mengalir, kerana itu bau busuk. Untuk mendapatkan kualiti lada putih kelas pertama, yang tidak ada bau, yang bau harum, patut direndam di sungai atau di tempat air yang mengalir. Jadi saya rasa ini adalah satu kelemahan yang ketara. Jadi saya hendak tahu sama ada, adakah tidak khidmat nasihat diberi kepada orang yang dalam industri ini tentang hal ini.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat bagi Sri Aman. Inilah satu-satu tujuan utama kita untuk menubuhkan Lembaga Lada Malaysia ini, di antaranya ialah untuk memberi tunjuk ajar dan juga bimbingan-bimbingan apa yang diperlukan, yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Kenapa kita membubarkan Lembaga Pemasaran Lada Hitam ini dan menubuhkan Lembaga Lada Malaysia ini, oleh sebab skop yang dilaksanakan atau pun tumpuan Lembaga Pemasaran Lada Hitam itu ialah semata-mata untuk mempromosikan pemasaran lada hitam dan di antara tujuan kita tubuhkan Lembaga Lada Malaysia ini, di antaranya ialah untuk memberi khidmat nasihat yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, dan kita berharap melalui penubuhan lembaga ini, kita akan dapat memberi khidmat nasihat dan juga R&D yang begitu penting untuk kita, bukan sahaja dapat mempromosikan dengan berkesan, tetapi juga mempelbagaikan produk-produk lada kita.

Dan Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam hendak memberikan kualiti yang baik kepada lada. Seperti Yang Berhormat bagi Sri Aman, kaedah memproses lada ini harus agaknya dimodenkanlah.

Macam tadi kata rendam dalam air yang tidak berarus, menyebabkan baunya busuk, harus agaknya direndam dalam suatu keadaan air yang mengalir, tetapi air mengalir ini takut pula nanti dia...ada kaedahnyalah. Cuma soal masa, terlampau lama ini, dua minggu, hendak rendam ini, hendak mengasingkan antara kulit dan apa dia ini? Hingga kulit dia itu buruk, jadi masa sebenarnya ialah, masa ialah harga, masa ialah nilai, masa ialah wang ringgit. Jadi petani-petani kita terpaksa menggunakan masa yang begitu panjang dan harganya kalau RM18, RM17 satu kilogram dia tidak memadai dengan tenaga yang digunakan sampai 15 hari. Jadi, agaknya lembaga ini esok, macam Yang Berhormat bagi Sri Aman punya hasrat itu, dan boleh jadi semua

kita yang faham tentang lada ini, agaknya macam mana kaedah-kaedah pemodenan ini, supaya lebih mudah, lebih lekas dan ini boleh meningkatkan ekonomilah.

Saya berharap sangat apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri itu, benar-benar akan diambil oleh lembaga ini dan juga jabatan yang berkenaan. Supaya apa yang diperkatakan di Parlimen ini, atas kehendak Ahli-ahli Parlimen, pandangan Ahli-ahli Parlimen diambil kira supaya petani-petani lada hitam yang terpinggir selama ini, terbiar, diberi wadah baru dengan segala bantuan yang baru dan akan memberikan harapan yang baru dan ini juga akan memberikan kebaikan, pulangan yang baik kepada negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saranan-saranan yang terhormat itu adalah antara matlamat-matlamat utama, kenapa kita hendak menubuhkan Lembaga Lada Malaysia ini. Dan apabila penubuhan ini telah pun diluluskan dalam kedua-dua Dewan ini, maka dapatlah kita untuk mengurus dan mengatur, terutama sekali menghayati dan keprihatinan kita terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil lada ini. Dan kita daripada penyelidikan kita, betapa pentingnya Lembaga Lada Malaysia ini diwujudkan supaya dapat membantu apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

Dan tentang pelaksanaannya pula, daripada terma rujukan dan lain-lainnya, kita akan selesaikan selepas ini, yang penting bahawa akta ini dapat diketengahkan dan dapat diluluskan dan bolehlah kita mengatur dengan sebaik mungkin, supaya pekebun-pekebun kecil kita dan sasaran-sasaran yang tertentu dapat manfaat apa yang telah pun diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional kita.

Dan menyambung semula tentang cara-cara lembaga ini untuk mengatasi masalah harga iaitu yang kedua Tuan Yang di-Pertua, iaitu menggalakkan penggunaan lada dalam negeri. Penggunaan lada dalam negara sekarang adalah pada tahap yang agak rendah berbanding dengan negara lain. Pada tahun 2005, penggunaan lada dalam negara dianggarkan sebanyak 2900 tan dan 3200 tan pada tahun 2006. Jabatan Pemasaran Lada Hitam dan Lembaga Lada Malaysia selepas ini akan terus menggalakkan penggunaan lada melalui pelbagai program seperti kempen penggunaan lada, pameran sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan dan sebagainya. Promosi bersama hotel, pasar raya dan sebagainya untuk meningkatkan penggunaan lada. Adalah dimatlamatkan sebanyak 5000 tan lada akan digunakan dalam negara pada tahun 2010.

Dengan langkah ini, adalah dianggarkan bahawa industri lada tempatan tidak akan tergantung kepada pasaran lada antarabangsa dan turun naiknya harga dijangka akan lebih dapat kita kawal dengan berkesan.

Dan oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan juga Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman, Yang Berhormat bagi Sri Gading supaya lebih

banyak lagi menggunakan lada, makan lada, ini adalah secara langsung kita juga boleh membantu kepada pekebun-pekebun kecil kita dan bukan setakat hanya makan cili sos daripada lain-lain tetapi juga lada yang kita maksudkan ini...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Silakan Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta maaf. Apa hal pembesar suara ini Tuan Yang di-Pertua, ini patut kena lada pembesar suara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mungkin Yang Berhormat selalu tekan kuat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak tekan kuat Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak kuat, tetapi mesti kuat juga tekan Tuan Yang di-Pertua, tidak tekan kuat macam mana dia hendak keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apalah, saya akan lihat, dan perkara ini akan diperbaikilah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *Okay*, berbalik kepada Timbalan Menteri. Lada ini tidak ada orang buat iklan, supaya banyak makan lada hitam. Makan lada hitam ini sebenarnya memberikan satu daya kekuatan dalam badan, dia boleh memanaskan badan Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu, telur juga memberikan kekuatan, letak lada hitam, jadi lebih kuat, lebih umph!. Antara Melayu, Cina, India kaum mana yang kuat sekali makan lada Tuan Yang di-Pertua? Lada hitam ini, orang India suka makan kari, ada campur sikitlah. Bangsa mana itu, kalau di Malaysia, ini dalam penggalakan penduduk Malaysia supaya banyak makan lada hitam jangan makan lada-lada yang lain. Antara Melayu, Cina, India ada tidak perangkaan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, mana yang paling banyak makan? Tuan Yang di-Pertua kita memang tidak banyak makan lada hitamlah, agak sayalah, fasal orang Cina suka...tetapi orang Cina suka sup-sup ini pun kalau tambah lada hitam lebih baik Tuan Yang di-Pertua. Muka boleh merah, darah berjalan, baik untuk lelaki, tetapi baik juga untuk perempuanlah agak sayalah. Tetapi tidak tahulah kalau Timbalan Menteri ada perangkaan lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini kita belum ada membuat kajian tentang suku-suku kaum atau pun bangsa-bangsa yang telah pun menggunakan lada lebih daripada suku-suku kaum yang lain. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat bagi Sri Gading ingin membuat sesuatu kajian, sila berikan kepada kementerian....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh, nanti Yang Berhormat bagi Sri Gading menjalankan tugas itulah.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Ya, jadi saya akan serahkan kepada Yang Berhormat Menteri, supaya Yang Berhormat bagi Sri Gading kita gunakan untuk mempromosikan atau mengiklankan lada-lada ini. Supaya muka yang sihat, suara yang baik, menyanyi getaran jiwa dan sebagainya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Sudah keluar, lambat. Ini *mike* pun sudah mahu kena lada baru kuat. Saya hendak tahu, tadi khasiat-khasiat yang saya bagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah khasiat yang telah dapat pihak kementerian buat kajian tentang kegunaan lada ini selain daripada cita rasa yang begitu nikmat. Kalau musim sejuk, kita kena lada, dia boleh *steam up*. Jadi tentu pihak kementerian sudah ada khasiat-khasiat ini, kalau tidak macam mana hendak buat *marketingkan*? Jadi yang saya bagi tadi benda-benda yang cukup baik yang saya kaji dengan Yang Berhormat bagi Arau. Yang Berhormat bagi Arau sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pakar fasal lada ini. Dia patut jadi pengerusi lembaga ini, kena bagi kat dia pengerusi lembaga Datuk Menteri. Datuk Menteri ada, [*bercakap bahasa Cina*] dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Bagilah dekat Yang Berhormat bagi Arau, dia boleh buat kerja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Dengan izin. Jadi boleh tidak pihak kementerian tolong menjawab sedikit supaya saya balik ini saya habaq, *breakfast* kita pakai telur setengah masak, kita tuang lada kot atas, kita pukui naik, A *one* datuk, idea datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat selalu makan ya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Saya hari-hari - pagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu fasal Yang Berhormat cerdik sangat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** *Especially* hari Khamis malam Jumaat, pagi Jumaat saya makan lada.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Ya, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya ingat ini di antara ... sekarang Ahli Yang Berhormat, kita baru hendak menubuhkan Lembaga Lada Malaysia ini dan penyelidikan-penyelidikan yang telah pun kita jalankan pada masa-masa yang lalu, yang lalu saya katakan tadi kita lebih daripada melalui JPLH ini, kita sudah menumpukan pada pemasaran dan oleh kerana arahan Jemaah Menteri supaya kita meluaskan lagi skop termasuk penyelidikan-penyelidikan seumpama ini, maka melalui penubuhan Lembaga Lada Malaysia ini, insya-Allah apabila kita membuat penemuan-penemuan lain daripada apa yang telah diamali oleh Yang Berhormat itu, kita akan sebarkan secara berleluasa supaya boleh lebih meningkatkan lagi apa Yang Berhormat rasakan pada masa kini, dan kita juga akan meminta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Arau yang selalu senyum, sihat dan gagah.

Barangkali ada juga khasiat-khasiat yang dipegang sendiri oleh Yang Berhormat bagi Arau. Kita juga akan meminta supaya ianya akan memberi pada Lembaga Lada Malaysia ini dan

Yang Berhormat bagi Beluran juga ada menyebut bahawa lada yang diperbahaskan di sini adalah cili. Untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang ini hanya menyentuh industri lada yang ditakrifkan sebagai satu tumbuhan dan hasil tumbuhan jenis *pepper 'neglimelinus'* yang biasanya menghasilkan lada hitam dan lada putih dan tidak ada sebarang kaitan dengan jenis lada lain seperti cili hijau atau cili merah. Saya ingat Yang Berhormat bagi Jerai tadi makan selalu lada hitam, tetapi bagai mana dengan cili hijau atau merah. Tetapi di sini kita bukan cerita fasal cili hijau atau cili merah biarpun muka Yang Berhormat merah apabila makan lada hitam tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Aman juga ada membangkitkan perkara mengenai jenis kayu lain yang boleh digunakan sebagai tiang sokong dan juga Yang Berhormat bagi Santubong. Tuan Yang di-Pertua, mana Ahli Yang Berhormat bagi Santubong?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia sudah keluar.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Dia sudah keluar, dia banyak soalan tetapi sudah keluar. Dia tidak begitu hendak mendengar jawapan daripada kementerian. Yang Berhormat bagi Sri Aman, untuk makluman Yang Berhormat penyelidikan telah dijalankan dan telah menunjukkan bahawa pokok hidup jenis '*gliseria*' ini dan simpuk boleh digunakan sebagai tiang sokong. Dan Yang Berhormat bagi Sri Aman dan Yang Berhormat bagi Larut juga membangkitkan mengenai bantuan yang diberikan kepada pekebun-pekebun lada. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan telah pun meluluskan bantuan sebanyak RM84.5 juta bagi tempoh 2005-2010 dalam bentuk baja, racun, alat-alat pemprosesan kecil dan bahan tanaman dan khidmat nasihat kepada pekebun.

Yang Berhormat bagi Sri Aman juga membangkitkan mengenai wakil dari kaum Dayak di dalam Lembaga Lada Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat dalam rang undang-undang yang baru ini juga, negeri Sarawak akan diwakili oleh sekurang-kurangnya empat orang ahli dalam lembaga dan pekebun-pekebun pun boleh dilantik sebagai ahli termasuk dari kaum Dayak dan saya percaya oleh kerana Yang Berhormat Menteri kita juga datang dari Sarawak, kita juga akan menunggu cadangan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak supaya orang-orang yang betul-betul layak sahaja dapat menganggotai lembaga ini supaya ianya memberi sumbangan yang begitu berkesan supaya pekebun-pekebun kecil kita dapat manfaat daripadanya dan bukan yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kekhawatiran bahawa ada orang yang cuma untuk memanas kerusi dan tidak turun ke bawah dan bukan pakar yang boleh menyumbang kepada perkembangan Lembaga Lada kita ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Jerai, Sri Aman, Jasin, Beluran ada membangkitkan perkara mengenai penyelidikan yang akan dijalankan oleh Lembaga Lada Malaysia dalam meninggikan hasil dan juga mengurangkan kos pengeluaran. Untuk makluman Yang Berhormat, lembaga ini akan mempergiatkan lagi usaha untuk meningkatkan penyelidikan dalam penanaman dan pengeluaran serta pemasaran. Di antara lain, penyelidikan untuk meningkatkan produktiviti

dan mempelbagaikan produk-produk daripada lada hitam dan lada putih. Sistem penanaman baru seperti penanaman lada secara berkelompok akan diusahakan di kawasan-kawasan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai juga ada menyentuh mengapa skop rang undang-undang ini tidak merangkumi aktiviti penanaman dan penyelidikan. Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam rang undang-undang ini, hanya kuasa pengawalseliaan sahaja yang tiada bagi penanaman dan penyelidikan tetapi di bawah Fasal 4 Fungsi Lembaga adalah termasuk menjalankan penyelidikan lada. Aktiviti penanaman dan juga penyelidikan masih boleh dijalankan di bawah Rang Undang-undang Lembaga Lada Malaysia 2006 cuma ia tidak memperuntukkan kuasa untuk mengawal selia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai juga ada membangkitkan perkara mengenai apakah usaha-usaha yang akan dilakukan oleh Lembaga Lada Malaysia untuk mempelbagaikan produk lada yang sedia ada. Untuk makluman Yang Berhormat, hasil lada hitam dan lada putih adalah berpotensi untuk digunakan sebagai perisa dan pengawet, minyak wangi dan kosmetik seperti Yang Berhormat sebutkan tadi termasuk *after shave*, dengan izin dan hasil-hasil perubatan yang lain. Perubatan apa Yang Berhormat? Setakat ini saya belum tahu lagilah. Kemungkinan ada yang perubatan-perubatan juga baik untuk kaum lelaki.

Sehubungan dengan itu, usaha-usaha penyelidikan akan dipergiatkan lagi untuk menggalakkan potensi ini yang belum diterokai sepenuhnya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ketereh ada membangkitkan mengenai sama ada Lembaga Lada Malaysia akan menjaga kepentingan pekebun atau tanaman itu. Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam menggubal rang undang-undang, kepentingan pekebun memanglah di ambil kira dan segala program dan aktiviti lembaga ini akan mengutamakan kepentingan pekebun-pekebun kecil.

Oleh itu, ada peruntukan untuk mengawal dan menggalakkan pemasaran untuk meningkatkan produktiviti, penyelidikan tanaman dan tunjuk ajar cara-cara penanaman baru menggunakan hasil penyelidikan akan diberi tumpuan sepenuhnya. Dalam erti kata lain, kita jaga pekebun kita dan juga produk pun kita majukan supaya ianya membawa manfaat kepada pekebun-pekebun kecil kita. Bagi mengakhiri, Yang Berhormat bagi Santubong telah pun membangkitkan beberapa isu dan cadangan supaya pejabat MPB yang baru perlu dilengkapi dengan alat-alat pejabat bersesuaian.

Ini kita ambil maklum buat masa sekarang, JPLH sedang berusaha untuk meningkatkan kemudahan penyelidikannya. Dan Ahli Yang Berhormat bagi Santubong juga bertanya, bilakah MPB akan berfungsi dan pejabat cawangan pertama di mana akan dibuka dan berapakah sumber kewangan dan daripada manakah sumber ini, dan untuk makluman Yang Berhormat, buat permulaan MPB akan mengambil alih semua pejabat JPLH termasuk ibu pejabat di Kuching dan pejabat cawangannya di Serian, Sri Aman, Betong, Sarikei, Bitangor, Sibul, Bintulu, Miri dan

Johor Bahru. JPLH akan dimansuhkan dan akan ditukarkan kepada MPB sebaik sahaja rang undang-undang ini diluluskan dan dimansuhkan.

Sebagai sasaran kita, pertukaran ini akan dapat dilaksanakan pada penghujung tahun 2006. MPB akan beroperasi dengan gerakan daripada Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat bagi Santubong juga mencadangkan lembaga perlu termasuk orang yang terlibat secara langsung dalam industri lada baik dari penanaman, pemprosesan dan sebagainya. Ini telah pun juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman dan telah pun saya jawab dan kita akan mengambil kira semua isu-isu yang dibangkitkan untuk kebaikan industri lada ini.

Yang Berhormat bagi Santubong dan juga Yang Berhormat bagi Parit ada membangkitkan tentang stok menimbal. Kita di JPLH telah pun menubuhkan satu Skim Penyimpanan Dan Pemilikan Lada (SPPL) yang telah pun diperkenalkan oleh JPLH dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan akan terus dilaksanakan oleh lembaga untuk memberi ruang penyimpanan kepada pekebun semasa menunggu kenaikan harga. Dengan skim ini, para pekebun boleh menyimpan lada mereka dengan JPLH dan lembaga selepas itu dan satu sijil pemilikan akan dikeluarkan.

JPLH akan memastikan lada tersebut disimpan dengan sempurna dan para pekebun boleh menjual lada mereka pada bila-bila masa dengan memberi notis kepada JPLH. Selepas Lembaga Lada akan mengambil alih, maka ianya akan dilaksanakan oleh Lembaga Lada Malaysia. Sekiranya para pekebun memerlukan wang dan tidak mahu menjual lada mereka, mereka bolehlah menggunakan sijil sebagai cagaran untuk mendapat pinjaman dari Bank Pertanian. Skim ini diperkenalkan supaya para pekebun boleh mendapat harga yang lebih lumayan.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu mencadangkan supaya pegawai-pegawai MPB terdiri daripada ahli-ahli pakar dan profesional. Memang hasrat Rang Undang-undang ini untuk memperkasakan lagi industri lada. Salah satu cara ialah untuk meningkatkan kepakaran penjawat-penjawat dalam *Malaysian Pepper Board*. Pada masa sekarang, terdapat beberapa pegawai yang mempunyai kemahiran tertentu dalam bidang penyelidikan tanaman, penyakit tanaman, pemasaran, penjaga kualiti yang sedang berkhidmat dalam JPLH dan Jabatan Pertanian Sarawak. Untuk meningkatkan penyelidikan, Rang Undang-undang ini membolehkan lembaga bekerjasama dengan pihak tertentu termasuk IPTA dan badan-badan penyelidikan lain.

Yang Berhormat bagi Jerai juga telah pun membangkitkan perkara mengenai kajian oleh orang-orang tua bahawa lada adalah satu ubat yang sesuai untuk kencing manis dan minta MPB untuk membuat kajian. Penggunaan dalam bidang perubatan adalah satu bidang kajian yang akan dibangunkan untuk menghasilkan bahan perubatan dari ekstrak lada. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh mencadangkan kajian bio-teknologi untuk menghasilkan biji lada yang lebih besar. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ini. Apabila

tertubuhnya lembaga ini, penyelidikan bio-teknologi akan diberikan keutamaan, bukan hanya untuk menghasilkan biji lada yang lebih besar tetapi juga berciri istimewa seperti biji yang mengandungi kandungan *peperin* yang tinggi.

Untuk makluman, *peperin* adalah satu jenis kimia yang terdapat dalam ekstrak lada yang mempunyai banyak kegunaan, bukan sahaja dalam makanan tetapi juga dalam industri kosmetik. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh juga mencadangkan supaya sebagai *alternative crop* kepada tembakau terutamanya bagi penanaman tembakau di Kelantan, KPPK diperlukan untuk membuat kajian tanah ataupun *short survey* bagi kesesuaian tersebut. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan kita akan mengambil mengenai cadangan tersebut.

Yang Berhormat bagi Santubong juga mencadangkan supaya pejabat MPB bukan sahaja di satu tempat, tetapi di merata-rata tempat supaya lebih berkesan di setiap tempat, di mana ada lada hitam ditanam. Oleh kerana Sarawak merupakan pengeluar utama lada di Malaysia, ibu pejabat MPB akan diletakkan di Kuching dan pada masa ini terdapat sembilan cawangan lain yang terletak di Serian, Sri Aman, Betong, Sarikei, Bintulu, Sibuan, Bintulu Miri dan yang telah pun saya terangkan tadi.

Yang Berhormat bagi Santubong juga mencadangkan agar penyelidikan untuk klon-klon yang terbaik dengan kerjasama MARDI. Pusat penyelidikan pertanian 'Semonko', Jabatan Pertanian Sarawak mempunyai program penyelidikan untuk mengeluarkan klon-klon yang berkualiti tinggi dan tahan penyakit. Yang Berhormat bagi Santubong juga telah pun mengutarakan sama ada benar satu sindiket yang memaksa pekebun kecil kita dengan menjual produk mereka harga yang murah.

Untuk makluman Yang Berhormat, sindiket seperti ini tidak wujud sama sekali. Malah, harga yang dalam sebulan ini telah naik daripada RM440 ke RM500 sekilogram. JPLH sentiasa memantau kegiatan tidak sihat ini dan sekiranya Ahli Yang Berhormat ada mendapat maklumat-maklumat yang boleh kita gunakan, saya memohon supaya Yang Berhormat memanjangkan maklumat itu supaya kita boleh membuat penyiasatan dan menyerahkannya kepada pihak-pihak yang tertentu yang boleh membuat penyiasatan secara lanjut.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga telah mencadangkan supaya MPB membantu petani untuk mencapai hasrat Dasar Ekonomi Baru. Kita menerima cadangan ini dan salah satu program yang dijalankan adalah menggalakkan para pekebun menceburi dalam perniagaan lada melalui skim pelesen angkat. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching kenapakah JPLH di bawah KPPK dan bukan di bawah... [Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuching tidak ada dia kata, Bandar Kuching.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Bandar Kuching, ya. Kuching tidak ada. Tikus sudah masuk? [Ketawa] Ooh, tangkap tikus.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Menyampuk]

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Yang Berhormat jangan salahkan. Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, dia ini budak baru. Menang sekali, begitu ghairah sekali dan memanglah kalau orang-orang muda, budak-budak ini, apabila mendapat sesuatu, dia memanglah begitu senang sekali. Tetapi yang sebenarnya, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ini, saya ingat dia belum faham dengan politik. Dia ingat masalah utama dia menang pasal harga minyak. Kalau kita lihat, kalau kita bandingkan harga minyak, kita adalah yang terendah di rantau ini Ahli Yang Berhormat. Tetapi tidak apalah, kita maafkan Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Dia banyak lagi perlu dia pelajari.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Yang Berhormat pun duduk diamlah, duduk sekejap. Nanti saya kena lada, bagi lada sudah pedas Yang Berhormat. Dengan kepentingan pengguna dan kenapa JPLH di bawah KPKK dan bukan di bawah Kementerian Asas Tani? Dengan kepentingan pengumuman Kabinet pada tahun 2004, JPLH dipindahkan kepada KPKK kerana peranan lada sebagai eksport utama komoditi seperti lain-lain komoditi seperti getah, koko dan juga kayu-kayan dan sawit. Untuk pengetahuan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa di antara apakah kedudukan industri lada Malaysia berbanding negara-negara lain dan juga ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching mengatakan kenapa Vietnam begitu berjaya sekali untuk meningkatkan dan eksport lada mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa lada, kita telah mengoptimumkan tanah-tanah kita bahawa adakah Yang Berhormat tahu kita di antara pengeluar utama produk-produk sawit, termasuk minyak sawit mentah di dunia dan ini menunjukkan bahawa kita telah mempelbagaikan tanaman, bahawa persaingan tanah juga harus kita ambil kira dan ada di antara pengusaha-pengusaha yang lebih mirip untuk menanam kelapa sawit atau koko dan getah dan lada ini adalah pilihan pengusaha-pengusaha tertentu dan di antara faktor-faktor utama yang diambil kira ialah pulangan dan juga kesesuaian tanah dan iklim.

Ingin juga saya memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada tahun 2006 pengeluaran lada dunia adalah dianggarkan sebanyak 255,200 tan dan manakala penggunaan adalah dianggarkan sebanyak 294,880 tan dan di antara negara-negara pengeluar utama lada yang disebutkan tadi Vietnam mengeluarkan sebanyak 87,000 tan, India - 45,000 tan dan Brazil - 35,000 dan Indonesia - 25,000 tan manakala Malaysia mengeluarkan 21,000 tan dan China - 20,500 tan dan Sri Lanka - 14,000 tan. Ini bermakna Malaysia adalah pengeluar ladang yang kelima terbesar di dunia dan kita mengharapkan bahawa dengan usaha yang akan kita pertingkatkan lagi melalui lembaga ini, maka kita akan menjadi di antara pengeluar-pengeluar utama dunia dan dapatlah kita membantu pekebun-pekebun kecil kita, untuk bukan sahaja mengeksport lada tetapi juga untuk mempelbagaikan dan meningkatkan pendapatan mereka.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengutarakan cadangan-cadangan dan mana-mana cadangan-cadangan yang belum dapat sempat saya jawab pada hari ini, Insya-Allah kita akan ambil kira. Dan kita berharap bahawa dengan adanya tertubuhnya Lembaga Lada Malaysia ini, maka kita dapat lagi membantu pekebun-pekebun kecil kita terutama sekali penduduk-penduduk di luar bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 87** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (PINDAAN) 2005**

### **Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga**

#### **5.13 petang.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan Majlis Peperiksaan Malaysia mengendalikan peperiksaan lain selain daripada peperiksaan yang bersifat akademik yang perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peperiksaan Malaysia telah ditubuhkan sebagai badan berkanun dengan berkuat kuasanya Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 iaitu Akta 225 bagi maksud mengelolakan peperiksaan-peperiksaan tertentu dan untuk membuat peruntukan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Majlis Peperiksaan Malaysia telah mengendalikan

peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia sejak tahun 1982 iaitu selepas peperiksaan ini semula diambil alih daripada University of Cambridge Local Examinations Syndicate .

Di samping itu, Majlis Peperiksaan Malaysia juga mengendalikan ujian Malaysia Universiti Inggeris Test sejak tahun 1999. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 Akta 225 telah dipinda sebanyak tiga kali. Pindaan kali pertama ialah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia Pindaan 1985. Pindaan ini dibuat untuk memberikan peruntukan atau perbekalan tambahan khususnya tentang pemeliharaan keselamatan peperiksaan. Pindaan kali kedua ialah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1998. Pindaan ini menyentuh tentang takrif dan tata tertib terhadap pegawai dan penjawat Majlis Peperiksaan Malaysia. Pindaan ketiga menyentuh dua perkara iaitu kemas kini gelaran jawatan yang perlu dibuat supaya selaras dengan gelaran jawatan yang digunakan dalam Akta Pendidikan 1996 iaitu Akta 550. Dan juga pindaan bagi memperlengkapkan keanggotaan lembaga pengelola Majlis Peperiksaan Malaysia. Kali ini saya akan membentangkan pindaan yang kecil sahaja kepada Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980. Pindaan ini menyentuh tentang fungsi Majlis bagi membolehkan Majlis Peperiksaan Malaysia bagi mengendalikan peperiksaan lain selain daripada peperiksaan yang bersifat akademik.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin mengulas dan memperjelaskan pindaan dan tambahan kepada Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005. Pindaan dibuat dalam Seksyen 7 untuk memasukkan Sub Seksyen baru 7(5) dan (6) ke dalam Akta 225. Sub Seksyen (5) yang dicadangkan bertujuan untuk membenarkan Majlis dengan kelulusan Menteri mengelolakan peperiksaan lain di samping peperiksaan tertentu. Manakala subseksyen (6) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa kelulusan pengarah peperiksaan hendaklah diperolehi jika Majlis mengelolakan peperiksaan lain di samping peperiksaan tertentu yang berkaitan dengan perkara akademik.

Akta ini juga dipinda dengan memotong Seksyen 30 kerana seksyen ini tidak lagi diperlukan kerana Mahkamah Seksyen sekarang mempunyai bidang kuasa penuh terhadap kesalahan di bawah Akta 225. Subseksyen 31(d) Akta Ibu juga dipinda untuk membenarkan Majlis menetapkan *fee* atau caj berkeenaan dengan peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri ulasan saya ini dengan menekankan sekali lagi bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah untuk memperuntukkan bagi meluas fungsi Majlis Peperiksaan Malaysia dalam hal pengendalian peperiksaan. Iaitu mengendalikan peperiksaan yang bukan sahaja berkaitan dengan akademik tetapi juga peperiksaan lain seperti peperiksaan yang berkaitan dengan perkhidmatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk di bahas. Ya, Kepong.

### 5.20 ptg

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun hujah oleh Yang Berhormat tadi mengenai pindaan ini adalah begitu singkat, tetapi implikasinya sangat luas. Perkataannya hanya beberapa ayat sahaja tetapi ini memperluaskan fungsi dalam bidang Majlis Peperiksaan Malaysia. Kalau tidak silap saya ini untuk peperiksaan bagi perkhidmatan awam. Tetapi tidak ada disebutkan tadi. Ini bermakna tidak lengkaplah hujah Yang Berhormat tadi itu. *[Telefon bimbit kepunyaan Yang Berhormat bagi Kepong berbunyi] [Ketawa]*

Yang Berhormat bagi Arau, ada? *[Sambil memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Arau]* Oh, ya. Tengok, Yang Berhormat bagi Arau sekarang garang. Hendak humbankan kereta ke dalam laut. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang ada. Di Kuala Perlis tu. Yang Berhormat, kalau tidak silap saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *[Masih ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang pada suatu ketika, CUEPACS tidak bersetuju dengan peperiksaan yang diadakan untuk kakitangan kerajaan yang lebih daripada 1 juta orang itu, dan dia katakan pihak kerajaan tidak berfungsi dengan baik dan mempunyai banyak kelemahan sehingga merugikan kakitangan awam. Itulah dakwaan pada masa yang dahulu.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa peperiksaan sama ada akademik ataupun bukan akademik, ataupun peperiksaan untuk perkhidmatan tidak boleh dielak. Memang tidak boleh. Di negeri China pun pada zaman 1500 tahun yang lampau, ia bermula dengan peperiksaan untuk bahasa Mandarin. Pada masa itu, 1500 tahun dahulu itu, dari masa ke semasa ada orang yang mengatakan peperiksaan seumpama ini tidak adil dan ada banyak pertikaian. Walaupun Yang Berhormat bagi Arau tidak begitu suka kerana dia tidak menganggap peperiksaan akademik ataupun bukan akademik penting. *[Ketawa]* Tetapi ada orang termasuk profesor-profesor, dia tidak bersetuju kerana tidak ada cara yang lain untuk menilai seseorang.

Kalau kita hendak nilai bagaimana Yang Berhormat bagi Arau pakar dalam bidang pertanian, sama ada pertanian ini sesuai untuk North Carolina ataupun sesuai untuk Semenanjung Malaysia kita belum tahu lagi. Tetapi ...*[Telefon bimbit Yang Berhormat bagi Kepong berbunyi sekali lagi]* mahu tidak mahu peperiksaan adalah perlu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak tutup telefon?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sudah tutup dah. Sudah tutup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, ambil masa pun tidak apalah. Tutup baik-baik. *[Dewan bising seketika]*

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya tahulah itu. Yang Berhormat bagi Arau itu asyik dengan telefon bimbit saya saja, tidak ada kerja yang lain. *[Ketawa]* Jadi, saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab mengenai faktor-faktor yang merangsang pihak kementeriannya untuk mengadakan pindaan seumpama ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, nasib baiklah saya bukan menteri. Kalau saya menteri, saya pun tidak tahu hendak jawab. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Timbalan Menteri faham. Memang dia faham. Dia kata faham.

**Seorang Ahli:** Dia tidak faham.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang dia faham. Cuma Tuan Yang di-Pertua tidak faham sekarang ini. Ya, memang ada kena mengena dengan apa yang disebutkan di sini. Bukan main-main itu. Saya hendak tahu sahaja, mengapa kita hendak adakan satu pindaan seumpama ini. Dikatakan di sini hendak mengelolakan itu dengan baik. Saya bersetujulah kalau hendak mengelolakan itu dengan baik. Tetapi di sini, adakah penilaian-penilaian jenis lain boleh digunakan untuk kakitangan kerajaan. CUEPACS memang ada banyak aduan mengenai peperiksaan PTK yang diperkenalkan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) dan CUEPACS menggesa pihak kerajaan memansuhkan peperiksaan ini kerana dianggap tidak berfungsi dengan baik dan mempunyai banyak kelemahan yang merugikan kakitangan kerajaan.

Di sini, yang penting sekiranya, apakah kita boleh memberi jaminan bahawa perasaan tidak puas hati ini dapat dielakkan apabila peperiksaan yang menggantikan PTK ini dapat dikelolakan oleh Majlis. Ini memang satu perkara yang penting. Walaupun tidak ramai yang berminat termasuk Yang Berhormat bagi Arau dan Yang Berhormat bagi Hulu Langat pun tidak begitu berminat tetapi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** Gulung, gulung.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak payah gulung. Kita ada banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak payah susah hati, Yang Berhormat. Baik ambil masa, tidak apa. Kalau banyak esok saya boleh bagi Yang Berhormat sambung.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya memang hendak sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau ada *point*, boleh teruskan. Kalau tidak ada *point*, boleh gulung.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang ada *point*. Tadi saya sudah sebutkan mengenai SSM, mengenai peperiksaan PTK. Apabila Majlis mengambil alih untuk mengelolakan peperiksaan yang menggantikan PTK, adakah ini akan menimbulkan kesangsian? Ketidakpuasan di kalangan kakitangan awam? Ini memang satu perkara penting. Tengok, semua orang asyik hendak tahu kerana yang terlibat ini satu juta orang, bukan main-main.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa menteri kata? Tadi saya sudah cakap, kalau saya menteri memang saya tidak tahu jawab. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Hah? Tidak tahu jawab? Tapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu. Dia ada mendalami masalah yang saya timbulkan tadi.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Macam mana tidak ada? Tengok! *[Sambil memperlihatkan beberapa kertas di atas meja dan di tangannya]*

**Seorang Ahli:** Pusing-pusing.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Pusing pulak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat jangan ganggu dialah. Beri peluang untuk dia berucap.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang hendak kacau saya saja tu. Sebab di dalam sistem SSM dan Yang Berhormat Menteri tidak memahami masalah peperiksaan PTK itu kerana dia baru sahaja jadi menteri iaitu selepas masalah SSM dan peperiksaan PTK diadakan dan dia senyum sajalah. Sepatutnya dia ambil kisah. Di waktu itu kita nampak penyelarasan di antara JPA, di antara Lembaga Kompetensi Jabatan, agensi Lembaga Kompetensi Kementerian di dalam pelaksanaan PTK dan siapa yang benar-benar bertanggungjawab dalam pelaksanaan

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bolehlah. Malam ini boleh buat sedikit persiapan dan esok sambunglah. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kita ada Usul Penangguhan jadi perbincangan Yang Berhormat bagi Kepong boleh disambung semula pada hari esok. Silakan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri. Ada Peraturan Mesyuarat 16(3).

## USUL

### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Peraturan Mesyuarat, sekejap ya Yang Berhormat ya? Saya pun point saya .... pasal dia kacau tadi. Kita mahu tangguh mesyuarat sekejap, bagi Ketua Pembangkang berucap. Ini Parlimen mahu sabotaj tetapi saya mahu tolong Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]** : Siapa sokong?

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]**: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]** : Baik.

### UCAPAN PENANGGUHAN

#### KEINGKARAN, KETIDAKDISIPLINAN SERTA CABARAN POLIS TERHADAP KABINET, KERAJAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

#### 5.31 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]**: Tuan Yang di-Pertua, keingkaran, ketidakdisiplinan serta cabaran polis terhadap Kabinet, kerajaan dan demokrasi berparlimen. *Posting* di dalam laman *web* rasmi polis yang menggariskan bantahan-bantahan dan tindakan-tindakan, balasannya yang akan diambil oleh polis jika cadangan utama Suruhanjaya Diraja Polis untuk penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salahlaku Polis atau IPCMC dilaksanakan merupakan kejadian terbaru dalam berlakunya keingkaran, ketidakdisiplinan serta cabaran polis terhadap Kabinet, kerajaan dan demokrasi berparlimen.

Terdapat suatu cadangan yang merangkumi 12 *points* terhadap apa yang akan polis lakukan untuk memprotes terhadap penubuhan IPCMC iaitu:

- (i) sentimen marah dan sedih dibayangkan melalui SMS dan telefon diterima dari setiap peringkat dari seluruh negara;
- (ii) kerja mengikut masa;
- (iii) menolak elaun RM100 dan menuntut kerja lima hari satu minggu, 8 jam sehari seperti mana lain-lain kakitangan awam;
- (iv) melaksanakan *core-business* sahaja. Menghakis semangat bersedia berkhidmat;
- (v) mengundi pembangkang pada tahun 2008;
- (vi) meminta pembangkang memperjuangkan hak polis di Parlimen;
- (vii) menuntut pucuk pimpinan *Exco* persatuan atau persatuan pegawai-pegawai kanan polis yang diwartakan oleh PPKPCPW meletakkan jawatan kerana gagal memperjuangkan kepentingan ahli;
- (viii) menuntut pucuk pimpinan PDRM meletakkan jawatan;
- (ix) biar jenayah naik;
- (x) pegawai penyiasat meletak jawatan beramai-ramai;

- (xi) kecewa polis sahaja dijadikan sasaran walaupun terdapat kelemahan lain-lain agensi kerajaan; dan
- (xii) kecewa kerana KKDN berdiam diri.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Bakri Omar telah cuba memandang ringan terhadap kewujudan bahan anti IPCMC di dalam laman *web* Polis Diraja Malaysia dengan menyatakan bahawa ia merupakan suatu tindakan yang tidak disengajakan kerana beliau telah bersetuju untuk menerbitkannya sebagai buku kecil dalaman yang hanya akan diedarkan di antara anggota-anggota polis. Ketua Polis Negara telah memeritkan lagi keingkaran dan cabaran polis kepada Kabinet dan pihak Parlimen kerana kesalahan yang paling besar ialah isi kandungannya manakala penerbitannya di dalam laman *web* rasmi polis ialah isu sekunder. Penyelewengan sebegini serta tindakan yang mengkompromi.

Peranan polis sebagai tidak berat sebelah, profesional dan menjunjung kedaulatan undang-undang yang tidak ada kepentingan politik adalah langsung tidak boleh diterima. Parlimen dan Kabinet perlu menyatakan dengan jelas bahawa ianya tidak membenarkan ingkaran dan cabaran terbuka sebegini terhadap prinsip-prinsip asas demokrasi dan tadbir yang baik daripada polis yang merupakan pelaksanaan dan bukan pembentuk dasar-dasar. Tindakan disiplin tegas perlu diambil terhadap mereka di dalam pasukan polis yang terlibat di dalam *revolt* terhadap pihak Menteri Kabinet dan Parlimen tanpa rasa takut atau pilih kasih termasuk Ketua Polis Negara. Sekian, terima kasih.

### 5.36 ptg.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di sini bahawa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memandang serius akan kenyataan mengenai reaksi dan sentimen tiga persatuan polis jika cadangan penubuhan sebuah badan penyemakan bebas dilaksanakan oleh kerajaan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, ekoran daripada perkara tersebut, Ketua Polis Negara dan pegawai kanan beliau telah datang dan menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan telah memohon maaf ke atas perkara tersebut terutama mengenai kenyataan reaksi dan sentimen mereka mengenai IPCMC dan menyatakan ketaatan dan kesetiaan Polis Diraja Malaysia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kerajaan.

Di dalam pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, wakil ketiga-tiga persatuan polis juga telah menyatakan rasa kesal dengan apa yang berlaku dan menyifatkan reaksi yang diluahkan bukanlah suatu ugutan atau ungkapan yang bersifat *revolting* terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau kerajaan. Mereka telah menarik balik kenyataan

reaksi dan sentimen mereka mengenai IPCMC. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yakin PDRM tidak berhasrat untuk bertindak di luar batasan undang-undang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Duduk, duduk, duduk. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yakin bahawa PDRM tidak berhasrat untuk bertindak di luar batasan undang-undang. Sebagai sebuah pasukan yang telah berkhidmat dengan penuh cemerlang bagi menjaga keselamatan dan keamanan negara, PDRM tidak akan meletakkan dirinya dalam keadaan di mana ketaatan dan kesetiiaannya boleh dipersoalkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberi penjelasan ke atas isu yang berbangkit. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku ketua kerajaan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang bertanggungjawab terhadap PDRM berpuas hati dengan penjelasan Ketua Polis Negara dan wakil ketiga-tiga persatuan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga berpuas hati dengan kesetiaan dan ikrar taat setia yang telah dibuat kepada beliau dan kerajaan dalam suatu perjumpaan khas yang telah diadakan di Putrajaya. Kementerian ini tidak bercadang untuk mengambil tindakan disiplin ataupun tindakan lain memandangkan Ketua Polis Negara dan warga PDRM keseluruhannya telah berikrar dan akan patuh kepada apa jua keputusan yang akan diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung isu IPCMC. Sekian, terima kasih.

## **DAYA SAING MALAYSIA DAN CABARAN KERENAH BIROKRASI**

### **5.39 ptg.**

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daya saing Malaysia dan cabaran kerenah birokrasi. Dalam laporan tahunan daya saing dunia 2006 yang terkini diterbitkan oleh *International Institute for Management Development (IMD), World Competitiveness Yearbook 2006* berpangkalan di Switzerland tercatat bahawa Malaysia berada dalam kedudukan ke-23 daripada 61 buah negara sebagai negara yang paling berdaya saing di dunia. Ini menunjukkan lonjakan lima anak tangga berbanding dengan kedudukan tahun lalu yakni pada kedudukan 28 pada tahun 2005.

Prestasi Malaysia ini lebih baik berbanding dengan negara maju seperti Jerman yang berada pada kedudukan ke-26, Perancis kedudukan ke 35, Korea Selatan ke-38, dan Itali ke-56. Dalam kelompok negara Asean, kedudukan Malaysia di tangga kedua selepas Singapura, Thailand di tangga ke-32, Filipina di tangga ke-49 dan Indonesia di tangga ke-60. China dan India adalah di antara negara yang paling pesat meningkat. China di tangga 19 meningkat 12 anak tangga sementara India di tangga ke-29 meningkat 10 anak tangga berbanding prestasi 2005.

Prestasi negara China dan India yang memberangsangkan ini menunjukkan betapa dalam konteks globalisasi, liberalisasi dan deregulasasi akan muncul pemain dan pesaing baru

berlumba dengan tangkas dalam landskap persekitaran dunia hari ini. Setiap negara yang sedang membangun perlu bersiap siaga *be ready and alert*, dengan izin untuk berubah, kreatif, inovatif dan bernilai tambah seperti mana yang ditegaskan dalam Misi Nasional Rancangan Malaysia Kesembilan. Setengah negara maju kesiapsiagaan mereka bukan sekadar untuk bersaing tetapi melepasi persaingan dengan izin *beyond competition* atau *superstition*.

Meskipun prestasi daya saing Malaysia menunjukkan peningkatan, namun prestasi keseluruhan ekonomi Malaysia menunjukkan kemerosotan daripada tangga ke 8 pada tahun 2005 kepada ke 11 pada tahun ini. Dalam beberapa *indicator*, *ranking* Malaysia juga merosot termasuklah imej Malaysia di luar negara, pemeliharaan alam sekitar, pengangguran belia, kawalan harga dan hala tuju dasar negara. Fenomena ini memberi implikasi bahawa peningkatan daya saing tidak menjanjikan iklim pembangunan ekonomi yang memberangsangkan. Maka kini timbul konsep TFP dengan izin *total factor productivity*, *ICOR* (*Incremental Capital Output Ratio*) dengan izin. Sejauh manakah kita bersedia untuk peranjakan ini?

Sehubungan itu beberapa isu perlu diteropong semula dengan teliti dan apakah strategi dan dasar kerajaan tentang perkara berikut:

- (i) strategi yang sihat untuk menjadi pemain utama dunia. Apakah tindakan yang diambil untuk menangani kerenah birokrasi *red-tape* dan *mentality* "*little Napoleons*" yang menghalang minat dan menjadi faktor penolak pelaburan luar dan swasta;
- (ii) sejauh manakah kepantasan dan kecekapan institusi *delivery* dalam pelaksanaan untuk mengurangkan kos terlindung dan meningkatkan daya saing;
- (iii) apakah langkah untuk meningkatkan nilai tambah dalam pembuatan, perkhidmatan dan pertanian melalui tumpuan dan peningkatan kepada sumbangan produktiviti faktor keseluruhan dengan izin *total factor productivity*, *incremental capital output ratio*, kualiti modal insan dan memperbaiki kapasiti dalam pelbagai institusi;
- (iv) bagaimanakah untuk membentuk dasar luar negara yang menggalakkan persekitaran yang kondusif, mengukuhkan kerjasama, keamanan, kestabilan, menyertai perjanjian perdagangan dua hala dan serantau, meneroka pasaran dan mempromosi eksport;
- (v) apakah usaha untuk memperkasa kapasiti inovasi dan kreativiti SME untuk bersaing dalam pasaran global;
- (vi) bagaimana untuk mempertingkatkan infrastruktur teknologi dan saintifik;

- (vii) Sejauh manakah kepentingan latihan dan pendidikan sepanjang hayat dan seluas hidup untuk membina 'a learning society, a learning organization' telah direalisasikan.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu dalam membincangkan kedudukan daya saing negara telah meminta kerajaan antara lain mengkaji dengan teliti dasar dan strategi untuk mengurangkan kerenah birokrasi bagi menarik pelaburan asing, meningkatkan sumbangan produktiviti, faktor menyeluruh dengan izin, *total factor productivity (TFP)*, modal insan melalui latihan dan pendidikan sepanjang hayat, meningkatkan keupayaan institusi dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pertanian, memastikan dasar luar yang kondusif untuk meningkatkan eksport, memperkasa keupayaan inovasi yang kreativiti, *enterprise* kecil dan sederhana dan mempertingkatkan infrastruktur teknologi dan saintifik.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi daya saing negara mengikut laporan *World Competitiveness Year Book 2006*, Malaysia telah mencatat kemajuan dalam faktor kecekapan kerajaan iaitu di tempat ke 20 daripada 26, kecekapan perniagaan di tempat ke 20 daripada 25 dan infrastruktur di tempat ke 31 daripada 34. Dalam faktor kecekapan kerajaan Malaysia telah berjaya meningkatkan tahap kedudukan daya saing dan menunjukkan keberkesanan dalam usaha jentera pentadbiran serta sistem penyampaian yang telah dijalankan oleh kerajaan. Ini termasuklah usaha-usaha mengurangkan birokrasi dengan memudahkan sistem prosedur serta penggunaan indikator prestasi utama.

Mengenai tanggapan bahawa birokrasi memberi halangan kepada perniagaan ataupun tidak dengan izin *bureaucracy hinders all does not hinders in the business activity* mengikut *World Competitiveness Year Book 2006*, kedudukan Malaysia adalah bertambah baik daripada kedudukan ke 24 kepada kedudukan ke 11. Walaupun faktor daya saing prestasi ekonomi telah menurun pada kedudukan ke 11 Malaysia masih mengekalkan kedudukannya yang kompetitif dalam prestasi ekonomi di bidang-bidang berikut:

Kedudukan ke 3 untuk eksport barangan. Kedudukan ke 4 untuk imbalan akaun semasa nisbah dagangan pada keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan kadar pengangguran. Kedudukan ke 5 untuk *tourism receive*, dengan izin. Kedudukan ke 9 untuk inflasi dan kedudukan ke 10 untuk *index cost of living*, dengan izin.

Selain daripada itu Malaysia masih mengekalkan kedudukannya kompetitif bagi *cost of doing business*, dengan izin dalam sektor perkilangan seperti berikut. Pertama, bagi pertumbuhan unit kos buruh ke 14 bagi ganjaran pekerja, ke 18 bagi *east of doing business* dengan izin dan ke 20 bagi kadar cukai korporat. Dari segi mengurangkan kerenah birokrasi dan

mempercepatkan proses kelulusan bagi menarik pelaburan MITI telah mengambil beberapa langkah antaranya adalah mempercepatkan proses pengeluaran Sijil Perintis kepada 20 hari berbanding 40 hari sebelum ini, mempercepatkan proses kelulusan lesen pengilang kepada dalam tempoh tujuh hari bekerja berbanding 14 hari sebelum ini, mempercepatkan proses kelulusan pengecualian duti import ke atas bahan mentah dan komponen kepada dalam tempoh 14 hari berbanding lapan minggu sebelum ini. Mempercepatkan proses pendaftaran status Pusat Olahan Antarabangsa (IPC) dan pejabat perwakilan syarikat asing kepada empat minggu daripada enam minggu sebelum ini. Dan mewujudkan kaedah memimpin pelabur tempatan dan asing mendapat semua kelulusan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri sehingga pelabur memulakan operasi mereka.

Bagi meningkatkan nilai ditambah sektor perkilangan, perkhidmatan dan pertanian kerajaan merangka beberapa strategi dan dasar untuk meningkatkan sumbangan TFP, modal insan dan keupayaan institusi. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan sumbangan TFP kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) adalah sebanyak 29% dan sumbangan ini dijangka akan terus meningkat kepada 35.8% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (INP 3) dari tahun 2006 kepada tahun 2020 yang akan dilancarkan pada tahun ini kerajaan telah menetapkan sasaran sumbangan TFP yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pertanian. Peningkatan sumbangan TFP adalah dijangka disumbangkan oleh lima faktor utama iaitu peningkatan dari segi kemahiran dan pengetahuan kerja. Kedua, penstrukturan industri. Ketiga, struktur modal. Keempat, intensiti permintaan dan kelima kemajuan teknikal. Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah urusan mesyuarat kita bagi hari ini. Dengan ini saya menangguhkan persidangan Dewan sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.48 petang.***